



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BUKU PANDUAN CAJ KEMUDAHAN PERUBATAN

(EDISI KEDUA)

KOMPILASI CAJ, PENGECUALIAN FI PERUBATAN
&
SOALAN LAZIM (FAQ)



BUKU PANDUAN CAJ KEMUDAHAN PERUBATAN (EDISI KEDUA)

**KOMPILASI CAJ, PENGECAULIAN FI PERUBATAN
&
SOALAN LAZIM (FAQ)**

**BAHAGIAN KEWANGAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2023**

BUKU PANDUAN CAJ KEMUDAHAN PERUBATAN (EDISI KEDUA)

**KOMPILASI CAJ, PENGECAULIAN FI (PERUBATAN)
&
SOALAN LAZIM (FAQ)**

Buku Panduan Kemudahan Perubatan (Edisi Kedua)
Kompilasi Caj Pengecualian Fi Perubatan & Soalan Lazim (FAQ)
Cetakan Kedua November 2023

© Hak Cipta Bahagian Kewangan
Kementerian Kesihatan Malaysia 2023

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali atau disiarkan dalam apa-apa juar cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sebarang keterangan lanjut, sila hubungi:
Cawangan Pengurusan Hasil
Bahagian Kewangan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Malaysia

www.finance.moh.gov.my

ISI KANDUNGAN

Sekapur Sireh Ketua Setiausaha

Seulas Pinang Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan

Kata Alu-Aluan Ketua Sidang Editorial

BAHAGIAN I : DEFINISI / TAKRIFAN

1

BAHAGIAN II : SENARAI PENGECUALIAN FI PERUBATAN

1 Warganegara

5

- 1.1 Orang Awam
- 1.2 Tahanan Polis / Pusat Serenti / Mangsa Pemerdagangan Orang
- 1.3 Orang Asli
- 1.4 Orang Kurang Berkemampuan
- 1.5 Panel Kesihatan
- 1.6 Orang Kurang Upaya (OKU)
- 1.7 Ibu Tunggal
- 1.8 Imam / Pegawai - Pegawai Masjid Negeri
- 1.9 Kanak-Kanak
- 1.10 Person Under Surveillance (PUS) / Person Under Investigation (PUI) COVID-19
- 1.11 Bakal Pengantin
- 1.12 Pesakit Penyakit Berjangkit
- 1.13 Penderma Darah / Organ

2 Penjawat Awam

26

- 2.1 Penjawat Awam Persekutuan
- 2.2 Penjawat Awam Negeri (PAN) / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- 2.3 Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- 2.4 Tentera

3 Pelajar

42

- 3.1 Sekolah / Madrasah
- 3.2 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) / Politeknik / Kolej

4 Warganegara Asing	50
4.1 Kanak-Kanak	
4.2 Person Under Surveillance (PUS) / Person Under Investigation (PUI) COVID-19	
4.3 Banduan	
4.4 Penderma Darah / Organ	
4.5 Rakyat Bosnia - Herzegovina	
4.6 Migran Syria	
4.7 Pelarian di bawah United Nation High Commissioner for Refugee (UNHCR)	
4.8 Pesakit Penyakit Berjangkit	
4.9 Pekerja Estet	
4.10 Tahanan Polis / Pusat Serenti / Mangsa Pemerdagangan Orang	
5 Kategori Lain-Lain	59
5.1 Institusi Kekeluargaan Diraja	
5.2 Ahli Parlimen	
5.3 Yang di-Pertua Dewan Rakyat	
5.4 Anggota Pentadbiran	
5.5 Anggota Bukan Kerajaan (NGO)	
 Bahagian III : Soalan Lazim (FAQ)	
6 Warganegara	65
6.1 Orang Awam	
6.2 Orang Kurang Upaya (OKU)	
6.3 Jemaah Haji / Umrah	
6.4 Orang Kurang Berkemampuan	
6.5 Orang Asli	
6.6 Warga Emas	
6.7 Kanak - Kanak	
6.8 Orang Kenamaan	
6.9 Penjawat Awam	
6.10 Penjawat Awam Negeri (PAN) / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	
6.11 Penjawat Awam - Tentera	
6.12 Pelajar Sekolah / Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)	
6.13 Pergigian	
6.14 Deposit Perubatan	
6.15 Laporan Perubatan / Insurans	
6.16 Pelbagai	
7 Warganegara Asing	88
7.1 Pemastautin Tetap (PR)	
7.2 Pesakit di Jabatan Kecemasan	
7.3 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)	
Garis Panduan Pengurusan Hasil	95
Lampiran	100
Senarai Akronim	106
Sidang Editorial	109
Sekilas Kenangan Gerak Kerja Sidang Editorial	110
Penghargaan	111

SEKAPUR SIREH KETUA SETIAUSAHA



Assalamualaikum wrt. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah syukur saya panjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, buku "Panduan Caj Kemudahan Kesihatan: Kompilasi Caj, Pengecualian fi Perubatan & Soalan Lazim (FAQ)" dapat diterbitkan.

Sektor kesihatan merupakan tunjang kepada kesejahteraan sesebuah negara. Peningkatan tahap kesihatan yang baik adalah cerminan kepada kualiti kehidupan rakyat. Jika diperhatikan saban tahun, bajet tahunan negara bagi sektor kesihatan memperlihatkan trend peningkatan. Ini menunjukkan bahawa kesihatan rakyat menjadi prioriti utama Kerajaan.

Dalam usaha Kerajaan memastikan semua rakyat mendapat akses yang baik kepada perkhidmatan kesihatan negara, pelbagai subsidi serta pengecualian diberikan untuk membolehkan pihak yang berkelayakan mendapat perkhidmatan kesihatan sewajarnya. Oleh yang demikian, bagi mengelakkan berlakunya kesalahan dalam urus tadbir pengenaan fi kepada pesakit, peraturan fi perubatan serta keputusan berhubung semua pengecualian yang diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM) atau Ketua Setiausaha Perbendaharaan atas justifikasi tertentu hendaklah disampaikan dan difahami dengan baik kepada semua pegawai di fasiliti KKM.

Saya yakin buku ini dapat membantu memastikan penyeragaman pelaksanaan pengenaan caj rawatan kepada pesakit selaras dengan ketetapan Perintah Fi (Perubatan) 1982, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017, Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 serta dasar, garis panduan dan pekeliling yang berkuatkuasa.

Akhir kalam, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah buat pasukan Bahagian Kewangan serta semua pihak yang terlibat atas kejayaan menerbitkan buku ini. Semoga ia menjadi panduan yang berguna buat semua yang terlibat dalam usaha kita untuk mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan negara.

Sekian, terima kasih.

YBHG DATO' SERI IR. ZAINI BIN UJANG
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

SEULAS PINANG

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)



Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera.

Pertamanya saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah inayah dan petunjuknya buku "Panduan Caj Kemudahan Kesihatan: Kompilasi Caj, Pengecualian Fi Perubatan & Soalan Lazim (FAQ)" berjaya diterbitkan.

Buku ini merupakan kesinambungan daripada "Buku Panduan Kemudahan Rawatan Perubatan" yang diterbitkan pada tahun 2019. Buku ini merupakan panduan kepada semua pegawai di fasiliti KKM, khususnya di Hospital dan Klinik yang terlibat secara langsung dalam pengurusan hasil fi perubatan.

Saya yakin buku ini dapat membantu pengurusan fasiliti KKM membuat rujukan pantas bagi mengelakkan keraguan dan kekhilafan dalam proses pengenaan caj kepada pesakit. Selain itu, saya juga yakin ia akan membantu pentadbiran fasiliti KKM untuk meningkatkan kualiti pengurusan sistem kutipan hasil supaya lebih cekap, seragam, teratur serta berkesan.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pasukan Sidang Editor, Bahagian Kewangan KKM serta semua pihak yang terlibat atas usaha dan kejayaan penerbitan buku "Panduan Caj Kemudahan Kesihatan: Kompilasi Caj, Pengecualian Fi Perubatan & Soalan Lazim (FAQ)".

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATO' SRI NORAZMAN AYOB
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

KATA ALUAN KETUA SIDANG EDITORIAL



Salam Sejahtera.

Tahniah dan syabas diucapkan atas usaha kuat semua pihak khususnya pegawai-pegawai dari Cawangan Pengurusan Hasil, Bahagian Kewangan bagi menerbitkan buku "Panduan Caj Kemudahan Kesihatan: Kompilasi Caj, Pengecualian Fi Perubatan & Soalan Lazim (FAQ)".

Cabarannya dalam pengurusan hasil adalah memastikan pengurusan fasiliti KKM meliputi hospital dan klinik mempunyai maklumat dan kefahaman yang tepat berkaitan tatacara serta peraturan yang ditetapkan. Proses penyampaian maklumat serta kefahaman memerlukan masa yang panjang jika ia tidak dirancang dengan sebaiknya. Menyedari akan keperluan ini, sebuah buku panduan yang komprehensif diperlukan supaya dapat menjadi panduan kepada pegawai yang berkaitan sebagai rujukan khususnya apabila terdapat situasi yang berbeza dari kebiasaan.

Saya yakin penerbitan buku ini secara langsung dapat melancarkan kerja pegawai dan petugas kaunter dalam melaksanakan urusan kutipan fi perubatan di semua fasiliti KKM.

Akhir kata, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pegawai-pegawai dari Jabatan Kesihatan Negeri, hospital dan klinik-klinik yang turut serta memberi input dan maklum balas dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Sekian, terima kasih.

DHANESH KUMAR DANESEKARAN
Setiausaha Bahagian Kewangan KKM
Merangkap Ketua Editorial

BAHAGIAN 1

DEFINISI & TAKRIFAN

DEFINISI / TAKRIFAN

1. Rawatan

Pelbagai perkhidmatan perubatan yang diberi kepada pesakit termasuk pendaftaran, perundingan, keselesaan – keselesaan perubatan, diagnosa dan bekalan ubat.

2. Caj Lawatan

Termasuk caj pendaftaran, perundingan dan ubat.

3. Caj Wad

Caj bagi makanan dan tempat tidur.

4. Caj siasatan

Caj yang dikenakan bagi sesuatu prosedur yang merupakan satu bantuan kepada diagnosis selain dari perkara-perkara yang diliputi oleh caj pembedahan.

5. Hospital

Mana-mana hospital Kerajaan meliputi hospital latihan sesuatu Universiti, Klinik Kerajaan dan mana-mana Institusi Perubatan Persekutuan.

6. Institusi Perubatan Persekutuan

Hospital dan institusi perubatan yang diisytiharkan oleh Kerajaan sebagai suatu Institusi Perubatan Persekutuan.

7. Pegawai Perubatan

Seorang pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.

8. Pengamal Persendirian

Seorang pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.

9. Kanak-kanak Umur Pra-Sekolah

Had umur bagi kanak-kanak umur pra-sekolah sepetimana takrifan oleh Seksyen 2, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] adalah empat (4) hingga enam (6) tahun. Walau bagaimanapun, KKM menggunakan takrifan kanak-kanak pra sekolah adalah kanak-kanak yang berumur 6 tahun dan ke bawah.

10. Pemeriksaan Kesihatan

Pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai perubatan ke atas seseorang untuk menentukan tahap kesihatan bagi pelbagai tujuan. Pemeriksaan Kesihatan pakej asas meliputi pemeriksaan urine FEME, fizikal dan X-ray.

11. Sekolah

Semua sekolah yang mengamalkan sistem pendidikan berdasarkan pendidikan Kerajaan iaitu bagi pendidikan awal (Taman Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak – TASKA), Pra-sekolah, Tadika, Sekolah Rendah (darjah 1 hingga darjah 6) dan sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6).

Rujukan:

- i. Perintah Fi (Perubatan) 1982, Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017;
- ii. Perintah Am Bab F; dan
- iii. Surat-surat Kementerian Kewangan dan Bahagian Kewangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkuat kuasa.

12. Pelajar

Seseorang yang berumur 21 tahun ke bawah dan masih bersekolah.

13. Keluarga

- i. Isteri atau suami;
- ii. Anak-anak yang berumur sehingga 18 tahun dan sekiranya bersekolah, berumur sehingga 21 tahun;
- iii. Anak-anak yang cacat otak atau cacat anggota tidak kira umur;
- iv. Anak-anak tiri dan anak-anak angkat yang diambil mengikut undang-undang;
- v. Balu yang belum berkahwin semula.

14. Ibu bapa yang sah

Ibu bapa kandung, ibu tiri atau bapa tiri atau ibu bapa angkat yang sah di sisi undang-undang. Dihadkan kepada seorang ibu yang sah dan seorang bapa yang sah sahaja pada satu-satu masa.

15. Anak Daif

Anak kepada seorang Pegawai Awam yang tidak mampu menguruskan diri sendiri dan perlu ditentukan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan KKM.

16. Warga Emas

Seseorang yang berumur 60 tahun dan ke atas sama ada bekerja atau tidak bekerja.

17. Badan Berkanun

Jabatan Kerajaan yang dibentuk mengikut akta tertentu dan mempunyai kuasa tersendiri.

18. Pusat Jagaan Kerajaan (Kanak-Kanak) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

- i. **Rumah Kanak-kanak** – Rumah Kanak-kanak adalah institusi Tempat Selamat bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah seksyen 54 Akta Kanak-Kanak 2001.
- ii. **Rumah Tunas Harapan** – Rumah Tunas Harapan (RTH) adalah rumah kanak-kanak sistem berkeluarga yang berperanan memberi jagaan, perlindungan dan kasih sayang dalam suasana sebuah keluarga kepada kanak-kanak yang tidak dapat hidup bersama ibu bapa / keluarga kandung.
- iii. **Rumah Perlindungan Anti Pemerdagangan Orang (RP ATIP)** – Rumah Perlindungan yang diwartakan sebagai tempat selamat di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007.
- iv. **Asrama Akhlak** – Institusi yang ditubuhkan atau ditetapkan sebagai tempat tinggal di situ yang ditubuhkan di bawah seksyen 61 Akta Kanak-Kanak 2001.
- v. **Sekolah Tunas Bakti** – Institut Sekolah Diluluskan bagi pendidikan, latihan dan penahanan kanak-kanak yang ditubuhkan dan penahanan kanak-kanak yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah seksyen 65 Akta Kanak-Kanak 2001
- vi. **Taman Seri Puteri** – Institut Tempat Perlindungan bagi pemeliharaan dan pemulihan kanak-kanak yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah seksyen 55 Akta Kanak-Kanak 2001.

Rujukan:

- i. Perintah Fi (Perubatan) 1982, Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017;
- ii. Perintah Am Bab F; dan
- iii. Surat-surat Kementerian Kewangan dan Bahagian Kewangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkuat kuasa.

BAHAGIAN 2

SENARAI PENGECUALIAN FI PERUBATAN

WARGANEGARA

- | | |
|--|--|
| 1.1 Orang Awam | 1.8 Imam / Pegawai-Pegawai Masjid Negeri |
| 1.2 Tahanan Polis / Pusat Serenti / Mangsa Pemerdagangan Orang | 1.9 Kanak-Kanak |
| 1.3 Orang Asli | 1.10 Person Under Surveillance (PUS) / Person Under Investigation (PUI) COVID-19 |
| 1.4 Orang Kurang Berkemampuan | 1.11 Bakal Pengantin |
| 1.5 Panel Kesihatan | 1.12 Pesakit Penyakit Berjangkit |
| 1.6 Orang Kurang Upaya (OKU) | 1.13 Penderma Darah / Organ |
| 1.7 Ibu Tunggal | |

1.1 Orang Awam

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Peserta Kursus Pendidikan Pra Sekolah (tabika anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri).	Caj berjumlah RM20.00 bagi pemeriksaan kesihatan pakej asas merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan urine FEME.	Borang pemeriksaan perubatan Perintah Am 23(a) Bab A 1973.	Surat Bahagian Kewangan (31) dlm.KKM-203/18/1 Jld.24 bertarikh 22 Mei 2002
2.	Orang awam yang mendapat lantikan ke jawatan di bawah badan berkanun.	i. Percuma pemeriksaan kesihatan pakej asas (jika ada surat tawaran dan surat pengesahan majikan bahawa tiada panel doktor); atau ii. Caj berjumlah RM20.00 bagi pemeriksaan kesihatan pakej asas (bagi badan berkanun yang mempunyai panel doktor atau tiada surat pengesahan majikan).	Surat tawaran, surat pengesahan (GL) majikan.	Surat Bahagian Kewangan (34) dlm.KKM-203/18/02 Jld.4 bertarikh 17 Julai 1993 Lampiran A Perenggan 3(a)(1)
3.	Petugas pengendali makanan di pusat banjir sementara.	Percuma suntikan vaksin Anti-Typhoid. Untuk tempoh pengoperasian pusat sahaja.		Surat Bahagian Kewangan (30) dlm.KKM-58/900/92 bertarikh 5 Januari 2015
4.	Pemeriksaan perubatan bagi warganegara berumur 60 tahun ke atas untuk tujuan memperbaharui lesen senjata api dan lesen pengangkutan awam (PSV).	Caj berjumlah RM100.00 bagi pemeriksaan kesihatan pakej asas merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan urine FEME. Caj berjumlah RM1.00 bagi pemeriksaan fizikal yang ringkas di Jabatan Pesakit Luar Am. Contoh: pemeriksaan penglihatan / mata sahaja atau pemeriksaan pendengaran sahaja.		i. Surat Bahagian Kewangan (71) dlm.KKM-203/18/1 Jld.8 bertarikh 15 Ogos 1995 ii. Surat Bahagian Kewangan (80) dlm.KKM-203/18/1 Jld.10 bertarikh 3 Februari 1996 iii. Surat Bahagian Kewangan (103) dlm.KKM-203/18/1 Jld.15 bertarikh 29 Julai 1997
5.	Pesakit terpilih yang dengan sukarela bersetuju menawarkan diri sebagai objek peperiksaan / sampel latihan bagi tujuan program pendidikan perubatan di bawah KKM.	Percuma bayaran bil hospital wad Kelas Tiga. Untuk tujuan kawalan dalaman, sebarang program Pendidikan perubatan perlu mendapat kelulusan daripada KKM.	Surat permohonan dari fasiliti. Surat kelulusan KKM bagi pelaksanaan Program Pendidikan Perubatan.	i. Surat Bahagian Kewangan bil(56) dlm.KKM.203/69 Jld.2 bertarikh 7 Januari 2008 ii. Surat Kementerian Kewangan KK/BP(S)09/692/79 Jld.5 sk.1/2007/(3) bertarikh 22 November 2007
6.	Pengguna van jenazah.	i. Percuma jika penggunaan kereta jenazah di antara klinik kesihatan / hospital; ii. Sekiranya penggunaan van jenazah diminta oleh waris, pembayaran hendaklah dilakukan sebelum perjalanan dan mengikut jarak sebenar perjalanan; iii. Pembayaran tol bagi perjalanan pergi akan		Surat Bahagian Kewangan (84) dlm.KKM-203/18 Jld.16 bertarikh 19 November 1997

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
		<p>ditanggung oleh pengguna, tol bagi perjalanan balik ditanggung oleh hospital;</p> <p>iv. Bagi perjalanan ambulan / van jenazah yang dipanggil ke satu tempat untuk mengambil pesakit atau mengambil pesakit di hospital lain dikenakan caj ulang alik; dan</p> <p>v. Bagi ambulan yang sememangnya harus ke tempat lain atas sebab tertentu dan dalam perjalanan balik telah mengambil pesakit, dikenakan caj sehala.</p>		<p>ii. Surat Bahagian Kewangan (77)KKM-203/18/01 Jld.9 bertarikh 3 November 1995</p> <p>iii. Surat Bahagian Kewangan (19)dlm.KKM-203/18/01 Jld.11 bertarikh 23 Mac 1996</p> <p>iv. Surat Bahagian Kewangan (67)dlm.KKM 192/2/1 Jld.V bertarikh 23 Julai 2001</p> <p>v. Surat Bahagian Kewangan (93)dlm.KKM-203/18/1 Jld.10 bertarikh 8 Februari 1996</p>
7.	Orang awam yang dilantik menganggotai Anggota Bomba Sukarela seluruh Malaysia.	<p>Caj berjumlah RM20.00 bagi pemeriksaan kesihatan pakej asas merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan urine FEME.</p> <p>Caj tambahan akan dikenakan sekiranya terdapat ujian tambahan lain.</p>	Surat tawaran lantikan.	<p>i. Surat Kementerian Kewangan KK/BPWA1/(S)09/692/79 Jld.4 sk.5/2012(17) bertarikh 21 Disember 2012</p> <p>ii. Surat Bahagian Kewangan (81)dlm.KKM-58/900/69 Jld.7 bertarikh 07 Januari 2013</p>
8.	Ibu-ibu yang menjalani rawatan antenatal dan postnatal di Jabatan Pesakit Luar.	<p>Percuma bagi caj lawatan termasuk segala siasatan di Jabatan Pesakit Luar Am sahaja.</p> <p>Bagi rawatan yang diterima di Jabatan Pesakit Luar Pakar caj dikenakan mengikut Jadual A Bahagian 2, Perintah Fi (Perubatan) 1982.</p>	Rekod kesihatan ibu. Kad pengenalan.	Surat Bahagian Kewangan (79)dlm.KKM 203/18/1 Jld.16 bertarikh 14 November 1997
9.	Orang awam dalam kes „Mother Accompany Child“ (MAC).	<p>Pengecualian caj MAC diberikan kepada pesakit awam di wad Kelas Tiga (warganegara sahaja) bagi kes MAC.</p> <p>Orang awam yang memohon menduduki kelas wad lebih tinggi caj penuh MAC akan dikenakan (caj MAC adalah 50% daripada caj wad).</p>		<p>i. Surat Bahagian Kewangan (55) dlm.KKM 203/18 Jld.3 bertarikh 12 Disember 2001</p> <p>ii. Surat Kementerian Kewangan KK/ BP(S) 09/692/79 (92) bertarikh 30 November 2001</p> <p>iii. Surat Bahagian Kewangan (14)dlm.KKM-203/18 Jld.3 bertarikh 3 September 2000</p>

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
10.	Pesakit warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas.	<p>i. Pesakit yang datang ke hospital / klinik KKM sebagai pesakit luar am dikecualikan daripada bayaran pendaftaran RM1.00. Pengecualian termasuk segala siasatan termasuk caj radiologi dan ujian makmal. Walau bagaimanapun, caj bagi setiap rawatan yang diberikan perlu dikenakan caj selaras Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017;</p> <p>ii. Pesakit yang datang ke hospital / klinik sebagai pesakit luar pakar atas rujukan pegawai perubatan Kerajaan dikecualikan bayaran RM5.00. Pengecualian termasuk segala siasatan termasuk caj radiologi dan ujian makmal. Walau bagaimanapun, setiap rawatan yang diberikan perlu dikenakan caj selaras Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017;</p> <p>iii. Pesakit yang datang sebagai pesakit luar pakar atas rujukan pengamal perubatan swasta dikenakan caj RM30.00 bagi lawatan pertama. Bayaran pendaftaran RM5.00 bagi <i>follow-up</i> seterusnya adalah dikecualikan. Bayaran tersebut tidak termasuk siasatan dan rawatan. Sebarang prosedur berkaitan radiologi dan ujian makmal serta rawatan perlu dikenakan caj selaras dengan Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017;</p> <p>iv. Pesakit yang dimasukkan sebagai pesakit Kelas Tiga adalah layak mendapat pengurangan caj 50% termasuklah caj wad, siasatan dan rawatan dengan jumlah caj maksimum RM250.00 bagi setiap kemasukan; dan</p> <p>v. Pesakit yang telah keluar daripada wad (sama ada rujukan swasta atau Kerajaan) dan perlu mendapatkan rawatan susulan di Jabatan Pesakit Luar Am / Pakar boleh dikecualikan daripada caj pesakit luar sebanyak RM1.00 / RM5.00. Pengecualian tersebut adalah termasuk segala siasatan. Walau bagaimanapun, caj rawatan perlu dikenakan selaras dengan Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.</p>	Kad pengenalan diri.	<p>i. Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil.2/2012, (8) dlm.KKM-58/300/1-5 Jld.2 bertarikh 20 April 2012</p> <p>ii. Surat Kementerian Kewangan KK/BP/WA1/(S) 09/692/79 Jld.3 (sk17/2011) (3) bertarikh 5 Disember 2011</p>

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
11.	Pesakit yang meninggal dunia semasa menerima rawatan di hospital Kerajaan.	Pengecualian caj bayaran hospital bagi pesakit wad Kelas Tiga (warganegara) sahaja.		i. Surat Bahagian Kewangan (79) dlm.KKM-203/18 Jld.4 bertarikh 31 Mei 2003 ii. Surat Kementerian Kewangann KK/BP (S) 09/692/79 Jld.2 sk 3/2002 (11) bertarikh 26 Jun 2002
12.	Pesakit yang memohon ujian makmal (tanpa dirujuk oleh pegawai perubatan).	Kadar caj yang dikenakan adalah kadar Kelas Satu. Rujuk perintah fi yang sedang berkuatkuasa.		Surat Bahagian Kewangan (8) dlm.KKM-203/18/2 bertarikh 24 April 2002
13.	Pesakit Ortopedik wad Kelas Tiga.	<p>Percuma alat-alat implan / prostesis yang tersenarai dalam <i>approved product purchase list</i> (APPL). Tertakluk kepada peruntukan hospital.</p> <p>LAYAK MENDAPAT BEKALAN ALAT IMPLAN DAN PROSTESIS PERCUMA:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Semua pesakit Kelas Tiga di fasiliti KKM; ii. Anggota Perkhidmatan Awam dan pesara yang menerima pencen; iii. Orang Kurang Upaya yang berdaftar dengan JKM; iv. Orang-orang Asli; dan v. Murid-murid sekolah Kerajaan. <p>TIDAK LAYAK:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pesakit yang mempunyai faedah insurans perubatan; ii. Pesakit yang mencarum kepada PERKESO dan boleh menuntut kepada PERKESO; iii. Warganegara asing; dan iv. Pesakit menjalani pembedahan estetik. 	Surat pengesahan/eGL / surat sekolah.	i. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.23/2012 KKM/87/P1/1/1/3 Jld.2 (14) bertarikh 13 Ogos 2012 ii. Surat Kementerian Kewangan KK/BP(S) 09/692/79 Jld.2 sk 4/2003(3) bertarikh 26 Mei 2003
14.	Pesakit kanser yang memerlukan peralatan di Institut Kanser Negara (IKN) dan hospital.	<p>Kadar deposit bagi peralatan yang bernilai RM10,000.00 adalah RM500.00 sahaja.</p> <p>Sekiranya peralatan tersebut bernilai melebihi RM10,000.00, kadar deposit yang dikenakan adalah sebanyak 5% daripada kos sebenar peralatan.</p>		Surat Bahagian Kewangan KKM-58/900/92 Jld.4 (34) bertarikh 2 Jun 2016
15.	Pesakit yang memohon untuk mengadakan ujian urin dadah (<i>Urine Drug Test</i>).	Ujian Opiate (termasuk morphine, heroin dan opium) dan ganja perlu dikenakan caj yang berasingan. Ujian Opium RM60.00, Ujian Ganja RM60.00.		Surat Bahagian Kewangan (55) dlm.KKM-203/18/1 Jld.24 bertarikh 13 Julai 2002

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan								
16.	Pesakit yang memohon laporan perubatan kali kedua untuk tujuan tuntutan insurans atau undang-undang.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ RM40.00 Permohonan laporan perubatan melibatkan pengisian semula maklumat perubatan dari muka depan hingga ke tandatangan doktor dianggap sebagai permohonan baru. ▪ Percuma permohonan untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam laporan asal. ▪ 50% daripada kadar caj asal permohonan laporan perubatan pakar yang sama kali kedua. ▪ RM20.00 Permohonan salinan (fotostat) laporan perubatan kali kedua yang disahkan oleh pihak berkaitan (diakaunkan dalam hasil Kerajaan). 		i. Surat Bahagian Kewangan (75) dlm. KKM-203/28 Jld.2 bertarikh 5 September 2001 ii. Surat Bahagian Kewangan (81) dlm. KKM-203/28 Jld.2 bertarikh 27 April 2002 iii. Surat Bahagian Kewangan (65) dlm. KKM-203/28 Jld.2 bertarikh 27 Mac 2001								
17.	Golongan gelandangan sekitar Kuala Lumpur.	Percuma bagi caj pesakit luar dan caj pemeriksaan kesihatan pakej asas merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan <i>urine</i> FEME.	Surat pengesahan daripada JKM.	Surat Kementerian Kewangan rujukan KK/BP/WA1/(S)09/692/79 Jld.2 sk6/2010 (9) bertarikh 28 Disember 2010								
18.	Perkhidmatan 'Sleep Lab' di Hospital Putrajaya.	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Kelas</th> <th style="text-align: center;">Caj Sehari (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Wad Eksekutif</td> <td style="text-align: center;">300.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Kelas Satu (1 katil)</td> <td style="text-align: center;">160.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Kelas Satu (2 katil)</td> <td style="text-align: center;">130.00</td> </tr> </tbody> </table>	Kelas	Caj Sehari (RM)	Wad Eksekutif	300.00	Kelas Satu (1 katil)	160.00	Kelas Satu (2 katil)	130.00		Perintah Fi (Perubatan) (Pesakit Bayar Penuh) 2007
Kelas	Caj Sehari (RM)											
Wad Eksekutif	300.00											
Kelas Satu (1 katil)	160.00											
Kelas Satu (2 katil)	130.00											
19.	Orang awam yang membuat gigi palsu.	<p>Bayaran ansuran bagi pembuatan gigi palsu dikutip seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bayaran ansuran 2 kali ditetapkan. 50% daripada caj dikenakan sebelum permulaan pembuatan gigi palsu dan 50% lagi semasa pembekal dengan gigi palsu yang telah siap. ▪ Pesakit dimaklumkan mengenai <i>option</i> bayaran ansuran sebelum pembuatan gigi palsu. Resit di catit „bayaran 50% bagi gigi palsu”. Pesakit perlu dimaklumkan bayaran ansuran yang telah dibuat tidak boleh dituntut balik. 		Surat Bahagian Kewangan (32) dlm.KKM-203/18 bertarikh 7 Julai 1999								

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Apabila pesakit datang untuk mengutip gigi palsu yang telah siap, baki bayaran ansuran 50% hendaklah dikutip sebelum gigi palsu dibekalkan. Resit di catit „bayaran baki bagi gigi palsu”. 		
20.	Pemberian bantuan perubatan kepada <i>Next of Kin</i> (NOK) penumpang dan krew warganegara yang terlibat dalam naħas pesawat MH17.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Balu Layak mendapat bantuan perubatan / pergigian selagi tidak berkahwin semula. Layak untuk mendapat kemudahan perubatan / pergigian percuma yang disediakan oleh fasiliti kesihatan KKM sahaja: <ol style="list-style-type: none"> i. Pesakit luar am / pakar (<i>outpatient</i>); ii. Pesakit dalam – kelayakan Wad Kelas Tiga (<i>inpatient</i>); iii. Perkhidmatan perubatan (contoh: MRI, CT); iv. Alat ortopedik; v. Anggota palsu; dan vi. Rawatan asas di klinik pergigian (pemeriksaan mulut / cabutan gigi / tampalan / penskelaran). <p>TIDAK TERMASUK:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Rawatan di kemudahan kesihatan / pergigian swasta; ii. Rawatan di luar negara; iii. Rawatan di Institut Jantung Negara (IJN); iv. Ubat-ubatan yang tidak dibekalkan oleh KKM; v. Rawatan kemandulan; vi. Pemeriksaan kesihatan bagi kemasukan ke universiti / kerja / pengesahan OKU; dan vii. Rawatan <i>crowning</i>, gigi palsu, ortodontik, rawatan kosmetik pergigian dan lain-lain prosthesis pergigian dan rawatan kepakaran pergigian. ▪ Anak kandung / anak angkat yang sah Layak mendapat bantuan perubatan / pergigian sehingga berusia 18 tahun (21 tahun jika masih bersekolah). Tiada had umur bagi anak yang daif (mempunyai kelemahan otak / jasmani). 	Surat pengesahan NOK daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). (Nama dan nombor kad pengenalan dinyatakan).	Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bil. 1/2018 (56) KKM.400-9/1/3 Jld.5 bertarikh 14 Februari 2018

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
		<p>Layak untuk kemudahan perubatan percuma yang disediakan oleh fasiliti kesihatan KKM sahaja;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pesakit luar am / pakar (<i>outpatient</i>); ii. Pesakit dalam – kelayakan Wad Kelas Tiga (<i>inpatient</i>); iii. Perkhidmatan perubatan (contoh: MRI, CT); iv. Alat ortopedik; v. Anggota palsu; dan vi. Rawatan asas di klinik pergigian. <p>TIDAK TERMASUK:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Rawatan di kemudahan kesihatan / pergigian swasta; ii. Rawatan di luar negara; iii. Rawatan di Institut Jantung Negara (IJN); iv. Ubat-ubatan yang tidak dibekalkan oleh KKM; v. Rawatan kemandulan; vi. Pemeriksaan kesihatan bagi kemasukan ke universiti / kerja / pengesahan OKU; dan vii. Rawatan <i>crowning</i>, gigi palsu, ortodontik, rawatan kosmetik pergigian dan lain-lain prosthesis pergigian dan rawatan kepakaran pergigian. <p>Nota: Anak-anak juga layak mendapat keistimewaan di bawah kategori murid sekolah.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ibu bapa kandung Layak untuk kemudahan perubatan yang disediakan oleh fasiliti kesihatan KKM sahaja: <ul style="list-style-type: none"> i. Pesakit luar am / pakar (<i>outpatient</i>); ii. Pesakit dalam (<i>inpatient</i>) – mengikut Perintah Fi (Perubatan) 1982, bagi warga emas, potongan 50% untuk rawatan wad Kelas Tiga; iii. Perkhidmatan perubatan (contoh: MRI, CT) – caj mengikut Perintah Fi (Perubatan) 1982; dan iv. Rawatan asas di klinik pergigian (pemeriksaan mulut / cabutan gigi / tampilan / penskelaran) 		

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
		<p>TIDAK TERMASUK:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Rawatan di kemudahan kesihatan / pergigian swasta; ii. Rawatan di luar negara; iii. Rawatan di Institut Jantung Negara (IJN); iv. Ubat-ubatan yang tidak dibekalkan oleh KKM; v. Rawatan kemandulan; vi. Pemeriksaan kesihatan pengesahan OKU; vii. Alat ortopedik; viii. Anggota palsu; ix. Rawatan <i>crowning</i>, gigi palsu, ortodontik, rawatan kosmetik pergigian dan lain-lain prosthesis pergigian dan rawatan kepakaran pergigian; dan x. Rawatan pencegahan penyakit (contoh: imunisasi). <p>Nota: Ibu bapa juga layak mendapat keistimewaan tertentu apabila telah mencapai umur warga emas.</p>		
21.	<p>Penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Orang-orang yang menerima bantuan am; ii. Orang-orang cacat yang bekerja yang menerima elaun pekerja cacat; dan iii. Orang-orang yang menerima bantuan kebaikan. 	<p>Percuma rawatan pesakit luar.</p> <p>Kelayakan wad Kelas Tiga percuma.</p> <p>Terpakai bagi penerima bantuan dan penerima manfaat (rujuk surat JKM).</p>	<p>Surat pengesahan / surat sokongan pejabat Kebajikan Masyarakat.</p> <p>Surat Keputusan Permohonan Bantuan (yang dijana melalui sistem e-Bantuan).</p>	<p>i. Surat Bahagian Kewangan (13) dlm.KKM/900/18/1 Jld.31 bertarikh 22 Ogos 2011</p> <p>ii. Surat Kementerian Kewangan KK/BP (S)(9.00) 617-1 Jld.2 SK II(58) bertarikh 14 Mei 1996</p> <p>iii. Surat Bahagian Kewangan (92) dlm.KKM-203/18/01 Jld.11 bertarikh 22 Mei 1996</p> <p>iv. Surat Bahagian Kewangan (19) KKM.400-8/1/89 Jld.8 bertarikh 31 Januari 2019</p>

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
22.	Kumpulan Sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti berikut: i. Orang Papa di rumah Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK); dan ii. Kanak – kanak, Warga Emas dan OKU yang memohon kemasukan ke institusi kebajikan di bawah seliaan KKM.	Pengecualian fi ujian pengesahan COVID-19.	Surat pengesahan/surat sokongan pejabat Kebajikan Masyarakat. Surat Keputusan Permohonan Bantuan (yang dijana melalui sistem e-Bantuan).	i. Surat Bahagian Kewangan (64) KKM.400-9/5/3 Jld.5 bertarikh 23 Mac 2021 ii. Surat Bahagian Kewangan (5) KKM.400-9/1/3 Jld.18 bertarikh 18 November 2020
23.	Mangsa Keganasan Rumah Tangga yang akan ditempatkan di rumah Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK).	Pengecualian fi ujian pengesahan COVID-19.	Surat pengesahan/surat sokongan pejabat Kebajikan Masyarakat.	i. Surat Bahagian Kewangan (37) KKM.400-9/5/3 Jld.9 bertarikh 28 Jun 2021 ii. Surat Bahagian Kewangan (64) KKM.400-9/5/3 Jld.5 bertarikh 23 Mac 2021
24.	Warganegara yang mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.	Pengecualian fi suntikan vaksin COVID-19 dan caj pesakit luar.	Kad pengenalan yang dikeluarkan oleh JPN.	Surat Bahagian Kewangan (41) KKM.400-9/1/3 Jld.18 bertarikh 12 Mac 2021
25.	Pesakit <i>Diabetes Mellitus</i> .	Pengecualian caj lawatan sebanyak RM1.00 ke atas pesakit <i>Diabetes Mellitus</i> yang dirujuk oleh klinik kesihatan ke klinik pergigian bagi tujuan saringan <i>Periodontium</i> .	Surat rujukan doktor klinik kesihatan.	Surat Bahagian Kewangan (6) KKM.400-9/1/3 Jld.22 bertarikh 5 September 2022
26.	Pesakit di Institut Endokrin Hospital Putrajaya	Pengurangan caj bagi wad empat (4) katil berkipas di Institut Endokrin Hospital Putrajaya dikenakan pada kadar caj Kelas Tiga. <i>High Dependency Ward (HDW)</i> ditetapkan pada kadar yang sama seperti Unit Rawatan Rapi (ICU).		i. Surat Bahagian Kewangan (38) KKM.58/900/63 Jld.2 bertarikh 30 Disember 2022 ii. Surat Bahagian Kewangan (40) KKM.58/900/63 Jld.2 bertarikh 13 Januari 2023
27.	Pesakit yang menjalani pemeriksaan fizikal merangkumi perkara berikut: i. Berat; ii. Tinggi; iii. BMI; iv. Pemeriksaan mata; v. Pemeriksaan telinga;	Tiada caj dikenakan kerana tiada penggunaan <i>consumeable / disposable items</i> .		i. Surat Bahagian Kewangan (33) KKM.400-8/1/89 Jld.12 bertarikh 14 April 2020 ii. Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
	vi. Pemeriksaan kerongkong / leher; vii. Pemeriksaan suhu; viii. Pemeriksaan tekanan darah; ix. Pemeriksaan nadi; x. Pemeriksaan kadar penafasan; dan xi. Pemeriksaan mental.			
28.	Sukarelawan lantikan KKM seperti berikut: i. Panel Penasihat Klinik Kesihatan; ii. Wakil Kesihatan Kampung dan Sukarelawan Penjagaan Kesihatan Asas; dan iii. Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH).	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Dua percuma. Hanya layak semasa dalam tempoh lantikan sahaja.	Kad lantikan ahli sukarelawan.	i. Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019 ii. Surat Bahagian Kewangan KK/BP/WA1/09/547/1(8) bertarikh Mac 2009
29.	Program anjuran KKM seperti berikut: i. Lawatan ke rumah atas rujukan hospital / klinik (contoh lawatan susulan ibu dan anak / OKU / perkhidmatan rehabilitasi); dan ii. Lawatan ke institusi Kerajaan (contoh rumah kebajikan / pusat pemulihan / penjara).	Pengecualian caj perkhidmatan luar fasiliti. Tiada caj dikenakan bagi perkhidmatan bersalin / potong tali pusat oleh anggota kesihatan.		i. Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019 ii. Surat Bahagian Kewangan (50) KKM.203/18 Jld.4 bertarikh 19 Jun 2002
30.	Program anjuran bersama KKM dengan agensi Kerajaan / NGO.	Pengecualian caj perkhidmatan luar fasiliti. Permohonan daripada pihak lain seperti syarikat swasta perlu dikenakan caj sebanyak RM150.00 seorang.		Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
31.	Ibu bersalin di pusat bersalin alternatif atau rumah.	Pengecualian caj perkhidmatan luar fasiliti.		Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
32.	Pemohon lesen senjata api.	Dikenakan caj pesakit luar RM1.00 dan caj pemeriksaan kesihatan pakej asas merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan <i>urine</i> FEME sebanyak RM100.00.		Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
33.	Pengendali makanan.	Dikenakan caj pesakit luar RM1.00 dan caj pemeriksaan kesihatan pakej asas merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan <i>urine</i> FEME sebanyak RM100.00.		Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
34.	Permohonan bagi tuntutan insurans.	Dikenakan caj pesakit luar RM1.00 dan caj pemeriksaan kesihatan pakej asas merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan <i>urine</i> FEME sebanyak RM100.00.		Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
35.	Pemohon lesen memandu kenderaan.	Dikenakan caj pesakit luar RM1.00 dan caj pemeriksaan kesihatan pakej asas merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan <i>urine</i> FEME sebanyak RM100.00.		Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
36.	Pekerja syarikat swasta.	Dikenakan caj pesakit luar RM1.00 dan caj pemeriksaan kesihatan pakej asas merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan <i>urine</i> FEME sebanyak RM100.00.		Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
37.	Pesakit di Jabatan Kecemasan dan Trauma.	Dikenakan caj pesakit luar RM1.00.		Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019

1.2 Tahanan Polis / Pusat Serenti / Mangsa Pemerdagangan Orang

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Orang tahanan polis / banduan / anak-anak yatim dan orang tua di bawah jagaan Kerajaan. Turut melibatkan tahanan dari Akta Komunikasi Multimedia, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).	Rawatan percuma pesakit luar dan wad Kelas Tiga. 	Dirujuk oleh polis.	i. Surat Kementerian Kewangan bil (c) 0154/14 (SJ.4) Vol.3(12) bertarikh 6 November 1986 ii. Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
2.	Orang tahanan polis dan banduan yang dirujuk untuk rawatan lanjut.	Percuma rawatan wad Kelas Tiga dan bilik khas yang disediakan. Permintaan oleh ahli keluarga untuk memindahkan tahanan polis dan banduan ke wad kelas lebih tinggi tidak boleh dipertimbangkan.	Pengesahan daripada Pegawai Yang Menjaga di bawah Akta Penjara 1995 (bagi mengalihkan banduan ke sesuatu hospital Kerajaan).	Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 2 Tahun 1999 KKM-58/AM/017/ (26) bertarikh 23 November 1999
3.	Orang bukan tahanan polis yang dirujuk oleh polis. (Mangsa kemalangan / mangsa penganiayaan seperti mangsa rogol, cabul kehormatan dan deraan).	Percuma pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga. Tidak termasuk kes yang berpunca dari diri sendiri seperti bunuh diri / minum racun / mabuk dan pengguguran.	Dirujuk oleh polis. Rujuk Lampiran 4 .	Surat Bahagian Kewangan (80) dlm.KKM-203/18/1 Bhg.3 bertarikh 25 Mac 1994

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
4.	Anak kepada banduanita.	Pengecualian bayaran bagi anak kepada banduanita memandangkan anak tersebut tinggal bersama ibunya di dalam penjara.	Surat pengesahan Jabatan Penjara Malaysia.	Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 2 Tahun 1999 KKM-58/AM/017/ (26) bertarikh 23 November 1999
5.	Penjaga / pengiring bagi kakitangan Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan.	Mengikut peraturan <i>Mother Accompany Child (MAC)</i> .		Perintah Fi (Perubatan) 1982
6.	Pelatih pusat serenti / pusat jagaan lanjutan.	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga percuma, kecuali pembekalan gigi palsu dan rawatan ortodontik.	Pelatih diiringi oleh pegawai dari pusat berkenaan.	Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 2 Tahun 1999 KKM-58/AM/017/ (26) bertarikh 23 November 1999
7.	Banduan yang menjalani hukuman mati.	Pengecualian rawatan perubatan termasuk pemeriksaan kesihatan.	Dokumen pengenalan diri banduan dan diiringi oleh Pegawai Penjara / Polis.	i. Memo (6) KKM.100-1/1/1 Jld.11 bertarikh 5 Ogos 2019 ii. Surat Kementerian Kewangan bil (c) 0154/14 (SJ.4) Vol.3(12) bertarikh 6 November 1986
8.	Bekas banduan warganegara Malaysia yang telah menjalani hukuman penjara di luar negara telah dibebaskan dan pulang ke Malaysia.	Pengecualian fi ujian pengesanan COVID-19 di pintu masuk antarabangsa.	Surat pelepasan hukuman penjara di luar negara.	Surat Bahagian Kewangan (45) KKM.400-9/1/3 Jld.15 bertarikh 10 Ogos 2020

1.3 Orang Asli

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Penduduk Orang Asli di Semenanjung Malaysia.	Rawatan percuma pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga.	Surat pengesahan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli.	i. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.4/2012 ii. Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil.2/1989

1.4 Orang Kurang Berkemampuan

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Orang fakir miskin (yang menerima bantuan bulanan sahaja).	Rawatan percuma pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga.	Kad bantuan bulanan, surat pengesahan / surat khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri / Majlis Agama Islam Negeri.	i. Surat Pekeliling Bahagian Kewangan (Unit Pengurusan Hasil) Bilangan 14 Tahun 2004 ii. Surat Kementerian Kewangan KK/BP (S) 09/692/79 Jld.3 s.k.6/2004 (3) bertarikh 5 Mei 2004
2.	Pesakit walk-in ke IJNSB.	Pengecualian bayaran bagi pesakit miskin yang mendapatkan rawatan terus ke Unit Rawatan Intensif / Unit Rawatan Koronari (ICU / CCU) di IJNSB atas keperluan kecemasan.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Dokumen pengesahan dari IJNSB. ▪ Laporan penilaian sosio-ekonomi pesakit oleh unit taksiran Kementerian di IJNSB. 	Surat Bahagian Kewangan (35) dlm.KKM-203/30 Jld.9 bertarikh 17 Julai 2001
3.	Golongan B40 Di Bawah Skim Peduli Sihat B40 (PeKA B40).	Pengecualian fi pesakit luar dan pemeriksaan kesihatan. Pesakit di bawah Skim Peduli Sihat B40 perlu direkodkan dalam sistem ProtectHealth Corporation (PH Corp). Pengecualian caj Kelas Satu apabila dirujuk oleh pengamal perubatan swasta dan dikenakan caj sebagai rujukan pegawai perubatan Kerajaan. Tuntutan bayaran balik caj pendaftaran RM1.00 hendaklah dikemukakan kepada Syarikat ProtectHealth Corporation (PH Corp). Tuntutan bayaran balik caj pendaftaran ini akan dilaksanakan oleh Bahagian Kewangan KKM.	Salinan dokumen penerima bantuan Kerajaan (contoh: Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) / Bantuan Tunai Rahmah (BTR).	i. Surat Bahagian Kewangan (20) KKM.400-9/1/3 Jld.8 bertarikh 17 Januari 2019 ii. Surat Bahagian Kewangan (78) KKM.400-8/1/89 Jld.8 bertarikh 28 Mac 2019 iii. Surat Bahagian Kewangan (22) KKM.400-9/1/3 Jld.9 bertarikh 26 April 2019

1.5 Panel Kesihatan

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Ahli-Ahli Panel Penasihat Kesihatan.	Kelayakan wad Kelas Dua percuma.	Surat pelantikan.	<p>i. Surat Kementerian Kewangan KK/BP(S)09/691/79 Jld.5 sk.6/2003/(12) bertarikh 26 Mac 2004</p> <p>ii. Surat Bahagian Kewangan Bil (30)dlm.KKM-203/69 bertarikh 28 Julai 2004</p>

1.6 Orang Kurang Upaya (OKU)

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Pesakit Orang Kurang Upaya (OKU) warganegara.	Percuma caj pesakit luar dan kelayakan wad Kelas Tiga. Caj pemeriksaan kesihatan RM100.00 bagi kemasukan ke institusi NGO / swasta.	Kad OKU / surat pengesahan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dokumen sokongan.	<p>i. Surat Bahagian Kewangan (64) dlm.KKM-203/18 Jld.2 bertarikh 23 November 2000</p> <p>ii. Surat Kementerian Kewangan KK/BP (S) 09/692/79 (59) bertarikh 10 November 2000</p> <p>iii. Surat Bahagian Kewangan (31) dlm.KKM-203/18 Jld.3 bertarikh 9 Oktober 2001</p> <p>iv. Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019</p>
2.	Pemeriksaan kesihatan bagi pengesahan ketidakupayaan.	<p>Pemohon yang hadir ke fasiliti KKM sebagai pesakit luar akan dikenakan caj pendaftaran sebanyak RM1.00 di Jabatan Pesakit Luar Am atau RM5.00 di Jabatan Pesakit Luar Pakar.</p> <p>Individu yang ingin memohon pengesahan OKU daripada pegawai perubatan atau pengamal perubatan bagi tujuan pendaftaran dengan JKM akan dikenakan caj RM100.00 kecuali bagi golongan-golongan tertentu:</p>	Borang Permohonan Pendaftaran OKU. Rujuk Lampiran 5 .	Surat Pekeliling TKSU(K) KKM.400-8/1/89 Jld.7 (3) bertarikh 2 Oktober 2018

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
		<ul style="list-style-type: none"> i. Pemohon yang telah mempunyai rekod rawatan bagi kes berterusan di fasiliti KKM dan dalam rawatan; ii. Individu penerima bantuan kewangan Kerajaan yang hadir ke fasiliti KKM; iii. Individu yang dirujuk daripada <i>Outreach</i> yang dijalankan oleh agensi Kerajaan atau bukan Kerajaan dengan kerjasama KKM di sekolah atau komuniti melalui anggota kesihatan Kerajaan; dan iv. Individu yang jelas kecacatan fizikalnya seperti kudung tangan atau kaki atau buta penglihatan. 		
3.	Orang Kurang Upaya (OKU) warganegara Malaysia.	Pengecualian fi ujian pengesanan COVID-19.	Kad OKU yang dikeluarkan JKM.	Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi Bagi Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19)) 2020
4.	OKU Penglihatan.	Pengecualian fi ujian pengesanan COVID-19.	Kad OKU yang dikeluarkan JKM.	Surat Bahagian Kewangan (67) KKM.600-29/4/146 Jld.10 bertarikh 24 Mac 2021

1.7 Ibu Tunggal

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Ibu Tunggal dan isteri warganegara Malaysia yang mempunyai suami yang tidak sihat atau tidak berkemampuan untuk bekerja.	Pengecualian bayaran Rekod Perubatan bagi tujuan permohonan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT).	Borang Permohonan BKIT. Laporan Perubatan Ringkas / surat akuan Pegawai Perubatan.	Surat Bahagian Kewangan (11) KKM.400-9/1/3 Jld.17 bertarikh 6 Oktober 2020

1.8 Imam / Pegawai-pegawai Masjid Negeri

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Imam dan Pegawai-pegawai Masjid Negeri.	Pengecualian bayaran deposit untuk diri sendiri sahaja bagi kemasukan ke hospital. Caj dikenakan mengikut kadar fi warganegara. Bil sebenar akan dihantar kepada Jabatan Agama Islam Negeri.	Surat / kad jawatan.	Surat Kementerian Kewangan KK/BP(S) 09/692/79 Jld.3 sk.1/2004/ (2) bertarikh 12 Februari 2004

1.9 Kanak-kanak

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Bayi berusia 0, 1 & 6 bulan di bawah Program Imunisasi Kebangsaan (PIK).	Percuma pelalian Hepatitis B.	Sijil kelahiran atau Mykid.	Surat Bahagian Kawalan Penyakit Bil(15)dlm.KKM-171/BKP/09/45/0671 bertarikh 24 Mac 2009
2.	Kanak-kanak di bawah umur 1 tahun.	<p>Percuma caj lawatan (termasuk segala siasatan) di Jabatan Pesakit Luar Am sahaja iaitu caj RM1.00 dikecualikan.</p> <p>Caj lawatan di Jabatan Pesakit Luar Pakar perlu dikenakan. (RM5.00)</p> <p>Sekiranya mendapatkan rawatan, caj rawatan hendaklah dikenakan.</p>	Rujuk Lampiran 1.	Perintah Fi (Perubatan)1982 Perenggan 16(5)
3.	Kanak-kanak yang berusia 12 tahun ke bawah yang tidak bersekolah.	<p>Percuma bayaran hospital dan wad Kelas Tiga bagi golongan miskin / tidak berkemampuan sahaja. Selain daripada golongan ini, caj rawatan yang dikenakan adalah mengikut kadar caj orang awam.</p> <p>Pengecualian tidak dilanjutkan ke IJN.</p>		i. Surat Kementerian Kewangan KK/BP(S)(9.00) 617-1 Jld.2 sk.9(54) bertarikh 13 April 1996 ii. Surat Kementerian Kewangan (83) KKM.203/18/01 Jld.11 bertarikh 10 Mei 1996
5.	Pelajar / penghuni di Sekolah Harapan Negeri Melaka (SHNM).	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Dua. Sekiranya pelajar sekolah ditempatkan ke wad lebih tinggi (Kelas Satu) atas permintaan sendiri, caj wad berkenaan akan dikenakan caj Kelas Satu termasuk rawatan.	Surat pengesahan pelajar dari pengetua SHNM.	i. Surat Kementerian Kewangan KK/BPWA1(S) 09/692/79 Jld.3 sk.15/2011(20) bertarikh 13 September 2012 ii. Surat Bahagian Kewangan (49)dlm.KKM-58/900/69 Jld.7 bertarikh 15 Oktober 2012

3.2 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) / Politeknik / Kolej

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Pelajar Kolej Vokasional (KV) di bawah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia.	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Dua percuma, kecuali pembekalan gigi palsu dan rawatan ortopedik.	Surat pengesahan pelajar dari KV, BPTV.	i. Surat Kementerian Kewangan KK/BPA/WAI(S) 09/692/79 Jld.3 sk.4/2017 (5) bertarikh 23 Mac 2017 ii. Surat Bahagian Kewangan KKM.400-9/1/3 Jld.2 (19) bertarikh 11 April 2017
2.	Pelajar Kolej Komuniti, KPM.	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga percuma, kecuali pembekalan gigi palsu dan rawatan ortopedik.	Surat pengesahan pelajar dari Kolej Komuniti.	i. Surat Bahagian Kewangan bil.(63)dlm.KKM 203/18/01 Jld.24 bertarikh 16 Oktober 2002 ii. Surat Kementerian Kewangan KK/BP (S) 09/092/79 Jld.2 sk 4/2002 (3) bertarikh 24 Julai 2002

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
3.	Pelajar Kolej Matrikulasi, KPM.	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Dua atau Kelas Tiga tertakluk kepada kekosongan.	Surat pengesahan pelajar dari Kolej Matrikulasi.	Surat Kementerian Kewangan KK/BP (S) 09/692/79 Jld.2 (3) bertarikh 16 Januari 2002
4.	Pelatih bidang pertanian di bawah program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) bagi tahap 1,2 dan 3 sahaja.	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga percuma.	Surat pengesahan dari NATC.	i. Surat Kementerian Kewangan KK/BP (S)09/692/79 Jld.5 sk.7/2007 /7 bertarikh 26 Oktober 2007 ii. Surat Bahagian Kewangan bil.(47) dlm.KKM-203/69 Jld.2 bertarikh 7 November 2007
5.	Bakal-bakal pelatih Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB): i. Ahli Audiologi; ii. Ahli Dietetik; iii. Ahli Entomologi (Kesihatan Awam); iv. Ahli Fisioterapi; v. Ahli Fizik Perubatan; vi. Ahli Pemakanan; vii. Ahli Psikologi Klinikal; viii. Ahli Radiografi Diagnostik; ix. Ahli Sains Makmal Perubatan; x. Ahli Terapi Cara Kerja; xi. Ahli Terapi Pertuturan – Bahasa; xii. Ahli Terapi Radiasi; xiii. Juruteknologi Makmal Perubatan; xiv. Pegawai Kesihatan Persekutuan; dan xv. Pegawai Pendidikan Kesihatan.	Percuma pemeriksaan kesihatan wajib sebelum kemasukan ke Kolej / Institut latihan di bawah KKM. Pengecualian bayaran ini termasuklah caj bagi suntikan / imunisasi susulan yang diberikan selepas ujian saringan wajib dalam pakej pemeriksaan kesihatan dijalankan.	Surat tawaran daripada Kolej / Institut latihan.	i. Surat Kementerian Kewangan KK/BP(S)09/691/79 Jld.5 sk.8/2007 /8 bertarikh 28 September 2007 ii. Surat Bahagian Kewangan bil.(37) dlm.KKM-203/69 Jld.2 bertarikh 10 Oktober 2007 iii. Surat Bahagian Kewangan bil.(40) dlm.KKM-203/69 Jld.2 bertarikh 30 Oktober 2007
6.	Pelatih Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) di Yayasan Kelolaan KKM.	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Dua percuma.	Surat pengesahan pelajar.	Perintah Am Bab F
7.	Pelatih Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH), Bukit Pancor Nibong Tebal.	i. Pelatih yang tidak mempunyai pekerjaan dan dibawah 21 tahun: Percuma rawatan pesakit luar dan kelayakan wad Kelas Tiga percuma.	Surat pengesahan pelajar.	Surat Kementerian Kewangan KK/BP (S) 09/692/79 (10) bertarikh 31 Oktober 1998

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
		ii. Pelatih yang mempunyai pekerjaan dan mengikuti Latihan untuk kemahiran: Dikenakan caj orang awam.		
8.	Pelatih Institut Latihan Perikanan Malaysia, Chendering.	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga percuma, kecuali pembekalan gigi palsu dan rawatan ortopedik.	Surat pengesahan pelajar.	Surat Bahagian Kewangan (29) dlm.KKM-203/18/01 Jld. II bertarikh 2 April 1996
9.	Penuntut Institut Latihan Perindustrian, Jabatan Tenaga Rakyat (ILJTR).	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga percuma, kecuali pembekalan gigi palsu dan rawatan ortopedik.	Surat pengesahan pelajar.	i. Surat Kementerian Kewangan KK/BP (S)09/692/79(8) bertarikh 30 Oktober 2001 ii. Surat Bahagian Kewangan (30) dlm KK 203/18 Jld.23 bertarikh 9 September 2001
10.	Pelajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJT), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC).	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga percuma, kecuali pembekalan gigi palsu dan rawatan ortopedik.	Surat pengesahan pelajar.	i. Surat Bahagian Kewangan (66) dlm.KKM-58/900/69 Jld.8 bertarikh 30 Oktober 2013 ii. Surat Kementerian Kewangan Bil(8) dlm.KK/BP/WAI(S)09/092/79 Jld.4 (sk5/2012) bertarikh 16 April 2013
11.	Pelajar Institut Kraf Negara (IKN).	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga percuma, kecuali pembekalan gigi palsu dan rawatan ortopedik.	Surat pengesahan pelajar.	i. Surat Bahagian Kewangan (22) dlm.KKM-58/900/69. Jld.7 bertarikh 17 April 2013 ii. Surat Kementerian Kewangan Bil(8) dlm.KK/BP/WAI(S)09/092/79 Jld.4 (sk5/2012) bertarikh 16 April 2013
12.	Pelajar: i. Institut Pertanian Semenanjung Malaysia (IPSM); ii. Pusat latihan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS); dan iii. Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga percuma, kecuali pembekalan gigi palsu dan rawatan ortopedik.	Surat pengesahan pelajar.	Surat Bahagian Kewangan KKM.400-9/1/3 Jld.2 (19) bertarikh 11 April 2017

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
13.	Pelajar: i. Institut Kemahiran MARA; dan ii. Kolej Profesional MARA.	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga percuma, kecuali pembekalan gigi palsu dan rawatan ortopedik.	Surat pengesahan pelajar.	Surat Bahagian Kewangan KKM.400-9/1/3 Jld.2 (19) bertarikh 11 April 2017
14.	Pelajar Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di bawah program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) / Apprenticeship: i. Jabatan Tenaga Manusia (Program DVM); ii. Majlis Amanah Rakyat (MARA) (Program DVM); iii. GIATMARA Sdn Bhd (Program Apprenticeship); dan iv. WISDEC Kota Kinabalu (Program Apprenticeship).	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Dua percuma, kecuali pembekalan gigi palsu dan rawatan ortopedik.	Surat pengesahan pelajar.	Surat Bahagian Kewangan KKM.400-9/1/3 Jld.2 (19) bertarikh 11 April 2017
15.	Pelajar Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) di bawah program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) : i. M.I.T Academy Sdn Bhd; ii. Malaysia Aviation Training Academy (MATA); iii. Ranco Marine Sdn Bhd; iv. KRU Academy Sdn Bhd; v. Enter Corridor Sdn Bhd; vi. PPKS Ilmu Sdn Bhd; vii. JT Akademi Sdn Bhd; viii. Septronic Skills Training Centre; ix. Auto Prima Technology Sdn Bhd; dan x. Asia Pacific Flight Training (APFT).	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Dua percuma, kecuali pembekalan gigi palsu dan rawatan ortopedik.	Surat pengesahan pelajar.	Surat Bahagian Kewangan KKM.400-9/1/3 Jld.2 (19) bertarikh 11 April 2017
16.	Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).	Pengecualian deposit perubatan. Pelajar akan dicaj mengikut kadar orang awam / warga asing. Bil sebenar akan dikemukakan kepada pihak UIAM.	Surat jaminan daripada UIAM.	Surat Bahagian Kewangan (6)dlm.KKM-203/04/ bertarikh 12 Julai 1994
17.	Pelajar IPTA yang menyertai pasukan beruniform (Kadet, St. John dan lain-lain).	Kadar caj pemeriksaan kesihatan pakej asas adalah sebanyak RM20.00 merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan urine FEME.	Surat pengesahan pelajar dari institusi.	Surat Bahagian Kewangan (4)dlm.KKM-203/18/1 Jld.30 bertarikh 11 Mei 2007

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
18.	Guru pelatih Maktab Perguruan Semenanjung Malaysia Sabah dan Sarawak.	<p>Kadar caj pemeriksaan kesihatan pakej asas adalah sebanyak RM20.00 merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan <i>urine</i> FEME.</p> <p>Percuma rawatan pesakit luar.</p> <p>Kelayakan wad Kelas Dua percuma.</p>	Surat pengesahan pelajar dari Maktab Perguruan.	i. Surat Bahagian Kewangan KKM.400-9/1/3 Jld.2 (19) bertarikh 11 April 2017 ii. Surat Bahagian Kewangan (56) dlm.KKM-203/18/1 Bhg.2 bertarikh 5 November 1993 iii. Surat Kementerian Kewangan KK/BP(S)09/692/79 Jld.5 sk.12/2007/(3) bertarikh 12 November 2007 iv. Surat Bahagian Kewangan bil. (50)dlm.KKM-203/69 Jld.2 bertarikh 14 November 2007
19.	Pelajar Politeknik KPM.	<p>Percuma rawatan pesakit luar.</p> <p>Kelayakan wad Kelas Dua percuma, kecuali pembekalan gigi palsu dan rawatan ortopedik.</p>	Surat pengesahan pelajar.	Surat Kementerian Kewangan KK/BPA/WAI(S) 09/692/79 Jld.3 sk.4/2017 (5) bertarikh 23 Mac 2017
20.	Bakal pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke Institut Pengajaran Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajaran Tinggi Swasta (IPTS), termasuk kolej matrikulasi KPM / politeknik / institut kemahiran / akademi laut Malaysia / lain-lain kolej setaraf dengannya.	<p>Kadar caj pemeriksaan kesihatan pakej asas adalah sebanyak RM20.00 merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan <i>urine</i> FEME.</p> <p>Ujian tambahan lain dikenakan caj berasingan mengikut kadar wad Kelas Satu.</p>	Surat tawaran pengajian.	i. Surat Bahagian Kewangan (59)dlm.KKM-203/18/1 Jld.23 bertarikh 19 November 2001 ii. Surat Bahagian Kewangan (95)dlm.KKM 203/18 Jld.22 bertarikh 17 Januari 2001 iii. Surat Bahagian Kewangan (89)dlm.KKM-203/18/1 Bhg.4 bertarikh 12 Julai 1994
21.	Pelajar Institut Latihan Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajaran Tinggi, Majlis Amanah Rakyat, Jabatan Tenaga Manusia dan Kementerian Belia Dan Sukan.	Pengecualian fi ujian pengesahan COVID-19 di fasiliti KKM. i. Pelajar dari Sabah, Sarawak dan Labuan ke Semenanjung Malaysia; dan ii. Pelajar dari Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak dan Labuan.	Surat Pengesahan Pelajar.	i. Surat Bahagian Kewangan (55) KKM.400-9/5/3 Jld. 8 bertarikh 12 Julai 2021 ii. Surat Bahagian Kewangan (36) KKM.400-9/5/3 Jld. 11 bertarikh 17 September 2021

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
22.	Pelajar dari Semenanjung Malaysia dan Persekutuan Labuan yang akan masuk ke IPTA / IPTS di negeri Sarawak.	Pengecualian fi ujian pengesahan COVID-19 di fasiliti KKM.	Surat Pengesahan Pelajar.	Surat Bahagian Kewangan (48) KKM.400-9/5/3 Jld. 4 bertarikh 9 Februari 2021
23.	Pelajar yang akan masuk ke IPTA / IPTS.	Pengecualian fi ujian pengesahan COVID-19 di fasiliti KKM. i. Pelajar dari Sarawak, Labuan dan Semenanjung Malaysia ke Sabah; ii. Pelajar dari Sabah ke Semenanjung Malaysia; iii. Pelajar dari Sabah ke Labuan; dan iv. Pelajar dari Semenanjung Malaysia dan Labuan ke Sarawak.	Surat Pengesahan Pelajar.	i. Surat Bahagian Kewangan (71) KKM.400-9/5/3 Jld. 4 bertarikh 26 Februari 2021 ii. Surat Bahagian Kewangan (48) KKM.400-9/5/3 Jld. 4 bertarikh 9 Februari 2021
24.	Pelajar warganegara Malaysia, persendirian atau mempunyai penajaan yang memasuki Malaysia dari luar negara kali pertama.	Pengecualian fi ujian pengesahan COVID-19.	Surat Pengesahan Pelajar dari Universiti, salinan passport dan visa pelajar.	i. Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi Bagi Ujian Pengesahan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 ii. Surat Bahagian Kewangan KKM.400-9/1/3 Jld.15 bertarikh 13 Julai 2020

WARGANEGARA ASING

- | | |
|---|---|
| 4.1 Kanak-Kanak | 4.6 Migran Syria |
| 4.2 Person Under Surveillance (PUS) /
Person Under Investigation (PUI)
COVID-19 | 4.7 Pelarian di bawah United Nation
High Commissioner for Refugee
(UNHCR) |
| 4.3 Banduan | 4.8 Pesakit Penyakit Berjangkit |
| 4.4 Penderma Darah / Organ | 4.9 Pekerja Estet |
| 4.5 Rakyat Bosnia-Herzegovinna | 4.10 Tahanan Polis / Pusat Serenti /
Mangsa Pemerdagangan Orang |

4.1 Kanak-kanak

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Kanak-kanak warganegara asing berusia 7 tahun ke bawah.	Pengecualian fi pesakit luar dan fi suntikan imunisasi rutin polio melalui suntikan vaksin Dtap-IPV-HepB-Hib.	Pasport asal / salinan pasport yang disahkan oleh pihak kedutaan.	Surat Bahagian Kewangan (2) KKM.400-9/1/3 Jld.21 bertarikh 6 Januari 2022
2.	Bayi kepada ibu warga asing yang dijangkiti HIV.	Pengurangan fi 50% daripada kadar fi sedia ada. Pesakit hanya perlu membayar sebanyak RM35.00 sebulan bagi pemberian susu formula ini (terhad kepada sebulan sekali untuk satu tin / paket / kotak susu).	Surat pengesahan doktor.	Surat Bahagian Kewangan (62) KKM.400-8/1/89 Jld.13 bertarikh 14 September 2020
3.	Kanak-kanak berusia 18 tahun ke bawah yang merupakan anak angkat kepada warganegara.	Dikenakan caj pada kadar warganegara.	Sijil pengangkatan yang sah.	i. Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019 ii. Garis Panduan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014
4.	Kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah yang memiliki sijil kelahiran Malaysia dan ibu atau bapanya merupakan seorang warganegara / pemastautin tetap.	Dikenakan caj pada kadar warganegara.	Sijil kelahiran Malaysia. Sijil kewarganegaraan yang dikeluarkan oleh JPN (borang H / sijil 15(2)).	i. Surat Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019 ii. Garis Panduan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014

4.2 Person Under Surveillance (PUS) / Person Under Investigation (PUI) COVID-19

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	<i>Person Under Surveillance (PUS) / Person Under Investigation (PUI)</i> bagi penyakit COVID-19 berstatus warganegara asing dan diarahkan menjalani perintah kuarantin wajib.	Warganegara asing tanpa majikan Pengecualian fi pesakit luar, siasatan, rawatan dan wad bagi bayaran kos kuarantin di stesen kuarantin bagi PUS / PUI warganegara asing tanpa majikan.	Salinan visa dan permit kerja warganegara asing.	i. Surat Bahagian Kewangan (51) KKM.400-9/5/3 Jld.3 bertarikh 30 November 2020 ii. Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang yang Dipindahkan ke Stesen

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
		Warganegara asing dengan majikan Fi perubatan hendaklah ditanggung oleh majikan masing-masing.		Kuarantin (No.2) 2020
2.	Pesakit warganegara asing yang dijangkiti COVID-19 dan kontak rapat.	<p>Pengecualian fi ujian pengesahan COVID-19, fi pesakit luar, siasatan, rawatan dan wad.</p> <p>Warga asing yang hadir secara <i>walk in</i> untuk menjalani saringan tetapi tidak mempunyai simptom dan tidak terlibat dalam mana-mana perhimpunan akan dikenakan fi pesakit luar RM40.00 dan caj-caj lain yang berkaitan.</p>	Notis pengesahan penyakit / memo rujukan saringan kontak rapat yang dikeluarkan oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa. Memo bertulis penyakit berjangkit daripada Pegawai perubatan yang merawat pesakit di wad.	i. Surat Bahagian Kewangan (28) KKM.400-9/1/3 Jld.12 bertarikh 29 Januari 2020 ii. Surat Bahagian Kewangan (27) KKM.400-8/1/89 Jld.12 bertarikh 24 Mac 2020
3.	Pesakit Bukan Warganegara di Bawah Program COVID-19 Kebangsaan.	Pengecualian fi pesakit luar dan fi suntikan vaksin imunisasi COVID-19 di fasiliti KKM.	Salinan passport.	Surat Bahagian Kewangan (41) KKM.400-9/1/3 Jld.18 bertarikh 12 Mac 2021
4.	Pengembara warganegara asing yang diluluskan permohonan menjalani kuarantin wajib di rumah bagi penyakit COVID-19.	Pengecualian kos saraan dan kos kuarantin. Pengembara perlu membuat bayaran ujian pengesahan COVID-19 sekiranya dilakukan di fasiliti KKM sahaja.	Perintah menjalani kuarantin wajib di rumah atau tempat kediaman.	i. Surat Bahagian Kewangan (77) KKM.400-9/5/3 Jld.11 bertarikh 15 Oktober 2021 ii. Surat Bahagian Kewangan (30) KKM.400-9/5/3 Jld.12 bertarikh 12 November 2021

4.3 Banduan

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Banduan warganegara asing di institusi penjara atau pusat tahanan Kerajaan.	Pengecualian fi pesakit luar, pesakit dalam dan rawatan jagaan harian (<i>daycare</i>). Tidak termasuk rawatan pergigian melainkan kes-kes kecemasan sahaja dan pembekalan anggota tiruan / prostesis.	Surat pengesahan banduan oleh Jabatan Penjara Malaysia.	Surat Bahagian Kewangan (25) KKM.400-9/1/3 Jld.10 bertarikh 10 Julai 2019

4.4 Penderma Darah / Organ

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Penderma WNA bagi penderma kadaverik iaitu penderma yang telah meninggal dunia sama ada yang telah menderma organ olehnya sebelum itu oleh waris selepas kematiannya secara percuma kepada seseorang penerima warganegara di hospital KKM.	Percuma bayaran bil hospital di wad yang mereka duduki. Pewaris penderma kadaverik tidak perlu membayar sebarang bil hospital yang berkaitan dengan rawatan penderma kadaverik.	Pengesahan daripada pegawai perubatan Kerajaan.	<p>i. Surat Kementerian Kewangan bil.KK/BP/(S)09/692/79 Jld.3 SK.4/2003/(4) bertarikh 29 Disember 2003</p> <p>ii. Surat Bahagian Kewangan (64)dlm.KKM-58/900/69 Jld.7 bertarikh 21 November 2012</p> <p>iii. Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2013 KKM87/P1/1/3 Jld.2 (19) bertarikh 12 April 2013</p>
2.	Penderma organ bukan warganegara yang telah mendermakan organnya secara percuma kepada seseorang warganegara di hospital KKM. Penderma bagi bukan warganegara penderma sel stem iaitu penderma sum-sum tulang atau darah untuk tujuan transplan sel stem kepada penerima warganegara.	<p>Diri sendiri</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Rawatan dan wad Kelas Satu percuma dan pesakit luar. ▪ Bayaran bil dikecualikan mengikut wad diduduki. Pengecualian termasuk prosedur siasatan, pembedahan, pemindahan dan rawatan susulan sebagai pesakit luar atau pesakit dalam. ▪ Kemudahan untuk penderma hidup terpakai untuk seumur hidup. ▪ Kemudahan penderma hidup adalah untuk sebarang jenis rawatan sama ada berkaitan atau tidak berkaitan dengan prosedur pembedahan atau pemindahan. ▪ Sebelum prosedur pembedahan dan pemindahan dilakukan, penderma hanya layak diberi pengecualian untuk semua caj yang berkaitan dengan prosedur penyiasatan sahaja dan bukan lain-lain kemudahan sebagaimana yang diperincikan selepas pemindahan dilakukan. 	<p>Pengesahan daripada pegawai perubatan Kerajaan.</p> <p>Kad penderma organ.</p>	<p>i. Surat Kementerian Kewangan bil.KK/BP/(S)09/692/79 Jld.3 SK.4/2003/(4) bertarikh 29 Disember 2003</p> <p>ii. Surat Bahagian Kewangan (64)dlm.KKM-58/900/69 Jld.7 bertarikh 21 November 2012</p> <p>iii. Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2013 KKM87/P1/1/3 Jld.2 (19) bertarikh 12 April 2013</p>
3.	Penderma darah berstatus warganegara asing dan Pemastautin Tetap (PR) yang mengalami <i>Adverse Donor Reaction (ADR)</i> .	Pengecualian caj bagi penderma darah yang mengalami <i>Adverse Donor Reaction (ADR)</i> semasa atau selepas pendermaan darah melalui program anjuran KKM.	Pengesahan daripada pegawai perubatan Kerajaan.	Surat Bahagian Kewangan (16) KKM.400-9/1/3 Jld.23 bertarikh 10 Januari 2024

4.5 Rakyat Bosnia-Herzegovinna

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Kanak-kanak rakyat Bosnia-Herzegovinna dan pengasuh-pengasuh.	<p>Percuma rawatan pesakit luar dan wad Kelas Tiga. Rawatan ini tidak termasuk pembekalan gigi palsu dan rawatan ortodontik.</p> <p>Bagi rakyat Bosnia-Herzegovinna yang bekerja di syarikat swasta, caj WNA dikenakan dan bil dituntut kepada majikan.</p>		Surat Bahagian Kewangan (60) dlm KKM-203/18/1 Bhg.4 bertarikh 21 Jun 1994

4.6 Migran Syria

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Migran Syria - Di bawah Program Penempatan Sementara Migran Syria (PPSMS).	<p>Pemeriksaan kesihatan percuma selama 6 bulan dalam tempoh interim.</p> <p>Pengecualian deposit 50% daripada kadar WNA bagi rawatan perubatan / pembedahan dan bersalin.</p> <p>Kadar caj rawatan / perubatan / pembedahan / siasatan / ubat-ubatan / Pesakit Luar Pakar Am / Pakar yang dikenakan kepada migran Syria yang berdaftar dalam PPSMS adalah 50% daripada kadar caj WNA bagi Kelas Tiga sahaja.</p> <p>Caj penuh bagi permintaan migran Syria bawah PPSMS untuk kemasukan ke wad Kelas Satu atau wad Kelas Dua.</p> <p>Pesakit yang tidak mampu bagi peralatan implan dan prostesis perlu mendapatkan persetujuan daripada KDN untuk menanggung kos.</p>	Pas IMM 13 yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen.	i. Surat Pekeliling KSU KKM bil.3/2017 (16) KKM.400-9/1/3 Jld.2 bertarikh 18 Januari 2017 ii. Surat Bahagian Kewangan (29) KKM.400-9/1/3 Jld.2 bertarikh 3 Mac 2017

4.7 Pelarian di bawah *United Nation High Commissioner for Refugee* (UNHCR)

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Pelarian yang berdaftar secara sah dan memegang kad UNHCR.	<p>Pengecualian 50% bagi deposit dan kadar caj WNA merangkumi rawatan perubatan / pembedahan / siasatan / ubat-ubatan / rawatan pesakit luar am / pakar dan rawatan pesakit dalam wad Kelas Tiga.</p> <p>Hanya tertakluk kepada pemegang kad UNHCR yang sah sahaja. Mereka yang mengemukakan dokumen permohonan kad UNHCR yang belum disahkan / dalam pertimbangan UNHCR semasa pendaftaran memasuki wad adalah tidak layak diberikan pengurangan caj ini. Surat pengenalan diri daripada UNHCR boleh diterima pakai bagi mendapatkan pengurangan 50%. Penyakit berjangkit dikecualikan seperti Garis Panduan Pengecualian Fi bagi penyakit berjangkit di kalangan WNA.</p> <p>Kes di mana pesakit tidak mampu untuk membayar kos pemasangan peralatan implan dan prostesis, perlu mendapatkan persetujuan dari UNHCR untuk menanggung.</p>	<p>Kad UNHCR.</p> <p><i>Letter of Intent</i> (LOI) yang mengesahkan bahawa UNHCR bersedia untuk menanggung perbelanjaan perubatan sehingga maksimum RM400.00. Sekiranya melebih jumlah tersebut pengesahan perlu didapatkan dari UNHCR.</p>	<p>i. Surat Pekeliling KSU KKM Bil.2/2018 (22) dlm.KKM.400-9/1/3 Jld.7 bertarikh 10 Ogos 2018</p> <p>ii. Surat Pekeliling KSU KKM Bil.2/2019 (87) KKM.400-8/1/89 Jld 8 bertarikh 8 April 2019</p>
2.	Anak kepada pesakit UNHCR (baharu dilahirkan).	<p>Pesakit UNHCR yang bersalin di hospital KKM, anak yang baru dilahirkan berstatus sama dengan ibu sehingga ia discaj.</p> <p>Sekiranya bayi yang baharu dilahirkan tersebut telah didiscaj dan datang semula untuk rawatan lanjut sebagai pesakit luar atau pesakit dalam, bayi tersebut perlu memperoleh kad UNHCR bagi melayakkan kemudahan rawatan PATI UNHCR. Bayi yang tidak mempunyai kad UNHCR, akan dikenakan kadar caj penuh WNA.</p>		Surat Bahagian Kewangan (11) dlm KKM 58/900/97 bertarikh 29 Oktober 2013

4.8 Pesakit Penyakit Berjangkit

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	<p>Pesakit penyakit berjangkit.</p> <p>Senarai penyakit berjangkit adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Demam kuning; ii. Ebola; iii. Kolera; iv. Malaria; v. Plague; vi. Tifoid; vii. Tuberkulosis (<i>first line drugs sahaja</i>); viii. Avian influenza; dan ix. Kusta. <p>Catatan: <i>First-line anti tuberculosis drug</i> merupakan kombinasi ubatan pilihan pertama yang digunakan untuk merawat penyakit TB. Merujuk kepada Appendix 6, Page 83, <i>Clinical Practice Guideline Management of Tuberculosis 4th edition</i> (2021), ia terdiri daripada 4 jenis ubat iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Isoniazid; ii. Rifampicin; iii. Ethambutol; dan iv. Pyrazinamide. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengecualian fi bagi pesakit luar, ujian makmal dan lain-lain prosedur siasatan bagi penyakit berjangkit tersebut. Kontak WNA yang menjadi kontak kepada kes yang disahkan menghidap penyakit berjangkit yang dirujuk oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 ke klinik kesihatan / hospital untuk pemeriksaan dan saringan. ▪ Pengecualian caj ujian makmal bagi kes WNA yang sampel klinikalnya diambil untuk ujian makmal di bawah Program Survelan Penyakit dan Berkepentingan. Walau bagaimanapun, sekiranya ujian makmal bagi kes tersebut adalah bagi tujuan diagnostik maka prosedur ujian makmal tersebut dikenakan caj. ▪ Pengecualian fi bagi program <i>Direct Observe Therapy</i> (DOT) penyakit Tuberkulosis (TB) di mana pesakit WNA dikehendaki hadir ke klinik untuk memakan ubat di hadapan penyelia anggota kesihatan. ▪ Pengecualian fi bagi pesakit WNA yang disahkan menghidap mana-mana penyakit berjangkit yang dirujuk dari klinik kesihatan ke hospital oleh pengamal perubatan yang berkhidmat di fasiliti KKM untuk mendapatkan rawatan atau bagi tujuan isolasi berkaitan penyakit berjangkit berkenaan sahaja. Walau bagaimanapun, segala ujian makmal dan prosedur-prosedur siasatan lain yang berkaitan di klinik kesihatan berkenaan untuk mendiagnosis kes tersebut hendaklah dikenakan caj mengikut perintah fi yang berkuat kuasa bagi pesakit WNA yang datang secara <i>walk-in</i> tanpa surat rujukan daripada pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. ▪ Pengecualian fi bagi pesakit WNA seperti perenggan iv yang mendapatkan rawatan susulan sebagai pesakit luar di klinik kesihatan / hospital 	<p>Surat pengesahan dari Pegawai yang Diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1989.</p> <p>Rujuk Lampiran 2 dan Lampiran 3.</p> <p>Memo bertulis penyakit berjangkit daripada Pegawai perubatan yang merawat pesakit di wad.</p>	<p>i. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil.7 Tahun 2017 (3) dlm. KKM-58/300/1-5 Jld.3 bertarikh 13 Jun 2017</p> <p>ii. Surat Bahagian Kewangan (14) KKM.400-9/1/3 Jld.12 bertarikh 7 Januari 2020</p> <p>iii. Surat Bahagian Kewangan (36) KKM.400-9/1/3 Jld.12 bertarikh 3 Februari 2020</p>

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
		<p>untuk rawatan berkaitan penyakit tersebut sahaja.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tidak terpakai pada WNA yang datang ke hospital / klinik untuk mendapatkan rawatan di negara ini sebagai pelancong kesihatan (<i>health tourism</i>). 		
2.	Pesakit warga asing yang disyaki atau disahkan positif <i>monkeypox</i> .	<p>Pengecualian fi ujian makmal dan fi wad Kelas Tiga.</p>	<p>Surat rujukan doktor. Memo bertulis penyakit berjangkit daripada Pegawai perubatan yang merawat pesakit di wad.</p>	Surat Bahagian Kewangan (15) KKM.400-9/1/3 Jld.22 bertarikh 5 Oktober 2022

4.9 Pekerja Estet

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Pekerja estet WNA.	Dikenakan caj WNA berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) Kos Perkhidmatan 2014.		i. Surat Bahagian Kewangan (28) dlm. KKM/58/900/10 Jld 6 bertarikh 26 Oktober 2009 ii. Akta 446: Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990

4.10 Tahanan Polis / Pusat Serenti / Mangsa Pemerdagangan Orang

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Mangsa-mangsa kemalangan (ditimpa bencana alam) dan mangsa-mangsa penganiayaan seperti mangsa rogol / cabul kehormatan, deraan – dirujuk oleh polis ke mana hospital atau fasiliti KKM (Tidak terpakai kepada pesakit-pesakit yang mengalami kecederaan akibat punca sendiri (<i>self-inflicted</i>)).	Pengecualian caj pesakit luar, pesakit dalam wad Kelas Tiga dan fi penggunaan ambulan bagi tujuan kecemasan semasa berlakunya kemalangan.	Dirujuk oleh polis / pengesahan daripada Pegawai Yang Menjaga (Bagi mengalihkan tahanan ke sesuatu hospital Kerajaan). Borang POL. 59 yang lengkap ditandatangani dan	i. Surat Bahagian Kewangan (1) dlm. KKM.400-8/1/89 Jld.2 bertarikh 22 Mac 2017 ii. Surat Kementerian Kewangan KK/BPA/WA(S)/09/692/79 sk. 1/2014 (11) bertarikh 6 Mei 2014

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
			disahkan oleh Pegawai PDRM.	ii. Akta 446: Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990
2.	Orang yang diperdagangkan dan migran yang seludup – dirujuk oleh mana-mana pegawai penguat kuasa atau pegawai pelindung di bawah Akta 670 ke mana hospital Kerajaan atau fasiliti di bawah KKM untuk pemeriksaan kesihatan atau rawatan.	Pengecualian caj pesakit luar dan pesakit dalam wad Kelas Tiga.	Dirujuk oleh polis / pengesahan daripada Pegawai Yang Menjaga (Bagi mengalihkan tahanan ke sesuatu hospital Kerajaan).	i. Surat Bahagian Kewangan (1) dlm. KKM.400-8/1/89 Jld.2 bertarikh 22 Mac 2017 ii. Surat Kementerian Kewangan KK/BPA/WA(S)/09/692/79 sk. 1/2014 (11) bertarikh 6 Mei 2014 iii. Surat Bahagian Kewangan (36) dlm KKM-58/900/69 Jld 9 bertarikh 28 Mei 2014
3.	Pesakit dalam kem tahanan / pusat perlindungan / pusat pemulihan / pusat jagaan kerajaan atau pesakit yang dibawa oleh pihak berkuasa Kerajaan ke mana hospital Kerajaan atau fasiliti di bawah KKM untuk pemeriksaan kesihatan atau rawatan.	Pengecualian caj pesakit luar dan pesakit dalam wad Kelas Tiga.	Dirujuk oleh polis / pengesahan daripada Pegawai Yang Menjaga (Bagi mengalihkan tahanan ke sesuatu hospital Kerajaan).	i. Surat Bahagian Kewangan (36) dlm KKM-58/900/69 Jld 9 bertarikh 28 Mei 2014 ii. Surat Kementerian Kewangan KK/BPA/WA(S)/09/692/79 sk. 1/2014 (11) bertarikh 6 Mei 2014

KATEGORI LAIN-LAIN

- | | | | |
|-----|-------------------------------|-----|------------------------------|
| 5.1 | Institusi Kekeluargaan Diraja | 5.4 | Anggota Pentadbiran |
| 5.2 | Ahli Parlimen | 5.5 | Anggota Bukan Kerajaan (NGO) |
| 5.3 | Yang di-Pertua Dewan Rakyat | | |

5.1 Institusi Kekeluargaan Diraja

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Raja negeri, Yang di-Pertua dan keluarga mereka.	Pengecualian daripada membayar semua caj di bawah Perintah ini kecuali bagi pembekalan gigi palsu.	Senarai kerabat Diraja yang dikeluarkan oleh istana / Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.	Perintah Fi Perubatan 1982

5.2 Ahli Parlimen

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Ahli Parlimen / bekas Ahli Parlimen, pasangan, anak-anak dan ibu bapa. Had umur anak hendaklah tidak melebihi berumur 21 tahun ke bawah.	<p>Percuma rawatan pesakit luar dan kelayakan wad Kelas Satu (bilik seorang).</p> <p>Tiada had umur untuk anak OKU kepada Ahli Parlimen / bekas Ahli Parlimen bagi menerima kemudahan perubatan secara percuma.</p>	Kad Ahli Parlimen / Dewan Rakyat / Dewan Negara surat pengesahan Parlimen Malaysia / surat jaminan (GL) / eGL.	i. Kertas Statut 95 tahun 1980 ii. Kertas Statut 235 tahun 1983 iii. Surat Bahagian Kewangan (11) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 30 Oktober 2019

5.3 Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Yang Dipertua Dewan Rakyat / Negara, pasangan dan anak-anak yang berumur di bawah 21 tahun.	<p>Percuma rawatan pesakit luar.</p> <p>Kelayakan wad Kelas Satu (bilik khas) jika ada kekosongan percuma.</p> <p>Tiada had umur untuk anak OKU kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat / Negara bagi menerima kemudahan perubatan secara percuma.</p>	Kad Ahli Parlimen / surat pengesahan Parlimen Malaysia / surat jaminan (GL) / eGL.	Kertas Statut 95 tahun 1980

5.4 Anggota Pentadbiran

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Hakim-hakim, pasangan dan anak-anak yang berumur di bawah 21 tahun.	Percuma rawatan pesakit luar dan pesakit dalam wad Kelas Satu. Tiada had umur untuk anak OKU kepada hakim-hakim bagi menerima kemudahan perubatan secara percuma.	Kad pengenalan hakim atau surat pengenalan / Akuan Ketua Pendaftar Mahkamah / surat jaminan (GL) / eGL.	Akta Saraan Hakim 1971
2.	Anggota Pentadbiran Persekutuan dan ahli keluarga (tidak termasuk ibu bapa).	i. Menteri Persekutuan Percuma pesakit luar di hospital / klinik Kerajaan. Kelayakan Wad Kelas Satu, Bilik Khas (Jika ada kekosongan). ii. Timbalan Menteri Persekutuan Percuma pesakit luar di hospital / klinik Kerajaan. Kelayakan Wad Kelas Satu, Bilik Khas (Jika ada kekosongan). iii. Setiausaha Parlimen Percuma pesakit luar di hospital / klinik Kerajaan. Kelayakan Wad Kelas Satu, bilik seorang. iv. Setiausaha Politik / bekas Setiausaha Politik Percuma pesakit luar di hospital / klinik Kerajaan. Kelayakan Wad Kelas Satu, bilik seorang.	Kad Ahli Parlimen / kad Setiausaha Politik / surat jaminan (GL) / eGL.	i. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ii. (36)dlm.PM(BK)R.11880/A/546/11 Jld.26 bertarikh 7 Disember 2005
3.	Ibu bapa kandung / tiri kepada Menteri Besar, Speaker Dewan Undangan Negeri serta Setiausaha Politik Kepada Menteri Besar Perlis yang bermastautin di Malaysia sahaja.	Pengecualian caj perkhidmatan kesihatan di hospital / klinik Kerajaan. Walau bagaimanapun, perlu membayar bagi tujuan perkhidmatan kesihatan berikut: <ol style="list-style-type: none"> Rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit; Pembekalan semua jenis kategori / alat; dan Rawatan membuat <i>crowning</i>, gigi palsu dan rawatan ortodontik bagi <i>corrective measure</i> yang merupakan rawatan kosmetik. 	Surat pengesahan dari SUK Perlis.	Surat Bahagian Kewangan (41) KKM.400-9/1/3 Jld.8 bertarikh 12 Mac 2019
4.	Penerima dan pasangan yang terlibat dalam Majlis Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat pada Peringkat Persekutuan dan Negeri.	Pengecualian fi ujian pengesanan COVID-19 sekiranya ujian dibuat di fasiliti KKM.	Surat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat.	Surat Bahagian Kewangan (63) KKM.400-9/5/3 Jld.9 bertarikh 13 Julai 2021

5.5 Anggota Bukan Kerajaan (NGO)

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
1.	Anggota RELA (berdaftar dan masih berkhidmat).	Kelayakan wad Kelas Dua percuma (jika ada kekosongan) untuk diri sendiri sahaja. Pengecualian hanya diberikan apabila mendapatkan bencana semasa menjalankan tugas.	Kad pengenalan RELA / surat pengesahan ketua pasukan atau penyelia.	i. Surat Kementerian Kewangan bil.(c) 0.154/14 (SJ.4)Vol 5(6) bertarikh 29 April 1991 ii. Surat Bahagian Kewangan (39)dlm.KKM.203/18/1 Jld.22 bertarikh 29 Julai 2000
2.	Ahli sukan Kebangsaan / jurulatih-jurulatih Kebangsaan.	Percuma pemeriksaan kesihatan X-ray dan ujian khas. Kemudahan rawatan perubatan percuma di mana-mana hospital Kerajaan.	Surat pengesahan (GL) dari pegawai perubatan Majlis Sukan Negara.	i. Surat Bahagian Kewangan (5)dlm.KKM-58/903/1/1 Bhg.4 bertarikh 23 Oktober 1980 ii. Surat Kementerian Kewangan Bil.(C)0.154/14 (SJ4) Vol 2(22) bertarikh 7 Ogos 1984
3.	Atlet SUKMA.	Percuma rawatan fisioterapi.	Surat pengesahan (GL) dari Majlis Sukan Negara.	Surat Bahagian Kewangan (29) dlm.KKM-203/18/1 Jld.24 bertarikh 22 Mei 2002
4.	Calon-calon angkasawan.	Percuma pemeriksaan kesihatan.	Surat tawaran ujian saringan dari pihak yang berkaitan.	i. Surat Kementerian Kewangan KK/BP(S)09/692/79 Jld.4 sk.6/2005/(3) bertarikh 8 Julai 2005 ii. Surat Bahagian Kewangan (41)dlm.KKM 203/18/1 Jld.27 bertarikh 5 Ogos 2005
5.	Tokoh Seni Negara.	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Satu percuma. Terpakai untuk diri sendiri sahaja.	Surat pengiktirafan Tokoh Seni Negara.	i. Surat Kementerian Kewangan KK/BP/S (9.00) 6 17-1 sk.2(11) bertarikh 12 November 1993 ii. Surat Bahagian Kewangan (15)dlm.KKM-203/18/1 Bhg.3 bertarikh 11 Januari 1994
6.	Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH) (dalam tempoh menjadi ahli).	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Dua percuma. Namun, ALPH boleh memilih untuk wad Kelas Satu jika beliau mempunyai kelayakan yang lebih tinggi.	Surat pelantikan ALPH yang jelas menyatakan tempoh lantikan / Kad ALPH.	i. Surat Kementerian Kewangan KK/BP/S (9.00) 6 17-1 Jld.2 s.k. 6(45) bertarikh 20 Januari 1996

Bil.	Kumpulan Orang	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Dokumen Diperlukan	Rujukan
		Terpakai untuk diri sendiri sahaja.		ii. Surat Bahagian Kewangan (28) dlm. KKM 87(355) Bhg.3 bertarikh 16 Mei 1996
7.	Ahli Lembaga Perubatan bagi kes-kes yang dibayai oleh PERKESO.	Percuma pemeriksaan kesihatan untuk Ahli Lembaga Perubatan.	Surat pelantikan Ahli Lembaga Perubatan.	i. Surat Bahagian Kewangan (92) dlm. KKM-203/29 bertarikh 24 April 1993 ii. Surat Kementerian Kewangan (c)0.154/14(SJ.4) Vol.5 (SK.1)3 bertarikh 10 April 1993
8.	Sukarelawan Penjagaan Kesihatan Asas Negeri Sabah dan Keluarga.	Percuma rawatan pesakit luar. Kelayakan wad Kelas Tiga percuma.	Surat pengesahan sukarelawan dari JKN Sabah.	Surat Kementerian Kewangan Bil.KK/BP/S(9.00) 617-1 Jld.3 S.K.1 (4) bertarikh 15 Julai 1996
9.	Sukarelawan yang membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).	Pengecualian fi ujian pengesanan COVID-19 dan fi kuarantin. Penempatan pusat kuarantin hendaklah diberi keutamaan di Institut Latihan Awam (ILA) sekitar Selangor / Kuala Lumpur / Negeri Sembilan.	Surat arahan untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19 dan kuarantin sebelum menjalankan tugas.	i. Surat Bahagian Kewangan (18) KKM.400-9/5/3 Jld.3 bertarikh 11 November 2020 ii. Surat Bahagian Kewangan (19) KKM.400-9/5/3 Jld.3 bertarikh 11 November 2020
10.	Atlet dan bekas atlet Kebangsaan.	Kelayakan wad Kelas Dua percuma. Tidak terpakai bagi rawatan pesakit luar, rawatan perubatan luar negeri, rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit dan rawatan <i>crowning</i> , gigi palsu dan rawatan ortodontik bagi tujuan <i>corrective measure</i> .	Kad pengenalan atlet yang dikeluarkan oleh Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB).	i. Surat Bahagian Kewangan (50) KKM.400-8/1/9 Jld.9 bertarikh 4 Julai 2019 ii. Surat Bahagian Kewangan (51) KKM.400-8/1/9 Jld.10 bertarikh 3 Oktober 2019

BAHAGIAN 3

SOALAN LAZIM (FAQ)

WARGANEGARA

6.1 Orang Awam

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Berapakah kadar caj bagi pesakit luar di klinik-klinik kesihatan / PKD / klinik desa / klinik perggian?	RM1.00 bagi setiap lawatan merangkumi pendaftaran, perundingan dan ubat. Bagi klinik yang tidak mempunyai pakar tetapi mempunyai perkhidmatan pakar yang datang membuat lawatan, caj yang dikenakan seperti Jadual A, Bahagian 2, Perintah Fi (Perubatan) 1982 iaitu caj lawatan pakar.	i. Surat Bahagian Kewangan (10) dlm.KKM 203/18/1.Jld.28 bertarikh 29 Mac 2006 ii. KKM.400-8/1/89.Jld.11(34) bertarikh 3 Disember 2019
2.	Berapakah kadar caj bagi pesakit yang dimasukkan ke pusat rawatan harian (<i>Daycare</i>)?	RM3.00 sehari tidak termasuk caj prosedur yang dijalankan.	Surat Bahagian Kewangan (14) dlm.KKM-203/18.Jld.2 bertarikh 27 Mei 2000
3.	Adakah kakitangan Kerajaan / Pesara / penerima bantuan kebajikan / bayaran bagi prosedur berkaitan dengan ortodontik dan gigi palsu?	Tiada pengecualian bayaran.	Perintah Am Bab F
4.	Adakah Guru Fardu Ain di bawah lantikan Jabatan Agama Islam Negeri dikecualikan daripada membayar rawatan perubatan atau caj pemeriksaan kesihatan?	Tidak. Guru Fardu Ain dikenakan caj sebagaimana orang awam.	(115)dlm.KKM203/1/1.Bhg.5 bertarikh 11 November 1994
5.	Adakah caj siasatan dan rawatan bagi pesakit psikiatrik dikecualikan?	Ya. Rawatan bagi pesakit psikiatrik dikenakan caj seperti dalam Jadual C Bahagian 6. Pesakit psikiatrik yang menjalani prosedur siasatan seperti <i>CT scan</i> dan sebagainya perlu dikenakan caj seperti dalam Jadual D.	Jadual C dan D Perintah Fi Perubatan 1982
6.	Siapakah yang diberikan kuasa untuk meluluskan pulangan balik wang cagaran (deposit) yang berjumlah tidak melebihi RM2,000.00?	Ketua Jabatan.	Arahan Perbendaharaan 2023
7.	Adakah waris kepada pesakit yang meninggal dunia boleh membuat tuntutan ke atas baki deposit rawatan perubatan?	Hanya deposit perubatan bagi pesakit Kelas Tiga yang meninggal dunia sahaja akan dikembalikan.	(79) dlm.KKM-203/18 Jld.4 bertarikh 31 Mei 2003
8.	Adakah petugas kesihatan boleh diberikan kuasa untuk melaksanakan proses kutipan hasil di Jabatan Kecemasan dan Kemalangan semasa luar waktu pejabat / cuti hari Sabtu / Ahad dan cuti umum?	Boleh. Surat arahan menjalankan tugas kewangan perlu dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada kakitangan terlibat bagi membolehkan kutipan hasil dibuat. Tugasan tersebut boleh direkodkan dalam Sasaran Kerja Utama (SKU) kakitangan yang terlibat.	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM 2022)

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
9.	<p>Penyediaan bil baru bagi bil lama yang telah hilang dan tidak dapat dikesan.</p> <p>Adakah bil perubatan pesakit boleh dijana semula sekiranya dipohon oleh pesakit kerana bil lama telah hilang dan tidak dapat dikesan?</p>	<p>Boleh. Namun tidak digalakkan. Tatacara mengeluarkan bil gantian adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Buku bil berasingan yang khusus untuk pengeluaran bil gantian perlu diadakan (buku bil tersebut hendaklah di cop "Buku Bil Gantian"). Bil yang dikeluarkan hendaklah di catit bil gantian dan segala butirnya hendaklah berpandukan senarai bil yang belum dijelaskan, bil asal yang telah di cop bayar diberi kepada pembayar, salinan bil pendua disimpan dalam bil berasingan. ii. Seorang pegawai hendaklah diberi kuasa untuk mengeluarkan bil gantian setelah dipastikan salinan bil yang ada di dalam fail yang terbengkalai benar-benar telah hilang. 	Arahan Perbendaharaan 2023
10.	Seorang pesakit psikiatri telah dipindahkan ke wad perubatan dan discaj di wad perubatan. Apakah caj yang terlibat?	Apabila seorang pesakit psikiatri dimasukkan dalam wad perubatan atas penyakit lain, maka pesakit tersebut perlu dikenakan caj yang berkaitan.	Jadual B dan C, Bahagian 6 Perintah Fi (Perubatan) 1982
11.	Apakah peraturan pengiraan caj bagi perpindahan wad?	<p>Perenggan 13 Perintah Fi (Perubatan) 1982 menyatakan seseorang pesakit yang pada mulanya dimasukkan ke dalam wad kelas yang lebih rendah dan kemudiannya dipindahkan ke dalam wad yang lebih tinggi atas permintaannya sendiri hendaklah membayar semula caj, selain dari caj wad, bagi wad kelas lebih tinggi mulai dari hari dia dimasukkan ke dalam hospital. Dalam melaksanakan Perenggan 13 tersebut, "perpindahan wad ke kelas lebih tinggi diambil kira caj wad yang lebih tinggi mulai jam 12 tengah malam hari perpindahan dibuat".</p> <p>Kes-kes yang dirujuk daripada unit rawatan harian ke ICU/CCU untuk rawatan lanjut dan meninggal dunia semasa di ICU/CCU adalah tertakluk kepada caj untuk tempoh kemasukan di ICU/CCU berdasarkan kadar caj wad pemerhatian iaitu RM3.00 sehari.</p>	i. Perenggan 13 Perintah Fi (Perubatan) 1982 ii. (14)dalam.KKM-203/18 Jld. 2 bertarikh 27 Mei 2000 iii. (40)dlm.KKM-203/18/Jld.8 bertarikh 18 Julai 1995.
12.	Kemasukan ke wad kurang dari 12 jam?	Pesakit perlu didaftar sebagai pesakit dalam dan dikenakan caj mengikut kelas wad yang diduduki. Walaupun rawatan berkenaan hanya memakan masa yang singkat sahaja, caj wad satu hari perlu juga dikenakan selaras dengan peruntukan perenggan 4(2)(a) Perintah Fi (Perubatan) 1982 yang menetapkan "hari kemasukan hendaklah dikira sebagai satu hari genap".	i. Perenggan 4(2)(a) Perintah Fi (Perubatan) 1982 ii. (37) dlm.KKM.203/18-1.Jld.16 bertarikh 19 September 1997
13.	Pesakit A dimasukkan ke wad kelas 1 dan dipindahkan ke wad ICU. Berapakah caj wad di ICU dikenakan ke atas pesakit?	Caj Wad Kelas Satu, pesakit akan dikenakan caj wad di ICU berdasarkan wad kemasukan kali pertama.	Perenggan 4 (2)(c) Perintah Fi (Perubatan) 1982

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
14.	Pesakit B dimasukkan ke wad kelas 1 dan dipindahkan ke wad ICU dan setelah selesai rawatan di ICU, pesakit dipindahkan semula ke wad kelas 1. Berapakah caj wad ICU dikenakan?	Caj Wad Kelas Satu, pesakit akan dikenakan caj wad di ICU berdasarkan wad kemasukan kali pertama.	Perenggan 4 (2)(c) Perintah Fi (Perubatan) 1982
15.	Pesakit B dimasukkan ke wad kelas 2 dan dipindahkan ke wad ICU, setelah selesai rawatan di ICU pesakit dipindahkan ke wad Kelas Tiga. Berapakah caj wad ICU dikenakan?	Caj wad Kelas Tiga	Perenggan 4 (2)(c) Perintah Fi (Perubatan) 1982
16.	Pesakit B dimasukkan ke wad Kelas Tiga dan dipindahkan ke wad ICU, setelah selesai rawatan di ICU pesakit dipindahkan ke wad kelas 2. Berapakah caj wad ICU dikenakan?	Caj wad Kelas Tiga	Perenggan 4 (2)(c) Perintah Fi (Perubatan) 1982
17.	Apakah caj pendaftaran bagi klinik kesihatan di luar bandar?	i. Caj pendaftaran bagi pesakit luar di klinik kesihatan/PKD/klinik desa/klinik pergigian adalah RM1 seperti dalam Jadual A, caj Pesakit Luar, Perintah Fi (Perubatan) 1982 tidak kira sama ada klinik-klinik kesihatan tersebut mempunyai perkhidmatan pakar, makmal dan pengimejan diagnostik atau tidak. Walau bagaimanapun, caj rawatan perlu dikenakan berdasarkan jenis rawatan; ii. Bagi rawatan pakar, kadar caj di klinik pesakit luar pakar adalah berdasarkan Jadual A, Bahagian 2 Perintah Fi (Perubatan) 1982.	Jadual A, Perintah Fi (Perubatan) 1982
18.	Adakah pesakit luar di Unit Pemulihan cara kerja perlu dikenakan caj <i>splint</i> ?	Ya. Caj <i>splint</i> perlu dirujuk kepada senarai di bawah Jadual G, Perintah Fi (Perubatan) 1982. Manakala caj rawatan terapi cara kerja perlu dikenakan selaras dengan Bahagian 7, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.	i. Jadual G, Perintah Fi (Perubatan) 1982 ii. Bahagian 7, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017
19.	Apakah caj yang dikenakan kepada orang awam yang hadir ke Klinik Komuniti untuk membuat ujian kehamilan?	Caj ujian <i>Human Chorionic Gonadotropin</i> (HCG) sebanyak RM30.00 hendaklah dikenakan sekiranya dilaksanakan atas permintaan sendiri.	Perintah Fi (Perubatan) 1982
20.	Apakah caj wad bagi pesakit di wad kecemasan dan kemalangan?	Pesakit warganegara yang dirawat di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan akan dikenakan caj pesakit luar RM1.00 dan caj katil RM3.00 sehari memandangkan wad di Jabatan tersebut berfungsi sebagai <i>observation ward</i> (kurang daripada 24 jam) untuk menentukan sama ada pesakit tersebut perlu rawatan lanjut sebagai pesakit dalam atau tidak.	i. (30) dlm.KKM-87(663) Bhg.3 bertarikh 29 Oktober 1993 ii. (14) dalam.KKM-203/18 Jld. 2, bertarikh 27 Mei 2000

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
21.	Bagaimakah caj bagi seorang pesakit yang menjalani pemeriksaan „endoscopy” yang dimasukkan ke wad untuk beberapa jam?	Pesakit yang menjalani pemeriksaan <i>endoscopy</i> ditakrifkan sebagai pesakit dalam dan perlu didaftarkan sebagai pesakit dalam walaupun prosedur berkenaan hanyalah mengambil masa maksimum 3 jam. Caj wad sehari perlu dikenakan kerana perenggan 4(2)(a) Perintah Fi (Perubatan) 1982 menetapkan hari kemasukan sebagai satu hari genap.	Perenggan 4(2)(a) Perintah Fi (Perubatan)
22.	Apakah caj yang akan dikenakan bagi pesakit yang mendapatkan perkhidmatan seperti membuka jahitan, membuat <i>dressing</i> , mendapatkan suntikan, menukar <i>urinary catheter</i> dan seumpamanya di Jabatan Pesakit Luar Am?	Pesakit warganegara yang mendapatkan perkhidmatan tersebut akan dikenakan caj pendaftaran RM1.00.	(92) dlm.KKM-203/18/1 Jld.2 bertarikh 25 Januari 2002
23.	Apakah caj bagi bekalan mata palsu?	Bekalan mata palsu boleh ditakrifkan sebagai prostesis dan cajnya adalah ditetapkan pada Perenggan 10 Perintah Fi (Perubatan) 1982. Sekiranya hospital tiada stok mata palsu, pesakit perlu memperolehnya dari kedai kaca mata dan menanggung sendiri caj yang dikenakan.	(76) dlm.KKM-203/18/1.Jld.14 bertarikh 21 Mac 1997
24.	Apakah caj pembedahan “Minor OT” di Klinik Pakar?	Pesakit yang membuat rawatan lanjut di Klinik Pakar dan menjalani <i>Minor OT</i> dikenakan caj RM5.00. Bagi pesakit yang memerlukan pembedahan <i>Minor OT</i> dan dimasukkan ke wad untuk beberapa jam sahaja, pesakit ditakrif sebagai pesakit dalam dan dikenakan caj wad sehari di samping caj-caj lain yang berkaitan. Sekiranya pembedahan <i>Minor OT</i> dilaksanakan di unit rawatan harian dan pesakit dibenarkan pulang dalam tempoh kurang dari 24 jam rawatan harian caj katil RM3.00 dan caj prosedur <i>Minor OT</i> akan dikenakan.	Perintah Fi (Perubatan) 1982
25.	Bagaimakah pengiraan caj bagi perkhidmatan <i>Extracorporeal Shockwave Lithotripsy</i> (ESWL) untuk pesakit warganegara?	Perkhidmatan ESWL merupakan rawatan gelombang untuk memecahkan batu karang yang biasanya dilaksanakan kepada pesakit luar atau pesakit penjagaan harian (<i>daycare</i>). Caj prosedur dikenakan sebanyak RM200 kepada pesakit rujukan Kerajaan untuk keseluruhan sesi (tidak mengira berapa kali prosedur tersebut dilakukan). Manakala pesakit rujukan swasta akan dikenakan caj Kelas 1 iaitu RM4,500.	Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017
26.	Caj penggunaan bilik mayat?	Tiada caj dikenakan. Nota: Fungsi bilik mayat di Hospital KKM adalah untuk penyimpanan sementara mayat yang meninggal di Hospital dan yang termasuk dalam kategori kes Polis.	Perintah Fi (Perubatan) 1982

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
27.	Pengenaan caj bagi rawatan laser untuk <i>twin to twin transfusion syndrome</i> ?	Caj bagi prosedur tersebut adalah mengikut kategori pembedahan jenis C.	i. Jadual E, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 ii. (11)dlm KKM 58/900/18/1 Jld 31 bertarikh 4 Mac 2010
28.	Adakah ujian penyalahgunaan dadah perlu dikenakan caj?	Ujian <i>morphine</i> , <i>heroin</i> dan <i>opiate</i> perlu dikenakan caj berasingan bagi mereka yang meminta <i>urine drug test</i> sama ada secara berasingan atau sebagai sebahagian daripada pemeriksaan kesihatan.	(55)dlm KKM-203/18/1.Jld 24 bertarikh 13 Julai 2002
29.	Bayaran ujian makmal oleh hospital / pusat rawatan swasta yang menggunakan perkhidmatan makmal di hospital Kerajaan?	Setiap permintaan untuk ujian makmal yang dihantar perlu disertakan dengan bayaran sekali. Sampel ujian yang dihantar tanpa bayaran tidak boleh diterima.	i. (24) KKM.40-9/1/3 Jld 9 bertarikh 30 April 2019 ii. (14)KKM-58/900/92 bertarikh 21 Disember 2012
30.	Adakah filem X-ray boleh diberikan kepada pesakit?	Ya, filem X-ray boleh diberikan kepada pesakit dalam situasi berikut. i. Jika pesakit dirujuk ke hospital lain sama ada hospital Kerajaan atau hospital swasta, filem X-ray akan dibawa bersama pesakit ke hospital berkenaan. Sekiranya pesakit ini dihantar semula ke hospital asal yang membuat rujukan maka filem X-ray perlu dikembalikan ke hospital itu. ii. Jika pesakit dari hospital Kerajaan ingin mendapatkan rawatan di hospital swasta ataupun mengambil <i>At Own Risk (AOR)</i> discaj, filem X-ray boleh diberikan kepada pesakit yang membuat permintaan. Jika pesakit ini dihantar kembali ke hospital Kerajaan untuk rawatan susulan, filem X-ray tersebut perlu dikembalikan ke hospital berkenaan.	(1)dlm KKM-87(P20)/503 Bhg 5 bertarikh 14 Oktober 2002
31.	Adakah perkhidmatan potong tali pusat bagi ibu bersalin di luar hospital dikenakan caj?	Pesakit akan dikenakan caj bagi perkhidmatan di luar fasiliti sebanyak RM150.00. Sekiranya pesakit hadir ke Jabatan Pesakit Luar, rawatan postnatal hendaklah dikecualikan caj manakala bagi pesakit yang diarahkan menjalani rawatan lanjut di hospital, caj wad dan rawatan perubatan yang berkaitan hendaklah dikenakan.	Perenggan 16(5) Perintah Fi (Perubatan) 1982
32.	Adakah ujian DNA perlu dikenakan caj?	Mana-mana ujian DNA yang mempunyai anggaran kos setiap ujian melebihi RM200, ia hendaklah diklasifikasikan dalam Kumpulan A.	i. Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 ii. (50) dlm KKM 203/18 Jld.4bertarikh 19 Jun 2002

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
33.	Adakah caj penggunaan bilik bersalin / dewan bedah dikenakan bagi pesakit wad Kelas 1?	<p>i. Bagi situasi di mana pesakit dimasukkan beberapa kali ke Bilik Bersalin, hanya sekali sahaja caj dikenakan (sekali caj bagi setiap kemasukan ke hospital).</p> <p>ii. Sekiranya pesakit telah dimasukkan ke Bilik Bersalin bagi proses kelahiran, tetapi terjadi komplikasi yang menyebabkan pesakit terpaksa dibedah bagi prosedur <i>caesarean</i> di Dewan Bedah, maka pesakit perlu dikenakan dua caj iaitu caj Bilik Bersalin dan caj Dewan Bedah.</p>	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017
34.	Adakah anak kepada seorang pemastautin tetap boleh dikenakan caj pada kadar caj warganegara?	Ya, sekiranya beliau merupakan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah yang memegang sijil kelahiran Malaysia dan ibu / bapanya adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap.	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014
35.	Bagaimakah caj perubatan bagi kanak-kanak kelahiran luar negara di mana ibu adalah warganegara dan ayahnya berstatus bukan warganegara?	Kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah adalah layak diberikan perkhidmatan kesihatan di fasiliti KKM pada kadar caj warganegara sekiranya bapa atau ibunya adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia. Kelayakan ini adalah tertakluk kepada dokumen pembuktian status taraf kewarganegaraan Malaysia seperti dokumen sijil kelahiran Malaysia atau kad pengenalan MyKid / MyKad atau sijil pengesahan taraf kewarganegaraan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).	<p>i. Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014</p> <p>ii. Slaid Kewarganegaraan JPN</p>
36.	Berapakah caj yang perlu dibayar oleh seorang wanita hamil yang hadir ke Jabatan Pesakit Luar Pakar (dengan rujukan daripada pegawai perubatan KKM)?	Percuma bagi lawatan pertama sahaja. Caj RM5.00 dikenakan bagi setiap sesi <i>follow up</i> berikutnya.	(10)dlm.KKM-203/18/1 Jld.28 bertarikh 29 Mac 2006
37.	Adakah pesakit yang dirawat oleh Pegawai Perubatan Pakar di Jabatan Pesakit Luar Am dikenakan caj RM5.00?	Ya. Bagi kes yang dirawat oleh Pegawai Perubatan Pakar dikenakan caj RM5.00 disebabkan pegawai perubatan tersebut perlu memberi ubat-ubatan pakar dan ujian yang biasanya dijalankan di Klinik Pakar sahaja.	(10)dlm. KKM-203/18/1 Jld.28 bertarikh 29 Mac 2006
38.	Adakah caj dikenakan kepada orang awam yang mendapatkan rawatan atau menjalani ujian makmal atas permintaan sendiri?	Ya. Caj perubatan pada kadar Kelas Satu.	<p>i. Jadual C dan D, Bahagian 2 Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017</p> <p>ii. (15)dlm.KKM-58/900/26.Jld.11 bertarikh 8 Mac 2013</p>
39.	Bagaimana caj kepada pesakit sekiranya pihak hospital KKM merujuk pesakit KKM ke hospital swasta?	Perkhidmatan rawatan yang telah diterima oleh pesakit akan dikenakan caj mengikut perintah fi yang berkuat kuasa.	<p>i. Perintah Fi (Perubatan) 1982</p> <p>ii. Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017</p>

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan				
40.	Penjelasan mengenai pengenaan caj bagi penggunaan ambulans dan kereta jenazah	<ul style="list-style-type: none"> i. Sekiranya pesakit dirujuk oleh hospital ke hospital lain sama ada untuk tujuan kemasukan wad atau untuk rundingan dan penilaian, tiada caj dikenakan ke atas pesakit; ii. Bagi rujukan ke IJN, pesakit tidak mampu boleh dikecualikan daripada caj ambulan. Manakala pesakit kelas 1, kelas 2 serta pesakit yang mampu adalah tertakluk kepada caj berkaitan; iii. Sekiranya rujukan ke hospital lain adalah atas permintaan pesakit, maka caj ambulans perlu dikenakan iaitu caj sehala sekiranya pesakit dimasukkan ke wad dan caj dua hala sekiranya pesakit pulang semula ke hospital yang merujuk; iv. Kes-kes kecemasan dikecualikan daripada caj ambulan; dan v. Bagi penggunaan kereta jenazah, caj penggunaan adalah caj bagi dua hala dan bayaran tol bagi perjalanan ke tempat yang diminta perlu dikenakan caj kepada pengguna. Bayaran balik tol ditanggung oleh hospital. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Perintah Fi (Perubatan) 1982 ii. (77)KKM-203/18/01.Jld.9 bertarikh 3 November 1995 iii. (93)dlm.KKM-203/18/01.Jld.10 bertarikh 8 Februari 1996 				
41.	Penjelasan mengenai kadar caj Pasukan Bersedia (<i>Standby Medical Team</i>)	<p>Penyediaan pasukan perubatan bersedia diuruskan di peringkat tempatan dengan persetujuan dua pihak yang terlibat. Sekiranya pihak hospital bersetuju untuk memenuhi permintaan tersebut, caj yang dikenakan berdasarkan Jadual H, Bahagian 2, Perintah Fi (Perubatan) 1982 akan dikenakan.</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: center;">Caj <u>tidak termasuk</u> pegawai perubatan</td> <td style="text-align: center;">Caj <u>termasuk</u> dengan pegawai perubatan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Hari pertama: RM200 Hari seterusnya: RM100</td> <td style="text-align: center;">Hari pertama: RM350 Hari seterusnya: RM250</td> </tr> </table>	Caj <u>tidak termasuk</u> pegawai perubatan	Caj <u>termasuk</u> dengan pegawai perubatan	Hari pertama: RM200 Hari seterusnya: RM100	Hari pertama: RM350 Hari seterusnya: RM250	<ul style="list-style-type: none"> i. Perintah Fi (Perubatan) 1982 ii. (73)dlm.KKM/203/18/01. Jld.9 bertarikh 30 Oktober 1995
Caj <u>tidak termasuk</u> pegawai perubatan	Caj <u>termasuk</u> dengan pegawai perubatan						
Hari pertama: RM200 Hari seterusnya: RM100	Hari pertama: RM350 Hari seterusnya: RM250						
42.	Berapakah kadar caj rawatan hemodialisis di Unit Rawatan Harian (<i>daycare</i>) yang dikenakan kepada pesakit warganegara yang berumur 60 tahun ke atas?	<p>Rujukan Pegawai Perubatan Kerajaan: Wad = RM3 Rawatan Hemodialisis = RM10 Jumlah = RM13</p> <p>Rujukan Pegawai Perubatan Swasta: Wad = RM3 Rawatan Hemodialisis = RM75 Jumlah = RM78</p>	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017				

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
43.	Adakah pesakit yang dirujuk secara <i>cross referral</i> bagi perkhidmatan fisioterapi / terapi cara kerja / perkhidmatan kerja sosial perubatan / pegawai sains pemakanan pada hari yang sama dikenakan caj pesakit luar?	Tidak. Caj pesakit luar RM1.00 perlu dikenakan sekali lagi apabila pesakit mendapatkan perkhidmatan dietetik, pergigian dan pertuturan sahaja.	(34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
44.	Kes rujukan dari klinik kesihatan A dan B untuk siasatan lanjut / imaging / makmal / prosedur (contoh mesin X-ray / ultrasound di Klinik A rosak, tiada perkhidmatan disediakan)?	Pesakit tidak dikenakan caj pendaftaran dengan syarat mengemukakan resit bayaran pendaftaran / borang permohonan ujian / siasatan dari klinik yang merujuk pesakit. Walau bagaimanapun, sekiranya pesakit dari Klinik Kesihatan A datang ke Klinik B pada hari yang berlainan, maka caj pendaftaran akan dikenakan di Klinik B.	(34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
45.	Bagi pesakit rujukan pegawai perubatan Kerajaan membuat MRI, X-ray, ujian darah di hospital berapakah caj yang perlu dikenakan? Bagaimana pula pesakit rujukan swasta?	<p>Pesakit rujukan pegawai perubatan Kerajaan di Jabatan Pesakit Luar Pakar tidak dikenakan caj pendaftaran pada lawatan pertama dan caj RM5.00 dikenakan bagi setiap <i>follow-up</i> termasuk segala siasatan.</p> <p>Manakala bagi pesakit rujukan pegawai perubatan persendirian / swasta, pesakit tersebut dikenakan RM30.00 caj pendaftaran pada lawatan kali pertama dan RM5.00 dikenakan bagi setiap <i>follow-up</i> tidak termasuk segala siasatan dan rawatan. Caj siasatan dan rawatan dikenakan pada kadar kelas pertama.</p>	i. Jadual A, Bahagian 1 dan 2 Perintah Fi (Perubatan) 1982 ii. (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
46.	Caj "observation bed" yang dikenakan kepada pesakit warga emas berumur 60 tahun ke atas yang mendapat rawatan di Jabatan Pesakit Luar Am?	Pengecualian caj pendaftaran pesakit luar sebanyak RM1.00 diberikan kepada warganegara yang berumur 60 tahun ke atas di semua fasiliti KKM. Walau bagaimanapun, semua rawatan berserta „observation bed“ tetap dikenakan caj.	i. (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019 ii. KK/BP/WA1/(S)09/692/79 Jld.3(sk17/2011) (3) bertarikh 5 Disember 2011
47.	Caj pemeriksaan mata bagi ujian lesen memandu di fasiliti KKM?	Sekiranya pemeriksaan perubatan lengkap (fizikal, urine FEME dan X-ray) dijalankan, maka caj yang patut dikenakan adalah RM100.00 (tidak termasuk caj tambahan untuk ujian / siasatan makmal). Sekiranya hanya ujian fizikal dilaksanakan, caj pesakit luar iaitu RM1.00 dikenakan.	(34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
48.	Permohonan pesakit untuk mengambil X-ray keluar?	Filem X-ray bagi rawatan pesakit dalam atau pesakit luar adalah hak pejabat rekod dan tidak boleh diserahkan kepada pesakit. Bagi seorang pesakit dalam atau pesakit luar, beliau boleh memohon kepada pegawai perubatan yang merawat / menjaga pesakit berkenaan dan hanya laporan X-ray tersebut akan diberikan. Buat masa ini, filem X-ray hanya diserahkan kepada pesakit yang datang untuk membuat pemeriksaan perubatan sahaja.	i. (1)dlm.KKM-87(p20/503) Bhg.5 bertarikh 14 Oktober 2002 ii. Garis Panduan Pengendalian dan Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit di Fasiliti KKM

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
49.	Jika wanita warganegara Malaysia bersalin di rumah dan dibawa ke hospital, apakah caj yang akan dikenakan kepada pesakit tersebut?	<p>Bagi ibu yang membawa anak ke hospital untuk potong tali pusat sahaja di Jabatan Pesakit Luar, tiada caj yang akan dikenakan.</p> <p>Walau bagaimanapun, sekiranya pesakit tersebut dimasukkan ke wad dan menerima rawatan lanjut, maka pesakit akan dicaj berdasarkan senarai tatacara perubatan yang telah disenaraikan di dalam Perintah Fi (Perubatan).</p>	i. (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019 ii. Jadual A, Bahagian 1, Perintah Fi (Perubatan) 1982 iii. Perenggan 16(5), Perintah Fi (Perubatan) 1982
50.	Berapakah caj yang dikenakan termasuk bayaran pendaftaran pesakit yang dirujuk kepada pegawai dietetik yang mempunyai siasatan Penilaian Pemakanan dan Rawatan secara individu?	Bagi pesakit yang menerima rawatan di Klinik Am, maka pesakit tersebut dikenakan caj pendaftaran RM1.00 merangkumi segala siasatan. Caj rawatan masih perlu dikenakan iaitu penilaian pemakanan RM1.00 dan Terapi Diet Individu RM2.00.	(34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
51.	Caj yang dikenakan termasuk bayaran pendaftaran untuk pesakit yang dirujuk kepada pegawai dietetik secara berkumpulan namun tiada siasatan dilakukan?	Bagi pesakit yang menerima rawatan di Klinik Am, maka pesakit tersebut dikenakan caj pendaftaran RM1.00 merangkumi segala siasatan. Caj rawatan masih perlu dikenakan iaitu penilaian pemakanan RM1.00 dan Terapi Diet Berkumpulan RM1.00.	(34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
52.	Adakah fi dietetik dan bayaran pendaftaran dikecualikan untuk warganegara bagi golongan ibu hamil?	Perenggan 16(5) Perintah Fi (Perubatan) 1982 memperuntukkan bahawa ibu-ibu yang menjalani rawatan antenatal dan postnatal dan kanak-kanak di bawah umur satu tahun hendaklah dikecualikan dari caj-caj dalam Bahagian 1 Jadual A apabila dirawat sebagai pesakit luar. Sekiranya rawatan dietetik adalah termasuk sebagai salah satu rawatan antenatal dan postnatal menurut pandangan pegawai perubatan, maka pesakit tidak perlu membayar caj pendaftaran RM1.00 dan rawatan dietetik tersebut tidak dikenakan caj.	i. Perenggan 16(5), Perintah Fi (Perubatan) 1982 ii. Jadual A, Bahagian 1, Perintah Fi (Perubatan) 1982 iii. (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
53.	Adakah fi dietetik dan bayaran pendaftaran dikecualikan untuk warganegara bagi golongan kanak-kanak?	<p>Caj pendaftaran RM1.00 masih dikenakan. Kanak-kanak akan dikenakan caj rawatan berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) 1982 apabila menerima rawatan selain daripada rawatan pergiliran (kecuali alat-alat ortodontik), imunisasi dan vaksinasi.</p> <p>Walau bagaimanapun, sekiranya kanak-kanak tersebut mengemukakan surat pengesahan sekolah, mereka layak diberikan pengecualian caj pesakit luar dan kelayakan wad kelas 2.</p>	i. Perenggan 16(8), Perintah Fi (Perubatan) 1982 ii. (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
54.	Adakah fi dietetik dan bayaran pendaftaran dikecualikan untuk warganegara bagi golongan OKU?	OKU diberi pengecualian bayaran rawatan hospital sebagai pesakit luar dan pesakit dalam wad Kelas Tiga. Oleh yang demikian, pesakit OKU adalah dikecualikan daripada membayar can pendaftaran dan caj rawatan dietetik.	i. (58) KK/BP(S)(9.00) 617-1 Jld.2 SK 11 (58) bertarikh 14 Mei 1996 ii. (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
55.	Adakah dibenarkan sekiranya Pegawai Perubatan di wad mengeluarkan dan mengesahkan Lampiran 3 bagi penyakit berjangkit?	Ya, sekiranya pegawai tersebut merupakan salah seorang Pegawai yang Diberikan Kuasa bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1989.	Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil.7 Tahun 2017 (3) dlm. KKM-58/300/1-5 Jld.3 bertarikh 13 Jun 2017

6.2 Orang Kurang Upaya (OKU)

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Adakah pasangan dan ahli keluarga kepada OKU diberikan pengecualian caj rawatan ?	Tidak. Hanya individu OKU (terpakai kepada diri sendiri) sahaja diberikan pengecualian caj pesakit luar dan pesakit dalam untuk Kelas Tiga.	(31) dlm.KKM-203/18/ Jld.3 bertarikh 9 Oktober 2001
2.	Berapakah caj pesakit OKU pemegang kad Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang dirujuk oleh pengamal persendirian perubatan swasta ke fasiliti KKM?	Percuma bagi rawatan sebagai pesakit luar dan pesakit dalam untuk Kelas Tiga. Ini termasuk pengecualian bagi caj pendaftaran RM30.00/RM5.00 bagi kes rujukan pengamal persendirian perubatan swasta dan RM1.00 bagi kes rujukan pegawai perubatan Kerajaan.	(19) KKM.400-8/1/89, Jld.8 bertarikh 31 Januari 2019
3.	Rujukan pesakit Orang Kurang Upaya (OKU) daripada hospital swasta?	Sekiranya pesakit yang dirujuk adalah seorang yang berstatus OKU, maka bayaran caj pesakit luar adalah dikecualikan dengan syarat pesakit tersebut mempunyai kad OKU yang sah.	i. (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019 ii. KK/BP(S)09/692/79 bertarikh 10 November 2000

6.3 Jemaah Haji / Umrah

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Berapakah caj bagi saringan awal kesihatan untuk jemaah haji / umrah?	<p>Percuma bagi saringan kesihatan yang dinyatakan di bawah Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Jemaah Haji. Walau bagaimanapun, caj pendaftaran RM1.00 perlu dibayar oleh jemaah haji.</p> <p>Tiada pengecualian caj saringan kesihatan bagi jemaah umrah.</p>	(62) dlm.KKM/171 (157) Klt.4 bertarikh 21 Jun 2000

6.4 Orang Kurang Berkemampuan

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Adakah pesakit dari golongan miskin / kurang berkemampuan / gelandangan boleh dikecualikan daripada caj rawatan perubatan dan ubat-ubatan?	<p>Ya. Peraturan 16(7) memperuntukkan Ketua Hospital atau seorang wakil yang dilantik olehnya untuk mempertimbangkan keseluruhan atau sebahagian daripada caj bagi pesakit luar dan pesakit Kelas Tiga untuk kumpulan orang miskin termasuk orang kurang berkemampuan dan gelandangan.</p> <p>Pertimbangan pengecualian tersebut perlu berpandukan kepada ulasan daripada Jabatan Kerja Sosial Perubatan berhubung status kemampuan pesakit.</p>	i. Perenggan 16(7), Perintah Fi (Perubatan) 1982 ii. (124)dlmKKM.203/1/18.Jld.27 bertarikh 14 Februari 2006
2.	Adakah KKM memberikan pengecualian caj bagi rawatan dialisis kepada golongan orang kurang berkemampuan?	<p>Pesakit kurang berkemampuan adalah layak mendapat pengecualian bayaran bagi wad kelas ketiga dan pesakit luar. Bagi perkhidmatan dialisis, caj rawatan sebanyak RM10.00 dan RM3.00 untuk caj wad daycare akan dikenakan.</p> <p>Bagi meringankan bebanan kewangan pesakit yang kurang berkemampuan, KKM telah menyediakan bantuan subsidi kos rawatan hemodialisis bagi pesakit buah pinggang melalui pusat-pusat hemodialisis Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang diiktiraf oleh KKM.</p>	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017

6.5 Orang Asli

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Apakah dokumen yang diperlukan bagi membuktikan pesakit merupakan kategori orang asli?	Surat daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli atau kad pengenalan diri Orang Asli.	Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.4/2012, (11)dlm.KKM(KA)09/62/03/11/155 bertarikh 27 Januari 2012

6.6 Warga Emas

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Adakah penjaga yang menemani warga emas di fasiliti KKM dikenakan caj?	Tiada caj dikenakan kerana penjaga tidak dibekalkan dengan kemudahan katil dan makanan.	Perintah Fi (Perubatan) 1982
2.	Adakah pesakit warga emas dikenakan caj bagi ujian makmal di hospital universiti?	Tertakluk kepada keputusan dasar pihak universiti berkenaan. Pesakit warga emas adalah disarankan untuk membuat semakan awal sebelum melaksanakan ujian.	(14)KKM.400-9/1/3 Jld.8 bertarikh 9 Januari 2019
3.	Pesakit warganegara berumur 63 tahun hadir ke klinik pakar dengan rujukan dari hospital swasta. Berapakah caj yang dikenakan sekiranya pemeriksaan kesihatan pakej asas dijalankan semasa sesi follow up di hospital Kerajaan?	Pesakit yang datang sebagai pesakit luar pakar atas rujukan swasta perlu membayar caj RM30.00 bagi lawatan pertama dan dikecualikan daripada bayaran pendaftaran RM5.00 bagi <i>follow-up</i> seterusnya. Bayaran tersebut tidak termasuk siasatan dan rawatan. Tambahan caj sebanyak RM100.00 perlu dikenakan bagi pemeriksaan kesihatan pakej asas.	(8)dlm.KKM-58/300/1-5Jld.2 bertarikh 20 April 2012

6.7 Kanak- Kanak

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Seorang kanak-kanak penerima dan pemegang kad bantuan kebajikan atas nama sendiri atau bapa. Adakah kedua-dua mereka layak diberi pengecualian caj perubatan?	Kanak-kanak tersebut layak mendapat kemudahan rawatan percuma. Manakala bapa kepada kanak-kanak tersebut boleh diberikan pengecualian dengan syarat mengisi borang permohonan pengecualian yang ditetapkan di bawah Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 2 Tahun 2006.	i. Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 2 Tahun 2006 ii. Perenggan 16(7) Perintah Fi (Perubatan) 1982

6.8 Orang Kenamaan

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Sekiranya seorang Kerabat Diraja yang mendapatkan perkhidmatan di hospital Kerajaan terpaksa dirujuk ke hospital swasta untuk mendapatkan rawatan disebabkan tiada perkhidmatan rawatan tersebut di hospital Kerajaan, bagaimakah caj yang akan dikenakan kepada Kerabat Diraja tersebut?	Kerabat Diraja / Yang di Pertua dan keluarga mereka dikecualikan daripada semua caj di bawah Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017. Sehubungan itu, sekiranya Kerabat Diraja / Yang di Pertua tersebut dirujuk oleh hospital Kerajaan ke hospital swasta disebabkan ketidaaan perkhidmatan tersebut di hospital Kerajaan, maka semua bayaran ke hospital swasta tersebut perlu ditanggung oleh hospital Kerajaan yang membuat rujukan tersebut.	(74)dlm.KKM87(P20/710/1) Bhg. 2 bertarikh 8 Mei 2001

6.9 Penjawat Awam

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Adakah penjawat awam boleh diberikan pemeriksaan kesihatan percuma bagi urusan kenaikan pangkat?	Tidak. Pengecualian caj pemeriksaan kesihatan bagi penjawat awam adalah terpakai bagi tiga kategori iaitu: i. Lantikan pertama ke perkhidmatan awam; ii. Diarahkan berkursus sama ada dalam atau luar negara; dan iii. Diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan bagi pegawai berumur 40 tahun ke atas.	Perintah Am Bab F
2.	Adakah anggota Kerajaan yang dirujuk oleh pengamal persendirian perubatan swasta persendirian perubatan swasta ke Jabatan Pesakit Luar Pakar atau mana-mana fasiliti KKM dikenakan bayaran?	i. Pegawai Kerajaan yang dirujuk oleh pengamal persendirian perubatan swasta ke hospital kerajaan untuk rawatan lanjut sama ada pakar atau bukan pakar, di mana pegawai tersebut bukan lagi pesakit klinik / hospital swasta tetapi seterusnya menjadi pesakit kepada hospital Kerajaan, maka beliau tidak dikenakan bayaran. ii. Pegawai Kerajaan yang dirujuk oleh pengamal persendirian perubatan swasta ke hospital Kerajaan untuk ujian / siasatan / rundingan dengan pegawai perubatan dan laporan / keputusan diguna oleh klinik / hospital swasta di mana pegawai masih lagi merupakan pesakit swasta, maka pegawai tersebut dikenakan bayaran selaras dengan Perintah Am 4, Bab F.	Perenggan Perintah Fi 15, (Perubatan) 1982

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
3.	Adakah caj perkhidmatan bagi pemeriksaan kesihatan dikenakan kepada pegawai kontrak lantikan Kerajaan?	<p>Pegawai kontrak yang <u>telah dilantik secara rasmi</u> dan telah diberi surat lantikan, caj tidak akan dikenakan bagi pemeriksaan kesihatan sekiranya mereka menunjukkan surat lantikan yang menyatakan dengan jelas bahawa mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan sebagai syarat lantikan. Dasar ini terpakai untuk pegawai lantikan kontrak baharu / pembaharuan kontrak.</p> <p>Bagi mereka yang ingin <u>memohon</u> untuk dilantik semula dan disyaratkan untuk mengemukakan laporan pemeriksaan kesihatan bersama-sama dengan permohonan mereka, maka caj dikenakan sebanyak RM100.00 (tidak termasuk ujian tambahan).</p>	Pekeling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM 2022)
4.	Adakah caj rawatan dikenakan kepada anak pesara Kerajaan yang berumur 20 tahun dan masih belajar di IPT?	<p>Tiada caj dikenakan kerana anak pesara masih belajar dan berumur di bawah 21 tahun.</p> <p>Perintah Am Bab F menjelaskan "Pegawai" bermaksud mana-mana pegawai atau pesara dalam perkhidmatan Kerajaan. "Anak" layak mendapat kemudahan rawatan mengikut kelayakan Pegawai sekiranya anak tersebut berumur 18 tahun ke bawah atau sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 21 tahun.</p> <p>Anak pesara tersebut layak mendapat kemudahan rawatan percuma mengikut kelayakan Pegawai dengan syarat perlu mengemukakan surat jaminan (GL) / Kad Pesara pegawai / surat akuan dan pengesahan pelajar IPT.</p>	Perintah Am Bab F
5.	Berapakah tempoh sah laku surat jaminan kakitangan Kerajaan (GL)?	3 bulan.	(7)KKM-203/25/01.Jld.6 bertarikh 18 Julai 1997
6.	Apakah caj yang dikenakan ke atas penjawat awam yang tidak mengemukakan surat jaminan (GL) / tidak mengemaskini maklumat dalam HRMIS dalam tempoh 24 jam?	Penjawat awam perlu mengemukakan surat jaminan / mengemas kini maklumat dalam HRMIS dalam tempoh 24 jam dari masa kemasukan wad. Sekiranya penjawat awam tidak dapat mengemukakan surat jaminan dalam tempoh yang ditetapkan, mereka perlu membayar deposit sama seperti orang awam. Deposit tersebut akan dipulangkan apabila surat sah jaminan dikemukakan.	Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil Tunggakan dan Hapus Kira bertarikh 5 April 2019
7.	Sekiranya kakitangan universiti awam (IPTA) mendapatkan rawatan di hospital, perlukah dikenakan caj rawatan dan deposit kemasukan?	Kakitangan universiti di bawah lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan berkhidmat di Institut Pengajian Tinggi Awam merupakan penjawat awam yang mana kelayakannya adalah tertakluk di bawah Perintah Am Bab F. Unit Hasil perlu merujuk senarai universiti awam yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Oleh itu, tiada pengenaan caj dan deposit kemasukan.	Pekeling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM 2023)
8.	Adakah pegawai / pesara Kerajaan dikenakan caj sekiranya mendapatkan perkhidmatan kesihatan di hospital universiti?	Pengenaan caj adalah keputusan dasar pihak universiti berkenaan sama ada menerima surat jaminan Kerajaan (GL) atau sebaliknya. Pegawai / pesara disarankan untuk membuat semakan awal sebelum mendapatkan rawatan.	(14)KKM.400-9/1/3. Jld.8 bertarikh 9 Januari 2019

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
9.	Kakitangan Kerajaan hadir mendapatkan rawatan di klinik kesihatan KKM tanpa membawa surat jaminan (GL), adakah caj pendaftaran perlu dikenakan?	Tidak, fasiliti KKM boleh merujuk kepada eGL melalui HRMIS. Bagi penjawat awam yang tidak mengemukakan GL / eGL semasa pendaftaran untuk kemasukan ke wad, mereka boleh dimasukkan ke wad terlebih dahulu dengan diberikan pilihan sama ada menyerahkan GL / eGL dalam tempoh 24 jam dari masa kemasukan ataupun membayar deposit atas kadar orang awam. Jika memilih untuk membayar deposit, deposit itu akan dikembalikan apabila GL / eGL diserahkan.	Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil Tunggakan dan Hapus Kira bertarikh 5 April 2019
10.	Adakah pegawai kontrak / sementara dan ahli keluarga layak mendapat kemudahan perubatan percuma?	Tertakluk kepada kontrak perjanjian sama ada pegawai kontrak / sementara dan ahli keluarga layak mendapat kemudahan perubatan.	(19)dim.KKM203/25/01.Bhg.2 bertarikh 8 April 1994
11.	Adakah pesakit yang merupakan seorang penjawat awam yang mendapat rujukan swasta boleh menggunakan surat jaminan Kerajaan (GL)?	Perintah Am Bab F tahun 1974 menetapkan bahawa pegawai dan pesara perkhidmatan awam Persekutuan yang menerima penceن serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan adalah layak diberi kemudahan perubatan percuma di klinik / hospital Kerajaan. Sekiranya kakitangan Kerajaan Persekutuan tersebut dirujuk daripada klinik persendirian / swasta dan menerima rawatan sebagai pesakit luar di hospital / klinik Kerajaan, maka segala rawatan termasuk caj pendaftaran adalah percuma seperti yang telah ditetapkan dalam Perintah Am Bab F tahun 1974.	(34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
12.	Adakah pegawai MySTEP turut layak menerima kemudahan sebagaimana penjawat awam?	Tidak. Personel MySTEP adalah bukan pegawai awam dan tidak tertakluk Perintah-Perintah Am atau peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa ke atas pegawai awam.	Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP 2023

6.10 Penjawat Awam Negeri (PAN) / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Penjelasan bil hospital bagi kakitangan badan berkanun?	Agensi badan berkanun seperti MARA boleh mengeluarkan surat jaminan (GL) kepada anggota-anggotanya bagi mendapat rawatan di hospital Kerajaan mengikut kelayakannya tanpa bayaran deposit. Bil bagi rawatan akan dihantar kepada badan berkanun berkenaan untuk dijelaskan.	i. Pekeling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM 2022) ii. KKM.400-8/1/89.Jld10 (56) bertarikh 15 Oktober 2019.

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan																																
2.	Adakah kakitangan kenderaan bas MARA layak mendapat rawatan badan berkanun?	Layak dengan syarat kakitangan mengemukakan surat jaminan (GL) yang dikeluarkan oleh MARA. Bil bagi rawatan akan dihantar kepada badan berkanun berkenaan untuk dijelaskan.	Pekeling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM 2022)																																
3.	PKD telah menerima surat jemputan menjalankan pemeriksaan kesihatan untuk ahli-ahli PELADANG sempena mesyuarat agung tahunan. Adakah perlu dikenakan caj?	Sebarang permohonan daripada agensi luar / swasta perlu dikenakan caj RM150.00 seorang berdasarkan jadual Bahagian 3 Perintah Fi (Perubatan) 1982. Walau bagaimanapun, program tersebut boleh dijadikan program anjuran bersama JKN/PKD dan tiada caj dikenakan. Ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Pasca Kabinet, KKM pada 13 April 2016.	(10)dlm KKM-58/300/1-5 Jld 2 bertarikh 17 Jun 2013																																
4.	Sekiranya pelajar universiti awam membawa surat pengesahan universiti, adakah diberi pengecualian bagi caj-caj perkhidmatan kesihatan yang diberikan di fasiliti KKM?	Pelajar universiti awam yang mengemukakan surat pengesahan universiti boleh diberikan perkhidmatan tanpa bayaran. Bil bagi rawatan akan dihantar kepada universiti untuk dijelaskan.	KKM.400-8/1/89.Jld10 (56) bertarikh 15 Oktober 2019																																
5.	Adakah pesara yang berkhidmat di bawah badan berkanun yang telah diswastakan dan mempunyai kad pesara oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dikecualikan dari membayar bil perubatan?	<p>Ya. Ketika ini kutipan caj perubatan bagi pesara badan berkanun yang dikorporatkan dan memiliki kad pesara yang dikeluarkan oleh JPA adalah ditangguhkan.</p> <p>Senarai Badan Berkanun yang telah dikorporatkan adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Nama Badan Berkanun</th> <th>Tarikh penswastaan</th> <th>Nama setelah penswastaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Lembaga Pelabuhan Klang</td> <td>1 Disember 1992</td> <td>Klang Port Management Sdn Bhd</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Lembaga Pelabuhan Bintulu</td> <td>1 Januari 1993</td> <td>Syarikat Bintulu Port Sdn Bhd</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Lembaga Pelabuhan Johor</td> <td>1 Januari 1993</td> <td>Johor Port Berhad</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang</td> <td>1 Januari 1994</td> <td>Penang Port Sdn Bhd</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Lembaga Pelabuhan Kuantan</td> <td>1 Januari 1998</td> <td>Kuantan Port Consortium Sdn Bhd</td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>Lembaga Letrik Negara</td> <td>1 September 1990</td> <td>Tenaga Nasional Berhad (TNB)</td> </tr> <tr> <td>7.</td> <td>Lembaga Padi dan Beras Negara</td> <td>7 Julai 1994</td> <td>Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Nama Badan Berkanun	Tarikh penswastaan	Nama setelah penswastaan	1.	Lembaga Pelabuhan Klang	1 Disember 1992	Klang Port Management Sdn Bhd	2.	Lembaga Pelabuhan Bintulu	1 Januari 1993	Syarikat Bintulu Port Sdn Bhd	3.	Lembaga Pelabuhan Johor	1 Januari 1993	Johor Port Berhad	4.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	1 Januari 1994	Penang Port Sdn Bhd	5.	Lembaga Pelabuhan Kuantan	1 Januari 1998	Kuantan Port Consortium Sdn Bhd	6.	Lembaga Letrik Negara	1 September 1990	Tenaga Nasional Berhad (TNB)	7.	Lembaga Padi dan Beras Negara	7 Julai 1994	Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)	(73)KKM.400-8/1/89Jld13 bertarikh 9 Oktober 2020
Bil.	Nama Badan Berkanun	Tarikh penswastaan	Nama setelah penswastaan																																
1.	Lembaga Pelabuhan Klang	1 Disember 1992	Klang Port Management Sdn Bhd																																
2.	Lembaga Pelabuhan Bintulu	1 Januari 1993	Syarikat Bintulu Port Sdn Bhd																																
3.	Lembaga Pelabuhan Johor	1 Januari 1993	Johor Port Berhad																																
4.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	1 Januari 1994	Penang Port Sdn Bhd																																
5.	Lembaga Pelabuhan Kuantan	1 Januari 1998	Kuantan Port Consortium Sdn Bhd																																
6.	Lembaga Letrik Negara	1 September 1990	Tenaga Nasional Berhad (TNB)																																
7.	Lembaga Padi dan Beras Negara	7 Julai 1994	Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)																																

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan																												
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Nama Badan Berkanun</th><th>Tarikh penswastaan</th><th>Nama setelah penswastaan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>8.</td><td>Perbadanan Pembangunan Bandar</td><td>1 September 1996</td><td>UDA Holding Berhad</td></tr> <tr> <td>9.</td><td>Institut Piawaian Standard Malaysia</td><td>1 September 1996</td><td>SIRIM Berhad</td></tr> <tr> <td>10.</td><td>Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara</td><td>1 September 1997</td><td>FELCRA Behad</td></tr> <tr> <td>11.</td><td>Bank Pertanian Malaysia</td><td>1 April 2008</td><td>AGROBANK</td></tr> <tr> <td>12.</td><td>Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara</td><td>1 Mac 2000 1 April 2000 1 Mei 2000 1 Ogos 2000 1 September 2000 1 Oktober 2000 1 November 2000</td><td>Teras Dara Konsortium Sdn Bhd</td></tr> <tr> <td>13.</td><td>Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka Pahang</td><td>2 Oktober 2020</td><td>Warisan Jengka Holding Sdn Bhd</td></tr> </tbody> </table>	Bil.	Nama Badan Berkanun	Tarikh penswastaan	Nama setelah penswastaan	8.	Perbadanan Pembangunan Bandar	1 September 1996	UDA Holding Berhad	9.	Institut Piawaian Standard Malaysia	1 September 1996	SIRIM Berhad	10.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara	1 September 1997	FELCRA Behad	11.	Bank Pertanian Malaysia	1 April 2008	AGROBANK	12.	Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara	1 Mac 2000 1 April 2000 1 Mei 2000 1 Ogos 2000 1 September 2000 1 Oktober 2000 1 November 2000	Teras Dara Konsortium Sdn Bhd	13.	Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka Pahang	2 Oktober 2020	Warisan Jengka Holding Sdn Bhd	
Bil.	Nama Badan Berkanun	Tarikh penswastaan	Nama setelah penswastaan																												
8.	Perbadanan Pembangunan Bandar	1 September 1996	UDA Holding Berhad																												
9.	Institut Piawaian Standard Malaysia	1 September 1996	SIRIM Berhad																												
10.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara	1 September 1997	FELCRA Behad																												
11.	Bank Pertanian Malaysia	1 April 2008	AGROBANK																												
12.	Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara	1 Mac 2000 1 April 2000 1 Mei 2000 1 Ogos 2000 1 September 2000 1 Oktober 2000 1 November 2000	Teras Dara Konsortium Sdn Bhd																												
13.	Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka Pahang	2 Oktober 2020	Warisan Jengka Holding Sdn Bhd																												

6.11 Penjawat Awam (Tentera)

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Sekiranya pesakit mengemukakan borang pemeriksaan kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menyatakan caj ujian X-ray dada sebanyak RM15.00, adakah caj tersebut boleh diguna pakai atau caj perlu dikenakan mengikut Perintah Fi Perubatan yang berkuat kuasa?	Pengenaan caj perkhidmatan kesihatan di fasiliti KKM hendaklah dikenakan caj berdasarkan Perintah Fi Perubatan yang berkuat kuasa. Dalam hal ini, caj ujian X-ray dada dikenakan sebanyak RM75.00.	Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017

6.12 Pelajar Sekolah / Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Adakah surat pengesahan pelajar sekolah perlu dikemukakan setiap kali kehadiran ke hospital / klinik?	Surat pengesahan diri hanya perlu dibawa dalam tempoh tiga (3) bulan sekali.	Surat Bahagian Kewangan (6)dlm.KKM-203/04/ bertarikh 12 Julai 1994
2.	Berapakah caj perkhidmatan bersunat bagi murid sekolah di hospital Kerajaan?	Percuma kepada pelajar yang berumur tidak melebihi 21 tahun yang mengemukakan kad pengenalan dan surat akuan daripada pengetua / guru besar sekolah. Pengecualian caj ini adalah terpakai bagi perkhidmatan pesakit luar dan pesakit dalam Kelas Dua.	Surat Bahagian Kewangan KKM.400-9/1/3 Jld.2 (19) bertarikh 11 April 2017
3.	Seorang remaja hadir berpakaian baju sekolah untuk mendapatkan rawatan pesakit luar di klinik kesihatan KKM. Adakah pengecualian caj diberikan kepada pesakit tersebut?	Percuma, sekiranya pesakit membawa surat pengesahan pelajar dari sekolah.	Surat Bahagian Kewangan KKM.400-9/1/3 Jld.2 (19) bertarikh 11 April 2017
4.	Apakah caj pemeriksaan kesihatan bagi pelajar yang memasuki sekolah sukan di bawah Institut Sukan Negara?	Sekolah Sukan Malaysia (SSM) adalah sekolah Kerajaan bertaraf asrama penuh. Pemeriksaan kesihatan pakej asas bagi kemasukan ke sekolah tersebut hanya dikenakan caj sebanyak RM1.00.	Surat Bahagian Kewangan KKM.400-9/1/3 Jld.2 (19) bertarikh 11 April 2017
5.	Pelajar IPTA / IPTS menjalani latihan industri perlu membuat pemeriksaan kesihatan. Berapakah kadar caj pemeriksaan kesihatan tersebut?	RM100.00 (pakej asas).	Perintah Fi (Perubatan) 1982
6.	Adakah pelajar perubatan IPTA / IPTS boleh menerima bayaran penyediaan laporan perubatan semasa menjalani latihan di hospital-hospital KKM?	Pelajar perubatan IPTA / IPTS tidak layak menerima bayaran bagi penyediaan sesebuah laporan perubatan.	Perintah Fi (Perubatan) 1982
7.	Adakah pelajar IPTA / IPTS perlu membayar deposit untuk mendapatkan rawatan di hospital atau klinik?	KKM telah menetapkan bahawa semua pelajar IPTA / IPTS di seluruh Malaysia dikekualikan daripada membayar deposit sekiranya mengemukakan surat jaminan (GL) yang disahkan dengan tandatangan pegawai Universiti / Kolej dan cop rasmi kolej atau universiti. Pihak IPTA / IPTS perlu menjelaskan semua bil yang dikenakan dalam tempoh yang ditetapkan.	Surat Bahagian Kewangan (6)dlm.KKM-203/04/ bertarikh 12 Julai 1994
8.	Adakah surat rujukan sekolah boleh digunakan oleh pelajar sekolah yang melahirkan anak di hospital Kerajaan?	Surat rujukan sekolah boleh digunakan bagi mendapatkan pengecualian caj rawatan wad Kelas Dua.	Surat Bahagian Kewangan KKM.400-9/1/3 Jld.2 (19) bertarikh 11 April 2017
9.	Adakah pemeriksaan kesihatan bagi pelajar menyertai kegiatan ko-kurikulum / unit beruniform perlu dikenakan caj?	Sekiranya pemeriksaan kesihatan bagi menyertai kegiatan ko-kurikulum / unit beruniform hanya memerlukan pemeriksaan fizikal, maka pelajar dikehendaki membayar caj pendaftaran di Jabatan Pesakit Luar Am sebanyak RM1.00	i. Jadual H, Bahagian 3 Perintah Fi (Perubatan) 1982

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
		<p>sahaja. Mereka akan turut dikecualikan daripada bayaran RM1.00 tersebut apabila mengemukakan surat sekolah.</p> <p>Pakej asas pemeriksaan kesihatan yang merangkumi pemeriksaan fizikal, X-ray dan ujian <i>urine</i> FEME dikenakan caj pada kadar RM100.00. Sebarang ujian tambahan yang lain dikenakan caj berasingan.</p>	ii. (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019

6.13 Pergigian

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Berapakah kadar caj perkhidmatan rawatan pergigian?	<ul style="list-style-type: none"> i. Caj RM1 dikenakan bagi lawatan di Klinik Pergigian. Caj tersebut termasuk caj perundingan dan siasatan. Sekiranya rawatan lanjut diperlukan pada hari yang sama, caj tambahan seperti pada Jadual F Perintah Fi (Perubatan) 1982 dikenakan. Bagi lawatan susulan di mana telah ditetapkan rawatan spesifik akan dijalankan seperti cabutan / tampilan pada hari yang lain, caj lawatan (RM1) dan caj bagi rawatan berkenaan hendaklah dikenakan. ii. Bagi caj pembentukan penuh gigi palsu tidak termasuk harga logam di Pesakit Luar dikenakan caj RM50 bagi setiap rahang dan tambahan RM2 bagi tiap-tiap batang gigi. Caj tersebut dibayar sekali sahaja walaupun bilangan lawatan adalah 5 hingga 6 kali. iii. Bagi caj pembentukan sebahagian gigi palsu tidak termasuk harga logam di Pesakit Luar dikenakan caj RM10 bagi setiap rahang dan tambahan RM2 bagi tiap-tiap batang gigi. 	Perintah Fi (Perubatan) 1982
2.	Berapakah caj rawatan pergigian bagi pesakit rujukan pengamal persendirian perubatan swasta?	RM30 pada lawatan pertama dan RM5 bagi setiap sesi <i>follow-up</i> .	(10)dlm.KKM.203/18/1.Jld.28 bertarikh 29 Mac 2006
3.	Adakah ibu mengandung diberikan pengecualian caj rawatan pergigian?	<p>Ya. Perenggan 16(6) menyatakan „mana-mana ibu mengandung yang telah dirujuk oleh sesuatu Hospital / Pusat Kesihatan / Klinik Kerajaan untuk rawatan pergigian, selain dari pembekalan dan pembedakan gigi palsu atau alat ortodontik hendaklah dikecualikan dari membayar caj pergigian.</p> <p>Walau bagaimanapun, tiada pengecualian diberikan bagi kes ibu mengandung yang dirujuk oleh pengamal persendirian perubatan swasta atau hadir secara „<i>walk in</i>“.</p>	Perenggan 16(6) Perintah Fi (Perubatan) 1982

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
4.	Berapakah caj yang dikenakan untuk tampilan sementara?	Caj pendaftaran RM1 dan caj tampilan RM2 perlu dikenakan pada lawatan pertama. Temu janji seterusnya bagi filing tetap adalah tertakluk pada caj tambahan RM2 (caj pendaftaran dikecualikan).	(56)dlm.KKM-203/18 Jld.4 bertarikh 15 Julai 2002
5.	Adakah pesakit yang dirujuk secara <i>cross referral</i> Klinik Pergigian (KP) ke Klinik Kesihatan (KK) atau KK ke KP perlu dikenakan caj?	Kes <i>cross referral</i> perlu didaftarkan sebagai kes baharu di klinik yang dirujuk dan dikenakan caj pendaftaran RM1.00. Nota: Contoh kes <i>cross referral</i> dari KP ke KK adalah seperti pemeriksaan tekanan darah / urin bagi kes darah tinggi atau kencing manis.	Perintah Fi (Perubatan) 1982

6.14 Deposit Perubatan

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Bagaimakah baki bayaran wang deposit pesakit dipulangkan?	Setiap pesakit yang dimasukkan ke wad hendaklah membayar deposit dan dikreditkan dalam kod 76302 (Deposit Warganegara) dan Kod 76303 (Deposit Warganegara Asing). Baki deposit perlu dikembalikan sebaik sahaja pesakit didiscaj.	Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil Tunggakan dan Hapus Kira bertarikh 5 April 2019
2.	Adakah dibenarkan penambahan deposit (<i>top up</i>) ke atas amaun deposit yang belum dituntut balik sekiranya pesakit dimasukkan semula ke wad dalam jangka masa yang singkat?	Tidak dibenarkan. Ini boleh menyebabkan fail bil dan daftar caj hospital tidak dapat dikemas kini dengan teratur.	Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil Tunggakan dan Hapus Kira bertarikh 5 April 2019
3.	Adakah deposit pesakit yang dibayar di hospital ABC dibenarkan untuk digunakan di hospital DEF?	Boleh dengan kebenaran. Merujuk kepada AP.158(c), deposit tidak boleh dipulangkan balik ke hospital yang lain dari hospital di mana deposit tersebut diterima melainkan dengan kebenaran hospital yang menerima. Pemberitahuan mengenai pembayaran dan penyelarasannya hendaklah dihantar ke hospital yang telah menerima deposit tersebut.	Arahan Perbendaharaan AP.158(c)
4.	Adakah kutipan deposit boleh dibuat menggunakan kad kredit?	Pembayaran deposit melalui kad kredit tidak boleh diterima.	Arahan Perbendaharaan 2023

6.15 Laporan Perubatan / Insurans

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Berapakah bayaran yang perlu dikenakan bagi pemohon yang mempunyai 2 borang insurans (diasingkan) daripada syarikat yang sama. Contohnya Syarikat Insurans Great Eastern Life ada 2 borang yang perlu diisi oleh pegawai perubatan iaitu <i>Medical Certification</i> dan <i>Doctor's Statement</i> ?	Sekiranya pegawai perubatan KKM perlu mengeluarkan dua laporan perubatan berdasarkan dua borang berasingan tersebut, caj RM80.00 akan dikenakan. Sekiranya dua (2) borang tersebut perlu dimasukkan dalam satu laporan perubatan maka caj hanya RM40.00 dikenakan.	Perintah Fi (Perubatan) 1982
2.	Bagi kes PERKESO dimana pesakit sendiri telah membayar RM40 untuk mendapatkan laporan perubatan, adakah bayaran laporan perubatan tersebut boleh dimasukkan dalam tuntutan bayaran balik laporan perubatan pegawai perubatan?	Pegawai Perubatan yang terlibat layak menuntut 50% daripada bayaran laporan perubatan tersebut.	PERJ.9758/Jld 17 (9) bertarikh 18 Disember 1993
3.	Adakah <i>discharge summary</i> boleh diberikan kepada pesakit / pihak insurans?	PUU KKM berpandangan kandungan rekod perubatan pesakit hanya digunakan untuk tujuan dalam bagi perawatan pesakit. Ia adalah milik hospital dan tidak boleh diserahkan kepada pesakit. Sehubungan itu, hanya <i>discharge note</i> (Med 75) boleh diberikan kepada pesakit untuk tujuan „continuity of treatment“. Walau bagaimanapun, laporan perubatan boleh diserahkan kepada pesakit setelah mematuhi tatacara permohonan laporan perubatan.	KKM.87/ P1/11/1.Jld7(28) bertarikh 10 Jun 2010

6.16 Pelbagai

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Berapakah caj yang dikenakan bagi penjualan buku rekod kesihatan ibu KKM kepada pengamal perubatan swasta?	RM6.00 satu set.	Surat Bahagian Kewangan KKM 58/900/92 Jld.6 (14) bertarikh 8 November 2016
2.	Adakah bayaran laporan perubatan bagi kes sivil / tuntutan insurans boleh di dituntut oleh pegawai perubatan?	Ya, RM40.00 yang mana 100% daripada bayaran laporan perubatan hendaklah di bayar balik kepada pegawai perubatan.	(12) dlm.KKM-58/900/28. Jld 4 bertarikh 11 Februari 2010

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
3.	Bagaimakah penentuan caj rawatan <i>Microwave Endometrial Ablation</i> (MEA) boleh dibuat?	<p>Bahagian Perkembangan Perubatan telah menyelaraskan rawatan MEA diselaraskan dengan caj rawatan <i>hysterectomy</i> dalam klasifikasi Pembedahan Jenis C. Rujuk Perintah Fi yang sedang berkuat kuasa.</p> <p>Kadar caj seperti Jadual E Perintah Fi (Perubatan) 1982, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) (No.2) 1994 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.</p>	i. Surat Pekelingiling Cawangan Pengurusan Hasil, Bahagian Kewangan Bilangan 3 Tahun 2004 (3) dlm. KK/CH-31 bertarikh 16 Februari 2004 ii. Jadual E, Perintah Fi (Perubatan) 1982
4.	Adakah penjamin bagi pesakit yang tidak membayar cagaran di hospital akan dipertanggungjawabkan ke atas bil pesakit?	<p>Ya. Bagi kes di mana pihak tertentu meminta atau memperakukan seorang pesakit di tempatkan wad Kelas Satu atau wad Kelas Dua tanpa membayar deposit, pihak tersebut perlu melengkapkan dan menandatangani surat jaminan / akuan peribadi.</p> <p>Penjamin tersebut adalah <i>„liable“</i> ke atas bil pesakit sekiranya pesakit gagal menjelaskan bilnya.</p>	Surat Pekelingiling Cawangan Pengurusan Hasil Bahagian Kewangan Bilangan 5 Tahun 2004 (5) dlm. KK/CH-31 bertarikh 28 Februari 2004
5.	Berapakah kadar deposit bagi alat ortopedik „External Fixator“ (EF)?	<p>Warganegara:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Peralatan EF berharga sehingga RM10,000.00, kadar deposit adalah RM500.00 bagi semua kategori kelas pesakit. ▪ Peralatan EF berharga melebihi RM10,000.00, kadar deposit adalah 15% bagi Kelas Satu, 10% bagi Kelas Dua dan 5% bagi Kelas Tiga. 	i. Surat Bahagian Kewangan (27) dlm. KKM-500/900/92 Jld.4 bertarikh 25 Mac 2016 ii. Surat Bahagian Kewangan KKM 203/18/ (76) bertarikh 12 Januari 2001
6.	Berapakah kadar caj bagi Perkhidmatan <i>Assisted Reproductive Technology</i> (ART) di Klinik/Hospital?	<p>Jenis Paket:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ IVF: RM 4,200.00 ▪ IVF dengan embrio yang dibekukan: RM4,400.00 ▪ ICSI: RM4,800.00 ▪ ICSI dengan embrio yang dibekukan: RM5,000.00 ▪ Pemindahan embrio beku: RM500.00 	(1)dlm KKM 203/11 Jld.10 bertarikh 13 April 2009
7.	Apakah tindakan perlu dilaksanakan sekiranya petugas menjumpai harta benda dan wang tunai pesakit?	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Wang tunai dan harta pesakit dimaklumkan secara pemberitahuan am melalui papan notis hospital. ▪ Sekiranya harta benda dituntut selepas dimaklumkan melalui papan notis, dokumentasi rekod di buku daftar. ▪ Sekiranya harta benda tidak dituntut selepas 30 hari dari tarikh dimaklumkan melalui papan notis, wang tunai dikredit ke 81302 & harta benda diserahkan kepada Baitulmal. 	i. Surat Bahagian Kewangan (39) dlm KKM 58/900/31 Jld.4 bertarikh 9 April 2013 ii. KKM-58/AM/017/(26) bertarikh 18 Februari 2000

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
8.	Adakah pengecualian bayaran caj perkhidmatan perubatan dan kesihatan di luar hospital / fasiliti KKM diberikan kepada pesakit warganegara?	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkhidmatan lawatan rumah (<i>home visit</i>) yang meliputi lawatan susulan kesihatan ibu dan anak, kesihatan post-natal, kesihatan kanak-kanak dan remaja, kesihatan warga emas, kesihatan orang kurang upaya (OKU) dan kesihatan mental. ▪ Perkhidmatan yang mempunyai kesinambungan kepada rawatan yang telah diberikan semasa pesakit berada di dalam wad dan lawatan tersebut telah dirancang terlebih dahulu dan telah dipersetujui oleh pakar-pakar demi kebaikan pesakit. ▪ Perawatan pesakit di rumah oleh Jurupulih Carakerja / Jurupulih Anggota (<i>nursing care / rehabilitation</i>) yang diberikan untuk memastikan kesinambungan penjagaan kesihatan (<i>continuous care</i>) dan lain-lain aktiviti termasuk kes-kes terlantar (<i>bedridden</i>), Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas. ▪ Perkhidmatan kesihatan bergerak bagi meningkat kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan di kawasan pendalaman untuk golongan kurang berkemampuan termasuk perkhidmatan klinik bergerak, perkhidmatan <i>Flying Doctors Service</i> (FDS) dan Klinik Bergerak 1 Malaysia (KB1M). 	i. <u>Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2013 (10) dlm.KKM-58/300/1-5 Jld.2 bertarikh 17 Jun 2013</u> ii. <u>Surat Kementerian Kewangan KK/BP/WAI(S)/09 /692/79 Jld.5 sk.2/2013 (10) bertarikh 7 Jun 2013</u>
9.	Adakah perkhidmatan perubatan dan kesihatan di luar hospital / fasiliti KKM bagi perkhidmatan Pasukan Kesihatan Sekolah ke sekolah Kerajaan dan swasta perlu dikenakan caj?	<p>Program dirancang dan dijadualkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelajar warganegara Malaysia: Tiada caj yang dikenakan bagi perkhidmatan yang diberikan. ▪ Pelajar bukan warganegara: Dikenakan caj RM300.00 seorang sebagai caj perkhidmatan perubatan di luar hospital. <p>Program di luar jadual program Pasukan Kesihatan Sekolah yang dijemput oleh pihak sekolah swasta:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelajar warganegara Malaysia: RM150.00 untuk seorang pelajar. ▪ Pelajar bukan warganegara: RM300 .00 bagi seorang pelajar. 	<u>Surat Bahagian Kewangan (21)KKM.400-8/1/89 Jld.5 bertarikh 12 Disember 2017</u>
10.	Apakah tindakan yang perlu dilaksanakan sekiranya pegawai perubatan mendapati pesakit yang berada di wad dijangkiti penyakit berjangkit?	Memo bertulis berkaitan pengesahan penyakit berjangkit daripada Pegawai perubatan yang merawat pesakit di wad perlu dikemukakan kepada Unit Hasil bagi tujuan pengecualian bayaran sewajarnya.	<u>Surat Bahagian Kewangan (14) KKM.400-9/1/3 Jld.12 bertarikh 7 Januari 2020</u>

7.1 Warganegara Asing & Pemastautin Tetap (PR)

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	<p>Seorang warganegara asing (mempunyai pasport telah tamat tempoh) telah berkahwin dengan warganegara Malaysia dan mempunyai sijil nikah yang sah.</p> <p>Adakah warganegara asing tersebut dikenakan caj awam atau caj warganegara asing?</p>	Sekiranya sijil nikah adalah sah, maka warganegara asing tersebut boleh dikenakan caj rawatan seperti warganegara tanpa mengira status pasport dengan syarat masih dalam ikatan perkahwinan.	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan 2014)
2.	Adakah pesakit warganegara asing yang kematian suami / isteri warganegara Malaysia masih layak menerima keistimewaan pada kadar caj warganegara?	Sekiranya pasangan isteri / suami yang bukan warganegara kepada warganegara Malaysia telah meninggal dunia, isteri / suami bukan warganegara tersebut masih boleh menikmati caj warganegara.	i. Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan 2014) ii. (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
3.	Ibu bapa bukan warganegara melahirkan anak di Malaysia dan sijil lahir yang dikeluarkan menyatakan status anak tersebut bukan warganegara. Anak tersebut berumur 1 tahun 6 bulan. Berapakah kadar caj yang perlu dikenakan kepada anak tersebut?	Kanak-kanak tersebut dikenakan caj warga asing kerana kedua-dua ibu bapanya adalah bukan warganegara.	(34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
4.	Anak bukan warganegara tetapi dipelihara oleh ibu angkat (warganegara Malaysia). Anak tersebut masih tidak dapat sebarang sijil pengesahan yang membuktikan beliau sebagai anak angkat kepada warganegara. Berapakah kadar caj yang perlu dikenakan kepada anak tersebut?	Kanak-kanak tersebut dikenakan caj warganegara asing kerana tiada sijil pengangkatan yang sah.	(34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
5.	Berapakah caj yang perlu dikenakan bagi ibu mengandung warganegara asing yang dirujuk dari Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) ke klinik pergigian primer?	Klinik pergigian primer adalah merupakan Jabatan Pesakit Luar Am. Ibu mengandung warganegara asing tersebut dikenakan RM40.00 caj pendaftaran (bagi setiap lawatan) yang merangkumi pendaftaran, perundingan dan ubat. Siasatan dan rawatan dikenakan caj berasingan.	(34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
6.	<p>Seorang warganegara asing (pemegang kad pemastautin tetap) telah berkahwin dengan pasangan warganegara asing (pemegang pasport) telah berkahwin dan mempunyai sijil nikah yang sah. Adakah pasangan tersebut dikenakan caj mengikut kadar warganegara? Bagaimana caj rawatan jika pasangan ini mempunyai anak?</p>	<p>Pemegang kad pemastautin tetap adalah layak untuk mendapat caj dengan kadar warganegara. Walau bagaimanapun kelayakan tersebut tidak dipanjangkan kepada pasangan dan anak walaupun mempunyai sijil nikah yang sah. Pasangan / anak kepada PR tersebut dikenakan caj mengikut kadar fi perubatan warga asing.</p> <p>Bagi anak kepada pasangan tersebut, ianya bergantung kepada status kewarganegaraan yang dinyatakan dalam Sijil Kelahiran Malaysia.</p>	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan 2014)

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
7.	Salah seorang pasangan berstatus warganegara Malaysia bernikah dengan warga asing di Malaysia. Apakah status anak tersebut dan berapakah caj yang perlu dikenakan terhadap anak kepada pasangan ini?	Kanak-kanak warganegara asing yang berumur 12 tahun ke bawah yang memegang sijil kelahiran Malaysia dan bapa / ibunya adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap layak dikenakan caj pada kadar warganegara.	<p>i. Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan 2014)</p> <p>ii. (34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019</p>
8.	<p>Seorang warganegara berkahwin dengan warga asing namun perkahwinan tidak didaftar di Malaysia. Apakah caj warganegara atau caj warga asing terhadap anak pasangan tersebut?</p> <p>Apakah kadar caj yang dikenakan terhadap anak pasangan tersebut?</p>	Sijil nikah yang sah diperlukan bagi membolehkan anak tersebut dicaj dengan kadar seperti warganegara. Walau bagaimanapun, bagi anak kepada pasangan tersebut, ia bergantung kepada status kewarganegaraan yang dinyatakan dalam Sijil Kelahiran Malaysia.	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan 2014)
9.	Penjelasan mengenai sijil nikah / sijil perkahwinan. Apakah kriteria yang diterima oleh KKM?	<p>Pasangan isteri / suami warganegara asing kepada warganegara Malaysia yang memiliki dokumen perkahwinan yang sah iaitu sijil nikah / sijil perkahwinan yang disahkan Pejabat Agama Islam Negeri di Malaysia, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Luar Negara atau Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).</p> <p>Ia merangkumi perkahwinan sah yang telah diupacarakan di bawah sesuatu adat sebelum 1 Mac 1982 yang didaftarkan di bawah Akta Memperbaharui Undang-Undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 (Akta 164) dan sijil nikah / sijil perkahwinan yang diiktiraf oleh Native Court Sabah bagi perkahwinan pada atau selepas 1 Mac 1982.</p> <p>Sijil nikah / sijil perkahwinan perlu mendapat pengesahan daripada mana-mana Pejabat Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negara, Pejabat Pendaftaran Nikah Kahwin di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Masing-Masing.</p>	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan 2014)
10.	Apakah caj rawatan dan perubatan di hospital Kerajaan yang dikenakan ke atas warganegara asing yang suami atau isterinya adalah warganegara?	Caj rawatan dan perubatan bagi warganegara asing tersebut adalah sama dengan kelayakan pasangannya yang merupakan warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, apabila suami atau isteri warganegara Malaysia tersebut meninggal dunia atau bercerai, maka sijil nikah / sijil perkahwinan dengan sendirinya terbatal dan isteri atau suami bukan warganegara kepada si mati atau yang bercerai tidak lagi di caj mengikut warganegara tetapi mengikut caj pesakit warganegara asing.	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan 2014)

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
11.	Adakah warganegara asing yang merupakan pasangan / anak kepada warganegara / PR layak mendapat keistimewaan bayaran maksimum RM500.00 bagi caj wad Kelas Tiga untuk setiap kali kemasukan?	Tidak layak. Kelayakan hanya untuk pesakit yang berstatus warganegara sahaja.	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan 2014)
12.	Rujukan pesakit warganegara asing dan pemegang kad pengenalan merah oleh PR ke IJNSB?	Rujukan pesakit warganegara asing dan pemegang kad pengenalan merah oleh PR ke IJNSB adalah tidak digalakkan kerana IJNSB merupakan sebuah syarikat korporat Kerajaan. Pihak hospital perlu memaklumkan bahawa mereka perlu bersedia untuk membayar bil yang tinggi sekiranya dirujuk ke IJNSB. Dalam keadaan kecemasan pihak hospital boleh merujuk pesakit tersebut kepada hospital yang mempunyai kemudahan rawatan jantung. Kecuali jika pesakit yang mampu menjelaskan bil IJNSB.	i. (4)dlm.KKM-203/30.Jld.10 bertarikh 21 Ogos 2003 ii. (104)dlm.KKM-203/18/1 Jld.15 bertarikh 29 Julai 1997 iii. (40)dlm.KKM-203/30 Jld. 9 bertarikh 11 Ogos 2001 iv. KKM.400-8/2/17 Jld.3 (10) bertarikh 27 Mei 2019 v. Permohonan Subsidi Rawatan Pesakit Luar Unit Taksiran Khas, KKM di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd
13.	Adakah bayi kepada pesakit warganegara asing yang menjalani ujian saringan HIV ini boleh diberikan pengecualian?	Tidak. Berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 2/2016, caj ujian saringan HIV bagi bayi tersebut tidak boleh dikecualikan kerana penyakit HIV tidak termasuk dalam senarai penyakit berjangkit yang dikecualikan caj.	i. (3)dlmKKM-58/300/1-5 Jld 3 bertarikh 13 Jun 2017 ii. (36) KKM.400-9/1/3 Jld.12 bertarikh 3 Februari 2020
14.	Adakah caj dikenakan bagi lawatan ke rumah secara berkala oleh pihak Klinik Kesihatan Ibu dan Anak bagi kes antenatal / postnatal untuk pesakit warganegara asing?	Ya. Caj perkhidmatan luar fasiliti sebanyak RM300.00 dikenakan bagi satu lawatan.	Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014
15.	Adakah pesakit bukan warganegara yang memiliki Kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diberikan pengecualian bayaran bil perubatan?	Tidak.	(19) KKM.400-8/1/89. Jld.8 bertarikh 31 Januari 2019
16.	Jika ada syarikat swasta yang mempunyai pekerja asing ingin mengadakan program kesihatan dan memohon rawatan pergigian diadakan di kilang tersebut, adakah warganegara asing tersebut perlu dicaj mengikut Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014?	Ya. Warganegara asing tersebut dikenakan caj perkhidmatan di luar fasiliti berjumlah RM300.00 seorang	Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
17.	Adakah banduan warganegara asing yang meminta rawatan <i>denture</i> (gigi palsu) semasa dalam tahanan boleh diberikan rawatan?	Pengecualian fi ke banduan warganegara asing adalah tidak termasuk rawatan pergigian melainkan kes-kes kecemasan dan pembekalan anggota tiruan/prostesis.	KKM400/9/1/3 Jld.10 (25) bertarikh 10 Julai 2019
18.	Bagi mangsa-mangsa kemalangan atau penganiayaan yang dirujuk oleh polis, adakah pesakit perlu diiringi oleh polis ke hospital?	Ya. Perlu mengemukakan borang POL59.	(80) dlm KKM-203/18/1.Bhg 3 bertarikh 25 Mac 1994
19.	Berapakah kadar caj fi bagi perkhidmatan <i>Enteral Nutrition Formula</i> bagi pesakit warganegara asing?	Pengenaan caj bagi "Enteral Nutrition Formula" bagi pesakit warganegara asing adalah RM70.00 bagi setiap hari. Walaupun pesakit tidak disediakan diet harian dan digantikan dengan susu formula sahaja, caj RM70.00 bagi "Enteral Nutrition Formula" perlu dikenakan kepada pesakit warga asing berkenaan.	Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014
20.	Berapakah caj yang dikenakan bagi imunisasi / PEP vaksin rabies untuk warganegara asing?	Caj bagi imunisasi / PEP vaksin rabies untuk warganegara asing adalah seperti berikut: Pendaftaran: RM40 Imunisasi Lain: RM40	Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014
21.	Isteri (warganegara asing) kepada seorang PR telah mendapatkan rawatan di klinik kesihatan KKM. Caj yang dikenakan kepada beliau adalah?	Caj warganegara asing. Kelayakan PR untuk dikenakan caj warganegara asing adalah terpakai kepada diri sendiri sahaja.	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014
22.	Adakah pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (PR) / pemegang pasport Malaysia yang berkahwin dengan warganegara layak mendapat keistimewaan caj warga emas (60 tahun ke atas) seperti warganegara Malaysia bagi klinik pakar / pesakit luar?	Layak dikenakan caj warganegara Malaysia sahaja. Tidak layak menerima pengecualian sebagaimana yang diberikan kepada warganegara Malaysia.	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014
23.	Adakah caj pendaftaran bagi pemastautin tetap (PR) berumur 60 tahun ke atas dikecualikan?	Kemudahan pengecualian bayaran caj pendaftaran adalah diberikan kepada warga emas yang berusia 60 tahun ke atas dan berstatus warganegara sahaja. Warga asing atau penduduk tetap adalah tidak terpakai kepada kemudahan pengecualian tersebut.	(34) KKM.400-8/1/89 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
24.	Seorang penjawat awam telah mengambil anak angkat yang merupakan warganegara asing. Adakah GL boleh digunakan untuk kemudahan perubatan dan apakah kadar fi bagi anak angkat tersebut ?	Ya, GL boleh digunakan sekiranya ada dokumen pengangkatan anak angkat yang sah. Kadar fi perubatan adalah mengikut caj warganegara.	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014
25.	Adakah mayat pesakit warga asing yang dituntut oleh waris / majikan / kedutaan / pihak yang berkaitan boleh diberi pelepasan sebelum bayaran bil perubatan dijelaskan?	Ya. Namun pihak hospital perlu terus berusaha membuat kutipan bil perubatan pesakit daripada waris / majikan / kedutaan / pihak yang berkaitan.	Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan														
26.	Adakah syarikat-syarikat yang mengemukakan permohonan pengecualian atau pengurangan bayaran kos saraan, fi ujian pengesanan COVID-19 dan fi perubatan bagi pekerja asing yang ditempatkan di PKRC, MAEPS Serdang atau di mana-mana tempat di bawah Seksyen 15 Akta 342 pada masa hadapan boleh dipertimbangkan bayaran secara ansuran?	<p>Ya. Kemudahan bayaran secara ansuran tersebut ditawarkan kepada majikan pekerja asing yang tidak mampu menjelaskan bayaran. Kemudahan tersebut dilaksanakan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bayaran ansuran ditetapkan sebanyak enam (6) kali dan hendaklah diselesaikan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelulusan bayaran kemudahan secara ansuran oleh pihak JKN. ii. Bayaran secara ansuran oleh majikan perlu berdasarkan peratusan yang ditetapkan seperti jadual berikut: <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th>Bulan</th><th>Peratus bayaran bulanan daripada jumlah keseluruhan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pertama</td><td>10%</td></tr> <tr> <td>Kedua</td><td>10%</td></tr> <tr> <td>Ketiga</td><td>20%</td></tr> <tr> <td>Keempat</td><td>20%</td></tr> <tr> <td>Kelima</td><td>20%</td></tr> <tr> <td>Keenam</td><td>20%</td></tr> </tbody> </table> <p>Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berkaitan hendaklah bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan bayaran ansuran bulanan dibuat oleh majikan berkenaan mengikut jadual yang ditetapkan.</p>	Bulan	Peratus bayaran bulanan daripada jumlah keseluruhan	Pertama	10%	Kedua	10%	Ketiga	20%	Keempat	20%	Kelima	20%	Keenam	20%	KKM.400-9/5/3 Jld.13 (39) bertarikh 11 Januari 2022
Bulan	Peratus bayaran bulanan daripada jumlah keseluruhan																
Pertama	10%																
Kedua	10%																
Ketiga	20%																
Keempat	20%																
Kelima	20%																
Keenam	20%																
27.	Adakah pelajar warganegara asing yang mengambil suntikan HPV di sekolah dikenakan caj?	Ya. Caj suntikan adalah seperti Jadual 7, item 3 iaitu RM40.00 untuk caj suntikan. Selain itu, bayaran caj luar fasiliti sebanyak RM300.00 akan dikenakan jika program suntikan tersebut bukan merupakan anjuran PKD.	Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014														
28.	Adakah kad pengenalan diri, pelarian (MyRC) boleh diterima bagi melayukkan pesakit pelarian mendapat keistimewaan sebagaimana kad UNHCR?	Kad MyRC adalah tidak diterima di fasiliti KKM bagi tujuan mendapatkan pengurangan bayaran sebanyak 50%. Hanya kad UNHCR sahaja diterima bagi tujuan tersebut.	(22)dlm KKM.400-9/1/3 Jld 7 bertarikh 10 Ogos 2018														
29.	Adakah sebarang had bagi pembekalan ubat kepada pesakit WNA di fasiliti KKM?	<p>Ya. Ubat-ubatan dibekalkan kepada WNA yang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) di fasiliti KKM perlu dihadkan kepada 5 hari sahaja. Pesakit WNA akan diberi 2 preskripsi oleh doktor iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Preskripsi pertama untuk bekalan di fasiliti KKM bagi tempoh 5 hari sahaja. ▪ Preskripsi kedua untuk bekalan seterusnya (jika perlu dimana ubat-ubat perlu dibeli di luar fasiliti KKM). 	Surat Ketua Pengarah Kesihatan KKM.600-34/3/7 (27) bertarikh 15 September 2016														

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
		<p>Bekalan ubat kepada WNA adalah terhad kepada 5 hari sahaja KECUALI golongan-golongan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemastautin tetap (diri sendiri sahaja) yang mempunyai suatu kad pengenalan di bawah perenggan 5 (3)(b) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 [P.U. (A) 472/1990]. ▪ Kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah yang mempunyai sijil kelahiran Malaysia dan bapa atau ibunya adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia. ▪ Pasangan isteri / suami WNA kepada warganegara Malaysia dan memiliki dokumen perkahwinan yang sah iaitu sijil nikah / sijil perkahwinan yang disahkan. Sekiranya pasangan isteri / suami kepada WNA telah bercerai / meninggal dunia, sijil nikah/sijil perkahwinan dengan sendirinya terbatal dan dicaj mengikut Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014. ▪ WNA yang memerlukan bekalan diet bagi penyakit berjangkit selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. ▪ Pesakit WNA yang memerlukan ubat yang mempunyai tempoh tertentu seperti ubat <i>antibiotic</i> (regimen penuh). ▪ Pesakit WNA yang berdaftar dan mempunyai kad UNHCR yang sah. ▪ WNA yang ditahan di pusat tahanan seperti depoh tahanan pendatang tanpa izin, lokap polis dan penjara. ▪ WNA yang hamil hanya untuk ubat bagi tujuan rawatan perubatan sahaja dan bukannya suplemen. ▪ WNA yang memerlukan ubatan injeksi yang perlu <i>diadminister</i> terus oleh anggota kesihatan KKM. Ini termasuk pesakit WNA yang mengalami masalah psikiatrik yang memerlukan injeksi. ▪ Kes-kes pesakit WNA discaj daripada hospital di mana pegawai perubatan berdasarkan penilaian klinikal merasakan terdapat keperluan pesakit mendapat bekalan melebihi 5 hari. <p>(Semua warga asing yang tidak diberi pengecualian, ubat hanya akan dibekalkan untuk tempoh 5 hari sahaja)</p>	
30.	Seorang pemastautin tetap yang tidak mempunyai sijil perkahwinan yang sah telah dimasukkan ke wad bagi prosedur bersalin. Bagaimana caj rawatan jika anak yang dilahirkan dimasukkan ke <i>Neonatal Intensive Care Unit</i> (NICU)?	Keistimewaan pemastututin tetap tidak dipanjangkan kepada pasangan/anak. Oleh itu, penentuan kadar caj adalah bergantung kepada status kewarganegaraan yang dinyatakan dalam Sijil Kelahiran Malaysia.	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014

7.2 Pesakit di Jabatan Kecemasan

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Adakah pesakit warganegara asing yang mendaftar di Jabatan Kecemasan dan Trauma serta perlu dimasukkan ke wad dengan segera boleh dikecualikan bayaran deposit?	Ya, dengan syarat Pegawai Perubatan Pakar yang merawat pesakit perlu mengesahkan keperluan pesakit tersebut dimasukkan ke wad atas faktor klinikal. Pegawai Perubatan Pakar hendaklah mengesahkan pada Borang Pengesahan Pegawai Perubatan untuk membenarkan pesakit dimasukkan ke wad tanpa deposit terlebih dahulu.	Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil.2/2015 (18) dlm KKM-58/300/1-5 Jld.2 bertarikh 4 Mac 2015

7.3 PATI

Bil.	Soalan	Jawapan	Rujukan
1.	Apakah tindakan yang perlu dilaksanakan sekiranya petugas kesihatan mendapati pesakit warganegara asing gagal mengemukakan dokumen perjalanan yang sah (PATI)?	Petugas Kesihatan hendaklah melaporkan kepada Pejabat Imigresen dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuat laporan bulanan mengenai bilangan PATI dan tindakan yang telah diambil. Penyediaan laporan tersebut adalah seperti mana Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan bilangan 10/2001.	<ul style="list-style-type: none"> i. Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil Tunggakan dan Hapus Kira bertarikh 5 April 2019 ii. Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan bilangan 10/2001 iii. Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014



GARIS PANDUAN PENGURUSAN HASIL

i. Garis Panduan Pengurusan Hasil - Pelbagai

Bil.	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Rujukan
1.	Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil, Tuggakan Dan Hapuskira Di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia	Surat Bahagian Kewangan (6) dlm.KKM.400-9/1/3 Jld.9 bertarikh 5 April 2019
2.	Garis Panduan Penyediaan Laporan Perubatan di Hospital-Hospital dan Institusi Perubatan	Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 16/2010
3.	Panduan Tatacara Pengendalian Filem X-ray di Hospital-Hospital dan Klinik-Klinik Kementerian Kesihatan Malaysia	Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.10/2002 (1) dlm.KKM-87(P20/503) Bhg. 5 bertarikh 14 Oktober 2002
4.	Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan Perubatan Swasta Oleh Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan	Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 7 Tahun 2001 (74) dlm.KKM 87 (P20/710/1) Bhg.2 bertarikh 8 Mei 2001
5.	Garis Panduan Menguruskan Harta Benda Dan Wang Tunai Pesakit	Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 2 Tahun 2000 KKM-58/AM/017/(26) bertarikh 18 Februari 2000
6.	Garis Panduan Pemeriksaan Perubatan Untuk Orang Yang Disyaki Diperdagangkan Pindaan 2017	Surat Bahagian Kawalan Penyakit KKM.600-29/4/26 Jld 2 (18) bertarikh 19 Oktober 2017
7.	Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan Jadual Pertama) 2016 – Penambahbaikan Bagi Senarai Penyakit Berjangkit	Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan Jadual Pertama) 2016
8.	Tatacara Membayar Tuntutan Pegawai Perubatan Yang Disaman Untuk Menghadiri Kes-Kes Sivil Di Mahkamah	Surat Bahagian Kewangan (15)KKM-203/18 Jld.3 bertarikh 16 September 1996

ii. Garis Panduan Pengurusan Hasil - Warganegara

Bil.	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Rujukan
1.	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017
2.	Penjelasan Pelaksanaan Caj Perubatan Warganegara Melalui Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017	Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 6/2017 (28) KKM.400-9/1/3 Jld.2 bertarikh 24 Februari 2017

Bil.	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Rujukan
3.	Garis Panduan Penyelarasan Kutipan Caj Pendaftaran Dan Perkhidmatan Di Fasiliti Kesihatan Primer, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bagi Warganegara	Surat Edaran Bahagian Kewangan (34) KKM.400-8/1/9 Jld.11 bertarikh 3 Disember 2019
4.	Pelaksanaan Pengecualian Caj Hospital / Klinik Kesihatan / Klinik Pergigian Bagi Pesakit Kelas Tiga / Pesakit Luar	Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 2 Tahun 2006 (75) dlm.KKM-203/18/1 Jld.28 bertarikh 12 Oktober 2006
5.	Penjelasan Dan Panduan Pengenaan Caj Bagi Pemeriksaan Kesihatan Warganegara Malaysia Di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia	Surat Edaran Bahagian Kewangan (33) KKM.400-8/1/9 Jld.12 bertarikh 14 April 2020
6.	Semakan Semula Garis Panduan Penyelarasan Kutipan Caj Pendaftaran Dan Perkhidmatan Di Fasiliti Kesihatan Primer, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bagi Warganegara	Surat Edaran Bahagian Kewangan (15) KKM.400-8/1/9 Jld.12 bertarikh 28 Februari 2020
7.	Garis Panduan Caj Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pengesahan Ketidakupayaan Orang Kurang Upaya (OKU)	Surat Pekeliling Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM.400-8/1/89 Jld.7(3) bertarikh 2 Oktober 2018
8.	Pengemaskinian pada Panduan Pendapatan Garis Kemiskinan Malaysia	Surat Edaran Bahagian Kewangan (46)KKM.400-9/1/3 Jld.6 bertarikh 25 Jun 2018
9.	Panduan Pengenaan Caj Bagi Rawatan Anti-Neoplastik Berdasarkan Bahagian 4, Rawatan Radioterapi Dan Onkologi, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017	Surat Bahagian Kewangan (28)dlm.KKM.400-8/1/89 Jld.2 bertarikh 26 Januari 2017
10.	Pengemaskinian Garis Panduan Pengenaan Caj Bagi Rawatan Anti-Neoplastik Berdasarkan Bahagian 4, Rawatan Radioterapi Dan Onkologi, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017	Surat Edaran Bahagian Kewangan (29) KKM.400-8/1/89 Jld.9 bertarikh 30 Mei 2019
11.	Polisi Penyampaian Perkhidmatan Rawatan Harian Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia	Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 32 Tahun 2010
12.	Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji: Edisi Khas Pandemik	Cetakan ke Empat Belas Edisi Khas Tahun 2022
13.	Penjelasan Mengenai Caj Bagi Pasukan Bersedia (<i>Standby Medical Team</i>): i. Majlis-majlis rasmi dibiayai oleh Kerajaan (termasuk Kerajaan Negeri) contohnya Perayaan Hari Kebangsaan, Mesyuarat Dewan Undangan Negeri; ii. Majlis-majlis diadakan oleh Pertubuhan Kebajikan dan Sukan yang ditubuhkan di peringkat Kementerian / Jabatan / Negeri diiktiraf oleh Kerajaan dan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan contohnya Kejohanan Olahraga Majlis Kebajikan Dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan (MAKSAK); dan	KKM-203/18/1 Jld.23 (50) bertarikh 11 Oktober 2001

Bil.	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Rujukan
	iii. Majlis-majlis yang diadakan oleh Pertubuhan-pertubuhan lain yang berdaftar dan diluluskan oleh Ketua Setiausaha Negara dari semasa ke semasa.	
14.	Panduan Mengenai Kemudahan di Institut Jantung Negara Sdn Bhd (IJNSB) bagi Pelbagai Golongan Pesakit di bawah Tanggungan Kerajaan Persekutuan – Kemudahan Perubatan bagi Pegawai Kerajaan	Surat Bahagian Kewangan (68) dlm.KKM.203/30 Bhg.5 bertarikh 16 September 1997
15.	Senarai Lengkap Agensi – Agensi Di Bawah Perkhidmatan Awam Negeri (PAN), Badan Berkanun Negeri (PBB) Dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Surat Edaran Bahagian Kewangan (53) KKM.400-8/1/9 Jld.11 bertarikh 10 Disember 2019
16.	Senarai Agensi Sektor Awam Bagi Tujuan Tuntutan Bil Rawatan Perubatan Kakitangan / Pesara Perkhidmatan Awam Negeri (PAN), Pihak Berkuasa Berkanun (PBB) Dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Surat Edaran Bahagian Kewangan (31) KKM.400-8/1/9 Jld.12 bertarikh 1 April 2020
17.	Garis Panduan Pelaksanaan Bayaran Bil Rawatan Di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Pihak Berkuasa Berkanun	Surat Edaran Bahagian Kewangan (7) KKM.400-8/1/89 Jld.12 bertarikh 19 Februari 2020
18.	Garis Panduan Pembayaran Secara Ansuran Bil Rawatan Pesakit Dalam Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	Surat Edaran Bahagian Kewangan (38) KKM.400-9/1/3 Jld.12 bertarikh 6 Februari 2020


iii. Garis Panduan Pengurusan Hasil - Warganegara Asing

Bil.	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Rujukan
1.	Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014	<p>i. Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2014 (17) dlm.KKM-58/300/1-5 Jld.2 bertarikh 29 Disember 2014</p> <p>ii. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (87) KKM.400-8/1/9 Jld.8 bertarikh 8 April 2019</p>
2.	Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil Bagi Pesakit Warga Asing Yang Tidak Membayar Deposit Semasa Mendapatkan Rawatan Di Hospital Kerajaan	Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil.2/2015 (18) dlm.KKM-58/300/1-5 Jld.2 bertarikh 4 Mac 2015
3.	Prosedur Kerja Bagi Kemasukan Wad dan Tuntutan Caj Hospital Pekerja Asing Yang Dilindungi Dibawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) Di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia	Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2011 (2) dlm.KKM-58/300/1-5 Jld.2 bertarikh 18 Januari 2011


Bil.	Jenis Pengecualian / Caj / Penjelasan	Rujukan
4.	Penambahbaikan Prosedur Penyediaan Laporan Perubatan Bagi Pekerja Asing Yang Dilindungi Bawah SPIKPA	i. Surat Bahagian Kewangan (25) dlm KKM-58/900/88 Jld 11 bertarikh 22 Januari 2013 ii. Surat Bahagian Kewangan (53) dlm KKM-58/900/88 Jld 6 bertarikh 27 Jun 2011
5.	Garis Panduan Berkaitan Pelaksanaan Kutipan Caj Ujian Pengesahan Covid-19 Di Pintu Masuk Antarabangsa Dan Caj Stesen Kuarantin Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia	Surat Edaran Bahagian Kewangan (39) KKM.400-9/5/3 bertarikh 28 September 2020
6.	Kemaskini: Garis Panduan Berkaitan Pelaksanaan Kutipan Caj Ujian Pengesahan Covid-19 Di Pintu Masuk Antarabangsa dan Caj Stesen Kuarantin Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia	Surat Edaran Bahagian Kewangan (17) KKM.400-9/5/3 Jld.3 bertarikh 10 November 2020
7.	Garis Panduan Tuntutan Bayaran Balik Ujian Pengesahan Covid-19 Atau Kos Kuarantin Bagi Pengembara (<i>Person Under Surveillance</i>) Yang Telah Membuat Bayaran Penuh	Surat Edaran Bahagian Kewangan (52) KKM.400-9/5/3 Jld.3 bertarikh 1 Disember 2020
8.	Pengenaan Bayaran Bagi Kos Saraan, Fi Ujian Pengesahan Covid-19 Dan Fi Perubatan Pekerja Asing Yang Ditempatkan Di Pusat Kuarantin Dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) Atau Mana-Mana Tempat Di Bawah Seksyen 15 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] Di Seluruh Negara	Surat Edaran Bahagian Kewangan (26) KKM.400-9/1/3 Jld.18 bertarikh 21 Januari 2021
9.	Penjelasan Mengenai Pengenaan Bayaran Bagi Kos Saraan, Fi Ujian Pengesahan Covid-19 Dan Fi Perubatan Pekerja Asing Yang Ditempatkan Di Pusat Kuarantin Dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) Atau Mana-Mana Tempat Di Bawah Seksyen 15 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] Di Seluruh Negara	Surat Edaran Bahagian Kewangan (95) KKM.400-9/5/3 Jld.4 bertarikh 11 Mac 2021
10.	Bayaran Fi Ujian Pengesahan Covid-19, Kos Kuarantin Dan Kos Saraan Tetap Bagi Pengembara Dari Luar Negara	Surat Edaran Bahagian Kewangan (34) KKM.400-9/5/3 Jld.7 bertarikh 30 April 2021

LAMPIRAN


**CARTA ALIR PESAKIT LUAR AM / PAKAR DI KLINIK KESIHATAN KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA**




CARTA ALIR PENGECUALIAN FI BAGI WARGA ASING YANG DISYAKI MENGHIDAP PENYAKIT BERJANGKIT




CARTA ALIR PENGECUALIAN FI BAGI WARGA ASING YANG DISAHKAN MENGHIDAP MANA-MANA PENYAKIT BERJANGKIT SEPERTI DALAM PEKELILING



CARTA ALIR PEMERIKSAAN PERUBATAN ORANG YANG DISYAKI DIPERDAGANGKAN

**CARTA ALIR PROSES CAJ PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI TUJUAN PENGESAHAN
KETIDAKUPAYAAN / OKU**



SENARAI AKRONIM

A	ATM	Angkatan Tentera Malaysia
	CCU	Critical Care Units / Coronary Care Unit; (Bahasa Melayu – Unit Rawatan Rapi / Unit Rawatan Koronari)
C	COVID-19	<i>Coronavirus Disease;</i> (Bahasa Melayu – Penyakit Coronavirus)
	CT	<i>Computed Tomography;</i> (Bahasa Melayu – Imbasan Tomografi Berkomputer)
D	DNA	<i>Deoxyribonucleic acid;</i> (Bahasa Melayu – Asid deoksiribonukleik)
F	FAQ	<i>Frequently Asked Questions;</i> (Bahasa Melayu - Soalan Lazim)
	FEME	<i>Full and Microscopic Examination of Urine;</i> (Bahasa Melayu - Pemeriksaan Penuh dan Mikroskopik Air Kencing)
G	GL	<i>Guarantee Letter;</i> (Bahasa Melayu - Surat Jaminan)
H	HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus;</i> (Bahasa Melayu - Virus Kurang Imun Manusia)
	HRMIS	<i>Human Resource Management Information System;</i> (Bahasa Melayu - Sistem Pengurusan Sumber Manusia)
I	ICU	<i>Intensive Care Unit;</i> (Bahasa Melayu - Unit Rawatan Rapi Atau Unit Rawatan Intensif)
	IJN	Institut Jantung Negara
	IJNSB	Institut Jantung Negara Sdn Bhd
	IPT	Institut Pengajian Tinggi
	IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
	IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
J	JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
	JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
	JPN	Jabatan Pendaftaran Negara

K	KDN	Kementerian Dalam Negeri
	KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
	KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
	KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
	MAEPS	<i>Malaysia Agro Exposition Park Serdang;</i> (Bahasa Melayu - Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang)
	MARDI	Malaysian Agricultural Research and Development Institute; (Bahasa Melayu - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia)
	MARA	Majlis Amanah Rakyat
M	MRI	<i>Magnetic Resonance Imaging;</i> (Bahasa Melayu - Pengimejan Resonans Magnet)
	MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
	MyRC	<i>Malaysia Refugee Card;</i> (Bahasa Melayu - Kad Pengenalan Khas)
	Mykid	<i>Self-Identity Card;</i> (Bahasa Melayu - Kad Identiti Diri)
N	NGO	<i>Non-Governmental Organization;</i> (Bahasa Melayu – Pertubuhan Bukan Kerajaan)
O	OKU	Orang Kurang Upaya
	PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
	PDRM	Polis Diraja Malaysia
	PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
	PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
	PKRC	Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19
	PMA	Pintu Masuk Antarabangsa
P	PR	<i>Permanent Residence;</i> (Bahasa Melayu – Pemaustatin Tetap)
	PSV	<i>Public Service Vehicle;</i> (Bahasa Melayu – Perkhidmatan Kenderaan Awam)
	PTJ	Pusat Tanggungjawab
	PUU	Penasihat Undang-Undang
R	RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia

S	SBP	Seri Paduka Baginda
	SKU	Sasaran Kerja Utama
	SPIKPA	Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing
	SSM	Sekolah Sukan Malaysia
	SUK	Setiausaha Kerajaan Negeri
	SUKMA	Sukan Malaysia
T	TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
	TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia
U	UNHCR	<i>United Nations High Commissioner for Refugees</i>
W	WN	Warganegara
	WNA	Warganegara Asing

SIDANG EDITORIAL

**BUKU PANDUAN KEMUDAHAN PERUBATAN:
KOMPILASI CAJ PENGECEUALIAN FI PERUBATAN
& SOALAN LAZIM (FAQ)**

Penaung

YBhg. Dato' Seri Ir. Zaini Ujang

Penasihat

YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob

Ketua Editorial

YBrs. Dhanesh Kumar Danesekaran

Timbalan Ketua Editorial

YBrs. Ong Ling Loong

Sidang Editorial

Puan Masrina binti Marsono

Encik Mohammad Azziyadi bin Ismail

Puan Siti Balqis binti Anual Bakhri

Puan Aqilla binti Rohaizad

Encik Muhammad Afiq Farhan bin Mahfut

Encik Mohd Izdihar bin Mohd Ali

Cik Nur Dini binti Abdul Razak

Puan Marietta Rachel Lukie

Encik Julian Anak Akau

Cik Rinashini a/p Arunasalam Sukormaru

Puan Lily Amirah binti Ibrahim

Puan Rafiza binti Rahmat

Puan Hasniwati binti Abd Ghani

Cik Noraliah Shazwani binti Mohd Taib

PTJ / HOSPITAL

Puan Suzana binti Sharif

Encik Jaineh bin Abidin

Puan Syamsyidar binti Zakaria

Puan Jamilah binti Jalil

Encik Ahmad Muhyiddin bin Hashim

Puan Siti Hajar binti Razali

Puan Kalsom Begem binti M.A. Abdul Hamid

Encik Khairul Shamsul bin MD Ramli

Puan Noorshafine binti Saudin

Puan Iza Sazira binti Harun

Puan Irhamna binti Ismail

Puan Suria Hanim @ Suhaida bt. hj. Shaari

Encik Mohd Shukry bin Md. Taib

Encik Abdul Syukur bin Supatra

Puan Rosmariani binti Ismail

Encik Mohamad Fadzil bin Iberahim

Puan Noryusriza binti Zulkifli

Dr. Juriati binti Ismail

SEKILAS PERNGHARGAAN GERAK KERJA SIDANG EDITORIAL

**Bengkel Pengemaskinian Buku Panduan Caj Rawatan Perubatan KKM,
8-9 September 2023
Silka Maytower KL**



PENGHARGAAN

**SEKALUNG PENGHARGAAN DAN
JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA**

Bahagian Perkembangan Perubatan

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Jabatan-Jabatan Kesihatan Negeri

Pejabat-Pejabat Kesihatan Daerah

Hospital-hospital / Klinik-klinik

dan

Semua pihak yang telah menyumbang secara langsung
atau tidak langsung dalam usaha penerbitan buku
Buku Panduan Kemudahan Perubatan (Edisi Kedua):
Kompilasi Caj Pengecualian Fi Perubatan &
Soalan Lazim (FAQ)

